

DR.1.8.2001

[DOKUMEN INI BELUM DISEMAK]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 1 Ogos 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)

mempengerusikan Mesyuarat

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pendaftaran kenderaan baru bagi tahun 2000 dan Januari 2001 hingga Mei, 2001; dan
- (b) berapakah jumlah kenderaan di negara kita setakat ini. Adakah bilangannya tinggi jika dihitung nisbah antara kenderaan dan penduduk. Dalam konteks ini, di manakah kedudukan negara kita dibandingkan antara negara-negara ASEAN.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Mengikut perangkaan yang terkumpul oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, jumlah pendaftaran kenderaan baru bagi tahun 2000 dan dari Januari hingga Mei 2001 adalah seperti berikut:

Tahun	Kenderaan Baru (buah)
2000	625,469
2001 (Jan-Mei)	271,976

Jumlah kenderaan yang berdaftar di negara ini sebagai yang terkumpul hingga bulan Mei tahun 2001 ialah sebanyak 10,884,899 buah kenderaan

- (b) Jumlah ini jika dibandingkan dengan penduduk di negara ini iaitu nisbah kereta dengan penduduk adalah tinggi, jika dibandingkan nisbah dengan negara-negara ASEAN tetapi tidak begitu tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Bilangan kenderaan di Thailand umpamanya berjumlah 20,096,000; Indonesia - 18,224,000; Malaysia - 10,884,899 dan seterusnya.

Nisbah perbandingan jumlah kenderaan berdaftar dibandingkan dengan penduduk Malaysia. Bilangan penduduk Malaysia pada tahun 2000 adalah 22.2 juta dan bilangan kenderaan 10.84 juta dan nisbah penduduk dengan kereta adalah 2:1.

Singapura, tiap-tiap enam penduduk satu kereta; Malaysia tiap-tiap

2 penduduk 1 kereta; Indonesia tiap-tiap 11 penduduk 1 kereta; Thailand tiap-tiap 3 penduduk 1 kereta. Manakala di Amerika Syarikat pula tiap-tiap 1.5 penduduk 1 kereta dan di Great Britain tiap-tiap 2 penduduk 1 kereta.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan angka-angka yang diberikan oleh kementerian iaitu negara kita mempunyai 10 juta kenderaan, dan kalau ikut nisbah kenderaan dengan orang, di negara kita 2 orang ada 1 kereta, lebih jauh daripada misalnya di Indonesia - 11 orang 1 kereta; Singapura - 6 orang 1 kereta, lebih kurang, pendek kata negara kita berbanding dengan negara Amerika kurang 1.5 orang satu kereta. Jadi, memandangkan jumlah kenderaan di negara kita begitu tinggi pada saya, jadi adakah kerajaan mempunyai apa-apa rancangan ataupun memikirkan sesuatu supaya jumlah kenderaan di negara kita ini tidak meningkat begitu cepat ataupun ada apa-apa cara supaya melambatkan sedikit tentang peningkatan jumlah kenderaan di negara ini.

Di samping itu, adakah kementerian dengan adanya kerjasama daripada kementerian-kementerian yang lain supaya mempunyai satu perancangan, baik jangka pendek ataupun jangka panjang di mana mempunyai satu sistem lalu lintas yang lebih sempurna supaya kita dapat mengurangkan daripada segi kemalangan jalan raya dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak mempunyai apa-apa sekatan bagi rakyatnya untuk memiliki kemudahan moden ini iaitu kereta. Dan pada jangka pendeknya, saya nampak kita tidak akan mengadakan apa-apa sekatan untuk kebebasan rakyat memperoleh kemudahan yang baik ini. Walaupun kerajaan telah meningkatkan cukai beli untuk rakyat membeli kereta tetapi nampaknya ini tidak menjadi halangan kepada mereka untuk membeli kereta sama ada kereta buatan dalam negeri mahupun kereta daripada luar negara. Ini menunjukkan betapa tingginya taraf hidup rakyat yang di bawah kerajaan yang ada sekarang ini.

Yang keduanya, tentang kelicinan lalu lintas. Sememangnya kita mengamalkan sistem lalu lintas yang terkini, yang ada dalam dunia. Kita lihat bukan sahaja itu tetapi juga kerajaan telah membina begitu banyak infrastruktur dan juga sistem-sistem lalu lintas yang lain seperti sistem ERL, sistem komuter dan juga sistem monorel, sistem transit aliran ringan, selain daripada membina jalan, lebuh raya yang baik, dan dengan itu kita lihat bahawa kelancaran perjalanan kereta-kereta sekarang adalah lebih baik jikalau kita membandingkan dengan sepuluh atau lima belas tahun dahulu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya tidak berapa concern kepada jumlah kenderaan di jalan raya sebagaimana yang disebut oleh Kluang tadi, saya juga concern kepada kemalangan. Bilangan kematian bagi setiap 10,000 kenderaan di Malaysia adalah 5.7% dan bilangan bagi negara-negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Jerman dan Finland adalah kurang daripada 1.8%. Saya hendak menyebut sebab kemalangan ini mengakibatkan wang rakyat. Setiap kali kemalangan maut, melibatkan RM750,000 satu kemalangan maut, yakni kerugian kenderaan, kerosakan, rawatan, insurans dan man hours, dengan izin, yang digunakan di tempat-tempat kejadian kemalangan itu.

Jadi, soalan saya ialah apa hubungan langsung dan bentuk hubungan langsung di antara pertambahan kenderaan ini dengan pertambahan kemalangan. Yang kedua, unjuran kemalangan yang telah dikaji oleh kementerian bagi setidak-tidaknya pada sepuluh tahun yang akan datang, bagaimana unjuran kemalangan yang mungkin akan berlaku dan menimpa rakyat Malaysia dan kerugian yang akan timbul hasil daripada peningkatan kemalangan itu.

Terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya benar bahawa ada kemalangan yang agak tinggi. Dalam pada itu, kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengurangkan kemalangan bukan sahaja daripada segi pendidikan tetapi juga daripada segi pencegahan dan juga pelaksanaan bagaimana untuk mengurangkan kemalangan itu. Dengan itu, kita telah dapat memperoleh satu kadar kemalangan yang kedua terendah di Asia ini iaitu 5.7 kematian bagi tiap-tiap 10,000 kenderaan dan ini adalah yang kedua kurangnya kadar di negara Asia n. Walaupun jikalau dibandingkan dengan negara Barat kita masih jauh ke bawah.

Dalam pada itu, kementerian dan kerajaan akan terus mengadakan ataupun melaksanakan langkah-langkah untuk mengurangkan kemalangan ini. Target kita, sasaran kita ataupun matlamat kita adalah untuk mengurangkan kemalangan daripada 5.7 kematian kepada 4.2 kematian bagi tiap-tiap 10,000 kenderaan dalam jangka masa 10 tahun.

2. **Tuan Saupi bin Haji Daud [Tanah Merah]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, berapakah bilangan pelajar-pelajar IPTA di negara ini mengikut pecahan IPTA serta pecahan jantina.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, jumlah pelajar ijazah pertama di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada sesi akademik 2000/2001 ialah seramai 170,607 orang. Daripada jumlah tersebut, jumlah pelajar lelaki ialah seramai 68,569, peratusannya ialah 40.2% dan pelajar perempuan seramai 102,038, peratusannya ialah 59.8%. Jumlah pelajar tersebut meliputi 11 buah universiti, 3 kolej universiti dan Kolej Tunku Abdul Rahman. Izinkan saya membaca juga beberapa contoh. Misalnya seperti:

Universiti	Lelaki	Perempuan
Uni. Malaya	7,881	13,668
Uni. Sains Malaysia	5,695	9,660
Uni. Kebangsaan Malaysia	5,438	11,697
Uni. Putra Malaysia	9,330	16,414
Uni. Teknologi Malaysia	12,041	7,600
Uni. Utara Malaysia	5,455	11,960

Secara keseluruhannya bilangan pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki di kebanyakan universiti. Sebagai contoh di Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, jumlah pelajar perempuan melebihi 60% manakala pelajar lelaki di sekitar 30% hingga 40%. Walau bagaimanapun, di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn atau (KUITHO) bilangan pelajar lelaki mengatasi bilangan pelajar perempuan.

Di Universiti Teknologi Malaysia, pelajar lelaki ialah 61.3% berbanding pelajar perempuan hanya 38.7% dan Kolej Teknologi Tun Hussein Onn pelajar lelaki ialah 65% berbanding pelajar perempuan hanya 35%.

Terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih kepada angka-angka yang telah diberikan oleh Setiausaha Parlimen secara terperinci mengenai jantina yang terdapat di pusat-pusat pengajian tinggi di Malaysia. Yang kita lihat ialah kenyataan yang dikeluarkan oleh Perdana Menteri beberapa hari yang lalu umpamanya yang mengaitkan kekurangan pelajar lelaki ini yang dianggarkan lebih kurang 40.2% di seluruh IPTA ini bahawa pelajar lelaki itu lebih malas daripada pelajar perempuan. Dan yang keduanya, dikaitkan dengan pelajar-pelajar ini suka berpolitik dan kononnya mereka ini lebih mirip kepada parti pembangkang. Itu yang dinyatakan oleh Perdana Menteri.

Sebagai tamparannya kerana kerajaan sudah merasakan pelajar lelaki ini kurang daripada perempuan maka kerajaan telah mengambil langkah yang lain iaitu cuba mendampingi pelajar-pelajar perempuan dengan memasukkannya ke dalam kampus-kampus.

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Saupi bin Daud: Yang itu pun betul juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, apa soalan?

Tuan Saupi bin Daud: Kemudian, kerajaan...sikit sahaja, ini penting. Dan kerajaan menggambarkan bahawa pelajar-pelajar lelaki ini kebanyakannya tidak senonoh dan sebagainya umpamanya dikaitkan dengan kebakaran DTC, penangkapan dua orang pemimpin pelajar di bawah ISA. Persoalannya ialah, saya hendak tahu siapakah yang menasihati Perdana Menteri di dalam membuat kenyataan-kenyataan yang liar dan tidak berasas kadang-kadang.

Yang keduanya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Ada kaitan, iaitu kerajaan juga adakah ingin melaksanakan dasar meritokrasi yang dicadangkan oleh Perdana Menteri pada Jumaat yang lalu yang juga menghalang kepada kemasukan pelajar-pelajar bumiputera ke pusat-pusat pengajian tinggi ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat daripada Tanah Merah. Terlebih dahulu saya ingin juga mengucapkan terima kasihlah kerana nampaknya Yang Berhormat begitu prihatin dan mengikuti apa kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebenarnya, lebih baik saya berterus terang dengan Yang Berhormat bahawa apa yang dinyatakan, diluahkan oleh Yang Amat Berhormat adalah sesuatu yang *genuine* dan begitu tulus terhadap kepada semua pihak.

Dan kita Barisan Nasional tidak pernah pun mendiskriminasikan mana-mana pelajar asalkan mereka mempunyai kelayakan, termasuk negeri Kelantan. Saya boleh beri satu angka di sini, di negeri Kelantan sahaja jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain, kita terima masuk pada tahun 2000/2001 perempuan – 1,799; lelaki 848, kesemuanya 2,647 orang.

Bagi negeri Terengganu, perempuan kita ambil 737 dan lelaki 335, jumlah semua ialah 1,072. Kalau kita ambil angka daripada negeri Perak di mana kita ambil perempuan 1569 dan lelaki 932 kesemuanya jumlah 2,501. Kalau dibandingkan dengan angka penduduk, sepatutnya negeri Perak kita beri lebih kerana kita yang perintah negeri Perak. Tetapi dalam hal ini, kita tidak pernah pun ada dasar diskriminasi seperti mana katanya seorang Ahli Yang Berhormat pada beberapa hari yang lalu.

Jadi, di sini juga ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat juga mengenai dengan prestasi pelajar lelaki dan perempuan. Antara sebab-sebab yang kita telah dapat, ini secara umum, misalnya kadar enrolment pelajar lelaki di peringkat menengah atas adalah lebih rendah berbanding dengan kadar enrolment pelajar perempuan.

Begitu juga dengan pelajar perempuan lebih berjaya dalam peperiksaan awam berbanding dengan pelajar lelaki.

Ketiga, pelajar perempuan lebih jelas tentang cita-cita dan wawasan pendidikan.

Keempat, keluarga lebih mengawal pelajar perempuan lalu menyebabkan mereka mempunyai lebih ruang dan peluang untuk memberikan tumpuan kepada pelajaran.

Kelima, pelajar perempuan mempunyai lebih kemahiran dan strategi pembelajaran yang membantu proses pembelajaran dan persediaan.

Keenam, daya toleransi pelajar perempuan terhadap persekitaran sekolah dan gaya pengajaran guru lebih tinggi daripada pelajar lelaki.

Itu secara umum sahaja. Tetapi apa yang telah dibangkit juga perkara ketiga oleh Yang Berhormat mengenai dengan kenyataan Yang Amat Berhormat mengenai dengan meritokrasi. Ini adalah luahan Yang Amat Berhormat kerana kita dapati pencapaian pelajar-pelajar di universiti buat masa ini amatlah kadangkala boleh kita katakan memeranjatkan kita.

Saya boleh baca di sini. UM sahaja bagi bidang profesional yang gagal – 50, yang bukan profesional – 113 orang. Begitu juga dengan UKM profesional – 7 orang gagal, bukan profesional – 12 orang. UPM yang profesional gagal – 68 bukan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini untuk soalan siapa?

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat tanya saya, sebab itu saya hendak kena jawab ini. Sebab dia buat tuduhan kepada kita, kerajaan.

Seorang Ahli: Setiausaha Parlimen selalu macam ini. Tuan Yang di-Pertua, selalu macam ini dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya hendak tunjukkan menunjukkan kalaulah pihak PAS tidak mengganggu anak-anak muda kita di kampus, bermakna cara mereka juga adalah begitu baik.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Kita buka perdebatanlah. Perdebatan bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Dan yang akhir sekali, mengenai dengan meritokrasi, itu adalah cadangan. Di mana kita hanya memberi peluang kepada mereka yang mempunyai prestasi yang baik, sebab itu kita cakap meritokrasi, merit bukan seperti DAP punya meritokrasi. Kita bercakap orang yang layak boleh masuk universiti dan mereka juga yang mempunyai prestasi di dalam kursus mereka, kita dapat lindungi mereka di kampus dan mintalah pihak PAS janganlah ganggu gugat dan tidak ada niat pun kita hendak buka kaunter Puteri UMNO di dalam kampus seperti yang didakwakan

oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

Puan Chong Eng: Peraturan 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk, sila duduk. Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya hendak cadangkan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang ini peraturan apa? Kita beri jawapan, dia minta peraturan. Duduklah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Peraturan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Peraturan apa?

Puan Chong Eng: 36(1).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk.

Puan Chong Eng: 36(1). Bacalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan mana satu? **Puan Chong Eng:** Saya hendak cadangkan supaya mengehendkan masa untuk Setiausaha menjawab soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, jawapan tak payah had masa. Kalau jawapan tepat, tak payah had masa.

Puan Chong Eng: Ini sudah jauh. Ini sudah jauh rayau ke Europe ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Habis dah Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukuplah. Mereka faham.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sudahlah, sat lagi hendak bincang akta mental pula.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih di atas penjelasan Yang Berhormat tadi dan kita semua harus akui bahawa kejayaan negara kita, pencapaian hari ini adalah di atas berjayanya Dasar Pendidikan Negara yang dibawa oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tetapi di Dewan hari ini malang kerana kita lihat pembangkang sedikit pun tidak mahu bekerjasama dalam usaha untuk membangunkan generasi muda ini. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, kita tadi mendengar bahawa dalam di peringkat universiti kita dapati pelajar lelaki begitu kurang. Dan sikap pelajar lelaki ini memang jelas daripada apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mereka tidak menumpukan kepada pelajaran, kadang-kadang mempunyai sikap tidak bertanggungjawab dan sikap memberontak.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian apakah usaha-usaha di peringkat kementerian, sudah kita tahu pembangkang tidak akan bekerjasama dengan kita, tetapi tanggungjawab kita bagaimana kita hendak menentukan supaya pelajar-pelajar lelaki yang ada di sekolah rendah, sekolah menengah dapat kita didik supaya mereka dapat masuk ke universiti, supaya sikap mereka dapat berubah.

Apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian dan apakah kementerian juga akan memperketatkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) kerana hari ini kemungkinan kerana akta ini belum cukup mampu lagi mengatasi masalah yang berlaku walaupun pihak pembangkang selalu meminta supaya AUKU dihapuskan. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Arau, sekurang-kurangnya soalan Yang Berhormat Arau begitu, dengan izin, *sensible* sekali. Mengenai dengan pelajar lelaki kurang seperti mana yang saya telah sebut, kerana prestasi penuntut lelaki jika dibandingkan dengan penuntut perempuan apabila mereka menghadapi peperiksaan, mereka telah mendapat pencapaian yang tinggi. Jadi, dengan itu maka kita dapatlah angka yang kita dapat pada hari ini.

Mengenai dengan keadaan penuntut di sekolah rendah, menengah dan sampailah ke universiti, kita sentiasa mengadakan pelbagai program supaya pencapaian akademik dan juga sahsiah mereka sentiasa terpelihara dan tidak dinodai oleh parti-parti politik yang tidak bertanggungjawab.

Begitu juga dengan kita kata kegiatan-kegiatan mahasiswa di universiti, kita tidak pernah pun menyekat kegiatan mereka. Kita beri ruang, malah kalau ambil soal AUKU. AUKU itu sendiri sebahagian besarnya ialah mengenai *the governance of the university*. Hanya sebahagian kecil sahaja mengenai dengan disiplin. Misalnya disiplin pelajar

Puan Chong Eng: [Menyampuk]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Saya tidak tahu kenapa bila saya sebut, adakah kerana terantuk kepala Yang Berhormat? Kalau Yang Berhormat hendak bercakap, Yang Berhormat berdiri. Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat!

Puan Chong Eng: Setujulah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih. Jangan ganggu macam ini. Tuan Yang di-Pertua, ini soal ganggu-ganggu ini apa hal?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, memang saya perlu tegur, Yang Berhormat. Sila mengikut peraturan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Berilah peluanglah kita hendak jawab.

Begitu juga dengan AUKU, memang kita hendak melihat beberapa peruntukan yang lain iaitu mengenai kegiatan pelajar, kita tidak pernah sekat, hanya apa yang jadi masalah ialah parti politik khususnya PAS membuat dakwaan bahawa seolah-olah universiti kita mahasiswanya sudah menyokong PAS. Ini adalah propaganda murahan daripada mereka untuk menunjuk kepada masyarakat umum bahawa mahasiswa menyokong PAS. Sebenarnya, sebahagian besar mahasiswa tidak menyokong PAS. [Tepuk]

Mengenai dengan peraturan-peraturan, ini kita hendak lihat di manakah sekiranya ada kelemahan-kelemahan, itu kita akan baiki dari masa ke semasa. Terima kasih Yang Berhormat.

3. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bntang] minta Menteri Kewangan menyatakan kedudukan penggabungan bank dan institusi kewangan dan syarikat insurans masa kini, berapa bilangan yang belum, sebab kelewatan penggabungan dan kesan awalan yang diterima oleh kedua pihak.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga Jun 2001 sebanyak 51 daripada 54 buah institusi perbankan tempatan telah bergabung untuk membentuk sepuluh buah kumpulan perbankan.

Di samping itu, tiga buah institusi perbankan iaitu Utama Merchant Bank Berhad dan Bank Utama Malaysia Berhad masih berunding untuk bergabung dengan Kumpulan Perbankan RHB. Manakala MBf Finance Berhad sedang berunding untuk bergabung dengan Kumpulan Perbankan Arab Malaysia.

Bagi institusi-institusi kewangan tersebut, walaupun tempoh masa untuk menyelesaikan penggabungan tidak ditetapkan, rundingan mengenai penggabungan dijangka akan diselesaikan sebelum keperluan dana modal baru sebanyak RM2 bilion bagi kumpulan institusi perbankan domestik berkuat kuasa pada 31 Disember 2001.

Kedua, bagi industri insurans pula, proses penggabungan dan perolehan M&A (Merger dan Acquisition), dengan izin, adalah berdasarkan penentuan pasaran ataupun *market driven* dan tiada tempoh masa ditetapkan bagi penanggung-penanggung insurans untuk menyempurnakan proses M&A.

Sehingga 31 Julai 2001, sebanyak enam M&A yang melibatkan 12 penanggung insurans telah disempurnakan dan sepuluh cadangan M&A melibatkan 19 penanggung insurans masih berada di pelbagai peringkat pelaksanaan penggabungan.

Di antara kesan-kesan awal pelaksanaan cadangan penggabungan bagi ektor perbankan dan insurans ke atas pihak yang bergabung ialah, wujudnya pertindihan rangkaian cawangan yang mana institusi-institusi yang bergabung mempunyai cawangan di lokasi yang sama, pertindihan kakitangan

dan fungsifungsi tertentu serta keperluan mengintegrasikan sistem pengkomputeran, institusi perbankan yang bergabung.

Kesan-kesan ini telah berjaya ditangani dan sehingga kini hampir semua kumpulan perbankan yang bergabung telah menyelesaikan proses integrasi masing-masing dan pelanggan institusi perbankan yang bergabung boleh mengurus niaga dengan mana-mana cawangan entiti yang bergabung.

Di samping itu, program penggabungan ini juga telah berjaya melahirkan institusi perbankan domestik yang lebih efisien, berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan yang mampu bersaing dan mengaharungi cabaran globalisasi dan liberalisasi. Terima kasih.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa apa yang saya fahami kesan penggabungan bank, ada banyak bank telah membuang atau memberhentikan dan mengurangkan kakitangan mereka termasuk kakitangan yang sudah lama bekerja dengan diberikan pampasan dan mana-mana pegawai yang tidak diberhentikan dikehendaki menandatangani kontrak baru tanpa mengambil kira seniority gred gaji akhir diturunkan, diarahkan membayar balik hutang bank dan kemudahan lain yang diterima sebelumnya.

Soalan saya, saya boleh memberi satu contoh, iaitu berlaku di dalam Bank Bumiputra Malaysia Berhad yang bergabung dengan Bank of Commerce menjadi Bank Bumiputra Commerce Bank yang melibatkan 8,000 kakitangan Bank Bumiputra Malaysia Berhad daripada sejumlah 9,700 kakitangan Bumiputra Commerce Bank dengan penggabungan ini. Soalan saya, apakah tindakan yang kerajaan telah perbuat terutama Bank Negara untuk membetulkan keadaan ini dan mengapakah masih terdapat bank dan syarikat insurans asing yang belum *dinasionalisekan*, apakah sebab kerajaan terlalu bertolak ansur ke atas mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi urutan penggabungan bank-bank yang berkenaan, telah pun di katakan di Dewan yang mulia ini, kita ada satu skim yang dinamakan Voluntary Special Scheme (VSS). Ini bukan merupakan *retrenchment* atau pemuangan tetapi Voluntary Special Scheme dan VSS ini diberi imbuhan (*compensation*) yang lumayan. Ada di antara pegawai-pegawai bank meminta VSS untuk mereka berniaga sendiri dan membuat pelaburan mereka sendiri.

Kalau kita melihat dari segi VSS ini yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, daripada perangkaan Bank Negara Malaysia, kita ada lebih kurang 9,750 orang yang telah mengambil skim VSS ini. Kalau kita melihat dari segi keseluruhan kerja yang ada di negara kita pada masa ini, kita mempunyai 49,000 pekerjaan yang kosong yang masih lagi belum diisi dan daripadanya 12,000 adalah daripada *manufacturing sector*, sektor pembuatan.

Dan ini oleh kerana pada enam bulan pertama FBI ataupun pelaburan asing langsung ke Malaysia ialah sebanyak RM11.8 bilion. Jadi, kalau kita melihat tadi, perangkaan ini daripada pemuangan sebanyak 9,750 VSS daripada bank sahaja, keseluruhan *job vacancies* ataupun pekerjaan kosong 49,000 dan cuma 12,000 daripada sektor pembuatan, maknanya banyak lagi lebih-lebihan kerja yang ada, yang boleh dimuatkan kepada mereka.

Mengenai insurans asing dan juga bank-bank, kalau kita melihat, kita ada cuma 14 bank asing yang berniaga di sini termasuk Bank of China dan mereka menjalankan perniagaan kalau dibandingkan dengan sepuluh yang kita hendak gabungkan di antara bank tempatan. Buat masa ini, kita rakan bank tempatan yang sepuluh itu kukuh dan boleh bersaing apabila WTO akan datang pada tahun 2003. Tentang insurans ada yang mengatakan ada satu clause yang mengatakan '*grandfathers*' maknanya kalau misalnya insurans AIA misalnya yang telah wujud di negara kita sebelum merdeka dan selepas itu kita hendak ambil alih, dia cuba meminta kalau boleh dengan kerajaan title '*grand father*' itu dihormati supaya ia tidak boleh diambil alih oleh kerajaan. Kita masih lagi berbincang tentang perkara ini. Terima kasih.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, kesan penggabungan bank dan institusi insurans ini tentu sekali menyukarkan budaya kerja dan budaya korporat organisasi berkenaan. Ini satu aspek yang sukar. Tetapi soal yang berlaku apabila UAB dahulu bergabung dengan Bank of Commerce, kemudian Bank of Commerce bergabung dengan Bank Bumiputra mewujudkan Bumiputra Commerce, permasalahan yang timbul ialah apabila pegawai-pegawai lama di dalam Bank Bumiputra ini terutama dalam perkara-perkara dalam sistem pengkomputeran ini, terpaksa ditawarkan VSS dan pegawai-pegawai lama UAB diberikan peluang untuk bekerja.

Persoalan saya ialah kenapa permasalahan kulit sawo matang jadi problem, jadi satu permasalahan dan dipinggirkan kerana kita dapati apabila VSS ini ditawarkan kepada mereka, ertinya peluang pekerjaan itu telah dibuat untuk menepati kehendak struktur organisasi itu. Malangnya ada

tawaran kerja baru dalam bidang yang sama, selepas VSS ini dilaksanakan, saya fikir ini satu perkara yang harus ditangani oleh kerajaan supaya kita tidak dituduh oleh pihak mereka itu menganiaya pihak yang menerima VSS, ini yang diambil peluang oleh pembangkang dan kita harus menangani permasalahan ini dengan sebenar-benarnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kita akan menanti NUBE punya findings tetapi pada keseluruhannya seperti mana yang saya telah katakan dahulu, dengan izin, *private sector's problem needs private sector's solution*. Kalau semua masalah-masalah private sector ini kita hendak kendalikan agak masalah dan kita harapkan NUBE akan mengambil kepekaan tentang perkara ini.

Saya rasakan kalau kita melihat daripada segi keseluruhan, tentang penggabungan M&A dan sebagainya, saya rasakan bulan Julai ini merupakan bulan yang paling excited sekali, penuh dengan excitement kerana kita merasakan BSKL Komposit Indeks pun telah meningkat sebanyak 659.40 mata semalam dan kita rasakan juga bahawa ini merupakan satu peralihan sentimen kepada pasaran di Malaysia.

Di antaranya ialah kerana *rerating* beberapa *foreign houses* ke atas Malaysia seperti Instruments of Barney, Credit Swiss, First Boston dan sebagainya. Jangkaan bahawa ekonomi Amerika Syarikat akan meningkat pada suku tahun keempat dan juga kenaikan harga minyak sawit mentah dan excitement yang saya katakan tadi ialah government voluntary offer untuk UEM, MIDF voluntary offer untuk Amanah Capital Partners, MTD Capitals Voluntary Offer, untuk Metacorp Berhad, cadangan Bank Utama untuk mengambil alih 22.7% pegangan MRCB dalam RHB Berhad dan EON Bank akan membuat reverse take over kepada Gra Siemens. Ini memberi isyarat signal bahawa Malaysia berusaha sedaya upaya untuk menangani masalah hutang korporat dan juga bagi memastikan sektor korporat negara lebih telus memenuhi corporate governance. Terima kasih.

4. **Puan Sukinam Domo [Batang Sadong]** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan jabatan dan agensi kerajaan serta badan berkanun yang sudah ditauliahkan dengan ISO 9000/ISO 9001 dan seterusnya dan bagaimanakah prestasi mereka selepas mendapat pertauliahkan tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini sebanyak 272 agensi kerajaan yang terdiri daripada 211 buah kementerian dan jabatan dan 61 buah badan berkanun telah ditauliahkan dengan Sijil MS ISO 9000. Darpada pemerhatian yang dibuat prestasi agensi kerajaan yang telah ditauliahkan dan terus mematuhi standard MS ISO 9000 didapati meningkat dan tugas-tugas dijalankan dengan lebih telus.

Peningkatan dalam prestasi ini dapat dihasilkan kerana standard MS ISO 9000 memerlukan ketua agensi-agensi kerajaan memantau pencapaian organisasi mereka serta menjalankan tindakan menyelesaikan ke atas masalah-masalah yang dihadapi dalam proses kerja. Selain daripada itu, dengan melaksanakan standard MS ISO 9000 di mana prosedur-prosedur jabatan didokumenkan, petugas-petugas di jabatan akan lebih jelas dengan tindakan-tindakan yang perlu diambil dan ini akan meningkatkan kecekapan mereka menjalankan tugas.

Walau bagaimanapun, standard MS ISO 9000 ini adalah satu sistem pengurusan yang masih baru untuk agensi-agensi kerajaan dan dengan demikian ketua agensi-agensi kerajaan memerlukan masa untuk menyesuaikan standard ini dengan persekitaran dalam organisasi masing-masing. Apabila agensi-agensi kerajaan lebih matang dengan standard ini, kebaikan yang lebih akan dapat diperolehi oleh agensi-agensi ini.

Tuan Thong Fah Chong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian yang telah ditauliahkan dengan ISO 9000/91 kerana usaha membaiki dan mempertingkatkan mutu kerja sektor awam adalah penting selaras dengan perkembangan negara.

Soalan tambahan saya ialah, adakah kementerian bercadang memastikan semua jabatan dan agensi kerajaan menjalankan, dengan izin, *streamlining process* dan prosedur di jabatan masing-masing dan mewujudkan satu sistem perantaraan yang dapat memendekkan masa pemprosesan sebarang permohonan biarpun daripada rakyat biasa mahupun pihak korporat.

Birokrasi dan kerja berlapis dapat dikurangkan di samping meningkatkan tahap kerja sektor awam sekiranya satu garis panduan dapat diwujudkan bagi apa-apa permohonan atau prosedur di sesebuah jabatan yang berkait dengan jabatan atau agensi lain. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Memang Kerajaan Barisan Nasional menjalankan usaha-usaha untuk penambahbaikan dan pembaharuan dalam sektor perkhidmatan awam. Tujuannya adalah untuk meningkatkan kebolehan sektor awam untuk memberi perkhidmatan yang baik, mengurangkan birokrasi dan kita memang berusaha seboleh-bolehnya untuk meningkatkan taraf perkhidmatan awam kita ke taraf dunia. Ini bukan hanya *political rhetoric* tetapi ianya dikenali dengan pelbagai program. Di antara programnya adalah termasuk MS ISO 9000 ini kerana dengan cara inilah kita dapat menentukan tatacara dan prosedur dalam jabatan kerajaan dan agensi ini adalah telus, lebih jelas dan lebih konsisten.

Puan Sukinam Domo: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya soalan tambahan, biasanya sesuatu konsep yang baru seperti ini ataupun apa-apa sahaja, yang saya khuatiri ialah cuma sebilangan kecil iaitu top level sahaja yang faham dan menghayati dan melaksanakannya kerana kita dapati kadang-kadang peringkat atau kategori staff yang di bawah, kadang-kadang mereka tidak tahu sebenarnya apa yang berlaku, sama ada konsep ISOkah atau apa-apa lagi konsep lain berhubung dengan kualiti kerja. Kerana kita dapati kalau kita berhubung dengan jabatan-jabatan tertentu atau kementerian, frontliners misalnya, telefonis ataupun kaunter servis masih begitu menyedihkan. Kadang-kadang begitu kasar menjawab kita sehingga kita memperkenalkan diri baru dia cuba hendak melayan, kalau tidak dia tidak melayan. Jadi, soalan saya ialah adakah selepas mendapat ataupun sebelum mendapat SO ini terutama selepas mendapat pentauliahannya ini, adakah diberi taklimat kepada semua peringkat staff dalam kementerian atau jabatan itu supaya everybody, dengan izin, menghayati, memahami dan mengamalkan apa yang sepatutnya diamalkan. Terima kasih.

Datuk Douglas Uggah Embas: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita memang mengakui bahawa masih ada masalah di beberapa peringkat di jabatan kerajaan tetapi walau bagaimanapun, kita akan meneruskan usaha kita untuk menambah baik dan membaharui dengan melaksanakan pelbagai program seperti kualiti, latihan dan sebagainya.

Apabila kita menjalankan apa-apa program, ianya memang didedahkan dan latihan dan segala khidmat runding akan diberi kepada semua peringkat kerajaan. Jadi, dalam hal MS ISO 9000 ini kerajaan memang mengetahui bahawa adalah penting semua pihak memahami apakah keperluan sistem pengurusan kualiti ini dan ke arah ini kita ada jabatan seperti INTAN dan pihak swasta untuk membantu dan ke arah ini kerajaan telah memperuntukkan RM10 juta untuk memberi penerangan, penjelasan dan latihan kepada semua peringkat kakitangan kerajaan supaya apabila program ini dijalankan, ianya akan difahami, diteliti dan diikuti oleh semua pihak. Terima kasih.

5. **Tuan Kong Cho Ha [Lumut]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jumlah peratusan kakitangan kerajaan mengikut kaum; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang mengimbangkan anggota kakitangan kerajaan dari segi kaum.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop]:

Tuan Yang di-Pertua, jumlah kakitangan kerajaan tidak termasuk polis dan tentera mengikut kaum pada kedudukan 1.1.2001 adalah seperti berikut:

<u>Bangsa</u>	<u>Jumlah (orang)</u>
Melayu	612,403
Cina	72,071
India	41,006
Bumiputera	55,835
Lain-lain	23,904
Jumlah:	805,219.

Kerajaan sememangnya dari masa ke semasa berusaha untuk mengimbangkan bilangan

anggota kerajaan berdasarkan komposisi kaum di negara ini. Pengambilan kakitangan kerajaan adalah berdasarkan kepada pertandingan terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang layak tanpa mengira kaum. Bagaimanapun, mereka perlu memohon jawatan-jawatan yang berkaitan, mempunyai kelayakan yang ditetapkan melalui proses temu duga pengambilan dan bersesuaian dengan bidang kerja yang ditetapkan.

Tuan Jimmy Lim Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah, dengan izin, *affirmative action* ataupun *conscious policy* untuk menentukan kaum minoriti seperti kaum Dayak tidak ketinggalan dalam pengambilan pekerja-pekerja di kalangan kakitangan kerajaan dan apakah machinery yang diguna, jentera yang digunakan untuk menentukan keseimbangan yang telah disebut oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, adakah itu melalui satu proses audit yang boleh dijalankan melalui Jabatan Perdana Menteri seperti yang selalu saya syorkan untuk menentukan suruhanjaya-suruhanjaya yang menjalankan tugas pengambilan ini tidak menyeleweng. Oleh kerana kadang-kadang kita takut kita di Dewan ini bertujuan mulia tetapi pegawai-pegawai di bawah yang menjalankan tugas, mereka terlalu menyeleweng mengikut rasa dan emosi mereka sendiri. Sekian.

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Terima kasih Yang Berhormat. Pada dasarnya kerajaan tidak menyekat kemasukan bumiputera atau mana-mana kaum dalam perkhidmatan kerajaan. Ini terbukti daripada perangkaan di mana secara amnya nisbah kakitangan bumiputera dengan bukan bumiputera dalam kumpulan pengurusan profesional adalah 70:30. Malah, bagi beberapa skim perkhidmatan yang berasaskan sains peratus kakitangan bukan bumiputera adalah melebihi 50% daripada jumlah kakitangan bumiputera. Skim-skim berkenaan ialah Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan 50%, Pegawai Kimia Bumi 52%, Pegawai Perubatan 52%, Ahli Muzik 50% dan Pegawai Kaji Cuaca 50%.

Selain daripada itu, jumlah kakitangan bukan bumiputera adalah melebihi 30% dalam skim-skim perkhidmatan seperti Jurutera 46%, Pegawai Kawalan Trafik Udara 46%, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah 35% dan Pegawai Pergigian 32% dan Pegawai Latihan Vokasional 30%.

Pada umumnya bukan bumiputera kurang berminat dalam kumpulan sokongan kerana tangga gaji yang kecil. Berkait dengan kaum Dayak yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, saya tidak ada angka yang khusus. Saya akan beri jawapan secara bertulis dan saya percaya tidak ada penyelewengan yang berlaku. Insya-Allah, kita akan memantau dari masa ke semasa. Terima kasih.

Tuan Kong Cho Ha: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk mengimbangkan bilangan kakitangan kerajaan mengikut kaum, saya bercadang bahawa kerajaan memberi lebih banyak biasiswa kepada kaum-kaum yang lain supaya mereka diikat jamin untuk berkhidmat dengan kerajaan selepas mereka keluar dari universiti. Jadi, apakah pandangan Setiausaha Parlimen?

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: Tuan Yang di-Pertua, kalau melalui biasiswa sekalipun tidak dapat kita menyelesaikan masalah kerana terdapat bukan bumiputera lebih berminat untuk bekerja sendiri atau berniaga sendiri dan saya difahamkan melalui PTPTN juga kita sudah mula menawarkan kepada bukan bumiputera. Sekian, terima kasih.

6. **Tuan Ng Lip Yong [Batu]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kementerian beliau akan meminda undang-undang yang berkenaan supaya orang yang menjalankan tapak pelupusan sampah haram akan dipenjarakan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini kebanyakan tapak-tapak pelupusan sisa pepejal di seluruh negara adalah milik kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan yang berkenaan. Sehubungan itu, tapak-tapak tersebut diuruskan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkaitan atau pengurusannya dikontrakkan kepada syarikat swasta.

Bagi menguruskan sisa pepejal pada masa ini pihak berkuasa tempatan mengguna pakai Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan undang-undang kecil berkaitan yang digubal di bawah akta tersebut. Ingin dimaklumkan juga bahawa tidak ada peruntukan yang khusus di dalam undang-undang yang sedia ada berhubung dengan kerja-kerja pengurusan tapak pelupusan di negara ini.

Ingin dimaklumkan juga pihak kementerian pada masa ini tidak mempunyai cadangan untuk meminda undang-undang yang sedia ada bagi memenjarakan seseorang yang menguruskan tapak pelupusan sampah secara haram. Walau bagaimanapun, kementerian ini sedang menggubal undang-undang baru iaitu Rang Undang-undang Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal selaras dengan

penswastaaan pengurusan sisa pepejal di seluruh negara. Di dalam rang undang-undang ini ada disediakan peruntukan bagi mengenakan denda dan memenjarakan seseorang yang menguruskan kemudahan pelupusan sisa pepejal seperti tapak pelupusan tanpa mendapat lesen terlebih dahulu dari kementerian ini. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, pengwujudan dan operasi tapak pelupusan sampah haram sudah menjadi masalah yang sangat serius di bandar raya khususnya Kuala Lumpur dan kesihatan orang ramai yang duduk di sekelilingnya pun telah terancam. Walaupun sekarang kita ada banyak akta dan undang-undang kecil di mana kita boleh mendenda pengusaha tapak itu tetapi nampaknya pihak penguat kuasa atau kerajaan tempatan tidak berkesan dan kadangkala langsung tidak ada tindakan. Dewan yang mulia ini pun telah meminda beberapa akta di mana orang yang tidak membayar hutang pun boleh dipenjarakan.

Saya berharap kementerian akan membuat pindaan secepat mungkin dan saya juga ingin tahu berapa pengusaha tapak pelupusan sampah haram telah didakwa dalam mahkamah setahun kebelakangan ini dan berapa denda telah dikenakan. Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Berkenaan dengan masalah, kerajaan prihatin berkenaan dengan masalah ini, masalah dari segi kesihatan dan juga masalah-masalah lain berkenaan dengan sisa pepejal. Berkenaan dengan akta seperti yang saya katakan tadi, kita tidak mempunyai cadangan spesifik untuk meminda mana-mana satu undang-undang, tetapi kementerian ini sedang menggubal rang undang-undang baru iaitu Rang Undang-undang Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal dan pada masa ini saya tidak ada, dengan izin, *to the best of my knowledge*, saya tidak tahu ada mana-mana pihak telah didakwa di mahkamah tetapi saya boleh semak adakah mana-mana satu pihak yang telah didakwa di mahkamah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang masalah di kawasan pihak berkuasa tempatan seperti di Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah yang mana bila perkhidmatan pengurusan sisa pepejal diswastakan, dikontrakkan kepada Southern Waste Management Sdn. Bhd. yang mana dalam kontrak, pihak SWM pekerja mereka cuma memberikan perkhidmatan angkat sampah dari rumah kediaman atau kedai yang ada terkandung dalam kontrak yang ditandatangani dengan kedua-dua pihak berkuasa tempatan dengan SWM dan kawasan lain seperti pembuangan sampah sarap merata-rata oleh orang yang tidak bertanggungjawab di tepi jalan atau di tanah lapang.

Nampaknya pihak SWM tidak ambil tindakan untuk membersihkannya kerana - apabila kita wakil rakyat beritahu mereka - mereka kata itu bukan terkandung dalam kontrak mereka dan pihak berkuasa tempatan ini sudah tiada pekerja untuk kerja angkat sampah ini. Nampaknya tiada pihak berkuasa yang bertanggungjawab untuk membersihkan tempat-tempat yang kotor ini. Apa tindakan pihak kementerian untuk menangani masalah ini?

Dan tadi Yang Berhormat ada kata tentang pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang mengetengahkan Rang Undang-undang Perkhidmatan Pengurusan Sisa Pepejal ke Dewan ini untuk diluluskan. Saya harap pihak kerajaan terutama pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan perlu peka dan prihatin tentang kesilapan yang mana kita menswastakan pembedungan kepada IWK yang mana pada masa sekarang mereka gagal, cuma menguntungkan beberapa orang sahaja. Pihak kerajaan kena ambil balik dan akan sentiasa minta subsidi. Saya harap pihak kerajaan akan timbangkan semula dan jangan membawa rang undang-undang itu ke Parlimen kerana kita tidak boleh terima pembedungan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada soalkah? Ada soalan?

Tuan Chang See Ten:pembedungan dan ... Soalan saya adakah pihak kerajaan, dengan kegagalan IWK peka dan prihatin bahawa penswastaaan kerja-kerja perkhidmatan awam adalah suatu kesilapan yang besar? Kita tidak boleh buat demikian.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup, Timbalan Menteri faham.

Tuan Chang See Ten:kerana ini adalah fungsi utama pihak-pihak berkuasa tempatan yang kita wujudkan, biarkan mereka buat sendiri. Kita memperkemaskan pihak berkuasa tempatan lebih baik daripada kita[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat, tidak payah berucap. Ha, kementerian faham.

Tuan Chang See Ten: adakan undang-undang di sini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Selalunya apabila Yang Berhormat dapat peluang untuk mengemukakan soalan tambahan, ia jadi satu penghujahan.

Saya tidak ingin jawab soalan yang kedua tadi kerana tidak kena mengena dengan saya berkenaan dengan soalan pertama, Southern Waste Management, dengan izin, seperti tadi yang saya katakan kebanyakan tapak pelupusan sisa pepejal seluruh negara termasuk PBT yang tadi Yang Berhormat katakan adalah milik kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan. Dan kalau ada mana-mana tempat kerja oleh sesiapa yang telah dikontrakkan dan tidak buat kerja dengan baik, ini adalah satu perkara di mana Yang Berhormat boleh membuat aduan kepada PBT berkenaan dan mungkin PBT berkenaan boleh ambil tindakan yang sewajarnya.

Berkaitan dengan aduan-aduan lain, soalan Yang Berhormat tadi serupa macam aduan kepada kementerian kita, kita ambil perhatian pada aduan yang dibuat oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selesailah masa kita untuk soal jawab.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 7 hingga 58 adalah dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KANUN KESEKSAAN (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Keseksaan; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor); dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2001

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor); dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN (PINDAAN) (NO.2) 2001

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [31 Julai 2001]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dengan ini saya minta Yang Berhormat bagi Kepong menyambung ucapan. [Tepuk]

11.05 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya nampak ramai yang hendak berucap, sebab itulah saya akan pendekkan ucapan saya. [Disampuk] [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menambahkan jantina kepada Perkara 8(2) Perlembagaan, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan dan tempat lahir tetapi rang undang-undang ini tidak ada definisi diskriminasi jantina. [Disampuk] Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Women (CEDAW) membayangkan bahawa jika peraturan neutral untuk wanita dan lelaki menyebabkan wanita tidak mendapatkan faedah yang dimaksudkan tu, perkara ini adalah dianggap sebagai diskriminasi dan diskriminasi terhadap wanita adalah dilakukan melalui tindakan seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak catat di sini bahawa isu wanita terutamanya Hal Ehwal Wanita (HAWA) sudah menjadi satu bola politik. Apa yang dimaksudkan dengan "bola politik" ialah ditendang daripada Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Itulah yang dibuat, ditendang daripada satu kementerian kepada satu kementerian dan pada akhir-akhir ini ditendang balik daripada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat balik kepada Jabatan Perdana Menteri dan sekarang dijadikan kementerian pula. Tetapi kita nampak ada perkara yang songsang dan "songsong" juga.

Datuk Haji Mhamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Dr. Tan Seng Giaw: Sri Gading, tidak ada masa, saya hendak pendekkan

Seorang Ahli: Berilah, berilah.

Seorang Ahli: Lawan, lawan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sedikitlah, pagi-pagi...

Seorang Ahli: Berilah, pagi-pagi lagi. [Disampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Kepong.

Seorang Ahli: Puji dahulu puji. Puji, puji....

Seorang Ahli: Sepak bola.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sebenarnya inilah Kerajaan Barisan Nasional memuliakan wanita dan tidak payahlah Yang Berhormat bagi Kepong rasa ragu, curiga ataupun main bola. Hari ini wanita diberikan satu kementerian khusus, [Tepuk] satu pengiktirafan oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada wanita. Cuma saya hendak tanya sedikit daripada Kepong, hendak bertanya sedikit sahaja tetapi jangan marah. Parti DAP berkawan dengan PAS yang diskriminasikan wanita, agak-agak macam mana itu? Persahabatan itu boleh ngam tidak? [Ketawa] Itu macam mana agak-agaknya?

Dr. Tan Seng Giaw: Kita ada tiga orang Ahli Parlimen di sini, kita boleh bincang secara bebas tidak ada perkara yang songsang [Ketawa] [Disampuk] dan perkara yang aneh dan songsang itu saya nampak daripada Yang Berhormat bagi Sri Gading menjadi – Sri Gading nama bungalah - menjadi serta

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tadi Sri Gading kata "ngam",. Yang Berhormat faham "ngam" itukah? Boleh ngamkah ?

Dr. Tan Seng Giaw: Ngamkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ini tadi.....

Dr. Tan Seng Giaw: Ngam tidak ngam itu saya hendak tunjuk apa yang tidak ngamnya. *[Ketawa]* Apa yang tidak ngamnya. Beberapa bulan yang lepas iaitu dua tiga bulan yang lepas anak Yang Berhormat bagi Sri Gading menjadi "Sri Kertas Putih" sekarang ini. Dia pandu Mercedes, kemudian Mercedes itu ditunda oleh pihak DBKL *[Ketawa]* *[Disorak]* kerana DBKL itu melarangkan orang salah letakkan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ini

Seorang Ahli: Jawab soalanlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:daripada Sri Gading. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Salah letak kereta tetapi Yang Berhormat bagi Sri Gading, kerana dia tidak dapat balik dengan cepat, dia meradang.

Beberapa Ahli: Oooh!

Dr. Tan Seng Giaw: Datang ke sini uuuh! Bukan main.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kita balik kepada tajuklah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu, ha-ha. Dia ngam tidak ngam kita boleh lihat. *[Ketawa]* Itu bukan saya hendak bangkitkan. Itu Sri Gading yang hendak bangkitkan. Saya beri peluang tetapi tidak mahu ambil. *[Disampuk]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, kita balik kepada perbincangan yang serius berkaitan dengan diskriminasi dan kedudukan jantina dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan juga disambut oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading berkenaan dengan kedudukan wanita dan kementerian khas untuk wanita.

Kalau kita lihat dari sudut tafsiran yang benar-benar tegas, maka penubuhan kementerian wanita sebenarnya kalau dalam konteks di seluruh dunia boleh ditafsirkan dan ditakrifkan sebagai diskriminasi, sebab kalau hendak diwujudkan kementerian wanita mesti diwujudkan kementerian untuk lelaki, kementerian untuk agama dan sebagainya. Ini takrifan yang dianggap dan diterima oleh seluruh dunia.

Sebenarnya penubuhan kementerian wanita adalah suatu gambaran *[Disampuk]* terdapat diskriminasi dalam masyarakat kita ini. Oleh itu setujukah Yang Berhormat bagi Kepong bahawa penubuhan kementerian wanita ini hanyalah suatu gimik politik Barisan Nasional yang takut akan pilihan raya yang akan datang ini? *[Tepuk]* *[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, memang itu Yang Berhormat bagi Tumpat ada asasnya *[Disampuk]* memang ada asas. Kita tengok, cuba bayangkan tahun lepas peruntukan untuk HAWA RM24,356,400 tetapi peruntukan bagi HAWA tahun ini iaitu untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga RM1,828,200 sahaja. Saya kira satu peruntukan yang songsang. *[Ketawa]* HAWA jadi kementerian tetapi peruntukan dikurangkan entahlah berapa ratus peratus. Perbuatan ini "semacam bisul yang pecah punatnya". *[Ketawa]* *[Tepuk]* Punatnya pecah, nanahnya keluar dengan banyak, dan sakit pula. Kalau.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Seorang Ahli: Pakai operationkah atau pakai apa? *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan terima kasih di atas laluan yang diberikan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Kawan-kawan tanya apa dia "bisul pecah punat" ini? Dalam pentadbiran kerajaan adakah bisul pecah punat?

Terima kasih, Yang Berhormat, bangkitkan berkenaan dengan peruntukan. Dalam membahaskan Belanjawan saya juga membangkitkan perkara ini, kita setuju dari segi kurang peruntukan itu. Inilah diskriminasi kadang-kadang bila menentukan atau membuat keputusan dalam

memberikan peruntukan. Kita lihat mungkin kurang kaum wanita dan entah macam mana peruntukannya terkurang. *[Disorak]*

Tetapi sebelum itu saya hendak tanya Yang Berhormat, tadi kita dengar Yang Berhormat bagi Tumpat menyebutkan penubuhan kementerian wanita sebagai "gimik politik". Saya pun hairan Yang Berhormat bagi Tumpat duduk di Malaysia tetapi agaknya kaki kot ada di luar negara Tidak faham, tidak mengerti, tidak menganalisa, tidak menghayati kehidupan kita di negara, di Malaysia, di Asia Tenggara, bagaimana keadaan masyarakat kita. Kita jangan tipu diri sendiri. Dalam masyarakat kita yang memangnya wanita pada masa dahulu *[Tepuk]* *[Disampuk]* tidak diberi peluang pun ini memang kenyataan hidup yang harus kita terima. Kerana itu kerajaan mengadakan kementerian wanita. Adakah Yang Berhormat tidak sedar perkara ini? Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah saya kata macam "bisul yang pecah punatnya". "Seperti aur ditarik songsang pula". Itulah masalah kita sekarang. Saya bercadang supaya Yang Berhormat bagi Arau balik ke kawasan dan juga galakkan sukan kerana sukan daripada Perlis itu kurang dan apabila sertai pertandingan *[Disampuk]* temasya sukan tidak dapat bertanding sebab ia hampir ke tempat yang terakhir tiap-tiap kali. Itulah masalah di Perlis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Dr. Tan Seng Giaw:Masalah termasuk sukan tidak begitu cemerlang.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...Kepong, Kepong.....

Dr. Tan Seng Giaw: ...saya sudah tidak ada masa sekarang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Kepong sudah janji hendak jimatkan masa.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak jimat tetapi macam mana Yang Berhormat bagi Arau hendak kacau, kalau kita tidak beri dia jadi diskriminasi. *[Ketawa]* Itu masalah jantina sekarang Sebab itu saya beri dia.

Tuan Yang di-Pertua,

Seorang Ahli: Bisul UMNO, bisul UMNO.

Dr. Tan Seng Giaw: Bisul UMNO itu terpecah punatnya sekarang ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tiba

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:Yang Berhormat bagi Sipitang bangun, Sipitang bangun. *[Disampuk]*

Seorang Ahli: Okaylah, berilah.

Dr. Tan Seng Giaw: Beri saya, saya hendak beri peluang sebab ramai hendak berucap.

Seorang Ahli: Bisul itu.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Sedikit, sedikit.

Seorang Ahli: Beri dekat dia, dia ada bisul.

Seorang Ahli: Kawan, kawan, kawan baik.

Seorang Ahli: Okaylah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini kawan saya dari Kepong ini *[Disampuk]* saya tidak tahu apa dia cakap, dia pusing-pusing. Bab "bisul" pun masuk dalam wanita. Ini di luar tajuk.

Saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang kenyataan rakan yang bijak pandai (intelligent), Yang Berhormat bagi Tumpat tadi yang mengatakan bahawa penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga ini satu gimik politik.

Sebenarnya ini adalah kesungguhan kerajaan untuk membela nasib wanita sehingga ada kementerian wanita, tetapi bagaimana pula keadaan di Kelantan? Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri Kelantan untuk membela kaum wanita? Dan juga di negeri Terengganu. Di negeri-negeri lain

misalannya di Sabah kita ada Pengarah Hal Ehwal Wanita yang memastikan aktiviti wanita. Dan bagaimana pula PAS sama ada bersetuju bahawa PAS lah yang ada diskriminasi. Misalnya kenyataan Menteri Besar Kelantan yang mengatakan wanita cantik tidak payahlah bekerja kerana dia boleh kahwin dengan lelaki kaya. Apakah Yang Berhormat bersetuju dengan kenyataan ini? *[Disampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali itu di negeri-negeri yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu ramai wanita yang mengundi mereka.

Seorang Ahli: Yaaa.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, itu masalah. Wanita mengundi *[Disampuk]* kalau tidak ada wanita mengundi habis semua.

Seorang Ahli: Habis.

Dr. Tan Seng Giaw: Habis semua. Tuan Yang di-Pertua, pada bulan Julai 1995 Malaysia juga telah bersetuju menerima beberapa resolusi CEDAW. Resolusi-resolusi tersebut sedang dikaji semula untuk tujuan menarik balik berasaskan senario pembangunan wanita di negara ini serta dasar-dasar kerajaan mengenai kemajuan wanita.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Enam tahun selepas pihak kerajaan kaji semula tetapi tidak keluaran laporan mengenai reservasi-reservasi CEDAW ini. Inilah satu perkara yang tidak patut dibuat. Cuma tambahkan perkataan "jantina" di dalam Perkara 8(2) tidak cukup, memang tidak cukup. Saya berharap pihak kerajaan dapat mengumumkan apakah laporan mengenai kajian semula terhadap reservasi-reservasi CEDAW ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita perlu adakan satu tindakan affirmative untuk sama-sama mengatasi diskriminasi terhadap wanita di beberapa sektor tidak termasuk pendidikan, kerana pendidikan itu mereka memang lebih 60% kalau kita tengok bilangan pelajar di IPTA kita sekarang ini, 60%. Dan kadangkala kita nampak – semalam saya nampak - ada pelajar dari UKM, pelajar jurusan undang-undang Tahun 1 yang datang untuk menyaksikan prestasi Parlimen kita. Daripada 84 orang pelajar, 74 adalah perempuan di dalam bidang undang-undang.

Kalau itulah trend ini, tidak lama lagi semua hakim terdiri daripada wanita. *[Disampuk]* Ha, walaupun Peguam Negara sekarang ini sudah wanita dan ada satu dua Hakim Mahkamah Tinggi adalah wanita, tetapi saya tidak nampak ada Ketua Hakim Negara daripada wanita. Itu masalah kita dan di dalam universiti-universiti kita daripada 16 buah IPTA yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan nampaknya Naib Canselor seorang wanita pun tidak ada, tidak membayangkan keadaan yang sebenar. Ini memang satu perkara yang perlu kita perhatikan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada banci tahun 2000 kita dapati ada 11.4 juta wanita dan 25.4% daripadanya di bawah umur 24 tahun dan buruh atau pekerja wanita hanya 31% sahaja, hampir 30% sahaja. Ini memang satu kelemahan dan di dalam bidang profesional dan bidang teknikal sangat kurang hanya 13.5% sahaja. Saya tidak mahu sebutkan lagi pendidikan kerana wanita sangat berjaya.

Dari segi umur (usia) mereka puratanya hidup sampai 74.7 tahun hampir 75 tahun tetapi kaum lelaki itu tidak sampai 70, 69.3 tahun sahaja. Ini bermakna kelebihan wanita. Walau bagaimanapun di dalam usaha kita melalui pelbagai badan termasuk bukan kerajaan, Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWIP), Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) dan sebagainya. Saya berharap bukan sahaja kita hendak tambahkan perkara jantina di dalam Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan bahkan juga tindakan-tindakan selanjutnya diambil untuk merapatkan jurang di antara lelaki dengan perempuan dan sebaliknya di dalam jurang pendidikan kita, kita ambil tindakan yang sebaliknya. Kerana di bidang itu lelaki sudah lemah dan kita pun minta kaum wanita tolong kaum lelaki untuk merapatkan jurang di bidang pendidikan. Itu memanglah dua hala jalannya. Kita hendak bantu wanita dan sebaliknya di dalam beberapa bidang wanita mesti tolong lelaki juga. Itulah apa yang dipanggilkan keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara untuk senator. Untuk senator kita ini saya tidak keberatan hendak jadi tempoh untuk seseorang senator yang mengambil daripada senator yang tidak ada di dalam Dewan lagi tiga tahun dan tambah pula enam tahun saya tidak keberatan itu memang baik. Walau bagaimanapun kita mesti adakan satu suruhanjaya seperti mana kita mesti sentiasa adakan satu perubahan di dalam Dewan Rakyat kita supaya ia boleh berfungsi dengan berkesan dengan prestasi yang baik begitu juga dengan Dewan Negara. Dewan Negara setakat memastikan setiap senator berkhidmat tiga tahun sahaja tidak cukup. Kita mesti tubuhkan satu suruhanjaya untuk mengkaji peranan kewajipan dan prestasi Dewan Negara di dalam negara. Apakah peranannya di

semua peringkat. Itu memang satu perkara yang baik termasuk perlantikan ahli-ahli senator, pemilihan.

Kalau ikut perlembagaan memang satu perkara yang cukup baik dia hendak tentukan seseorang calon itu memberi sumbangan yang cemerlang di perkhidmatan awam dan memberi prestasi yang sungguh baik, sumbangan yang cukup tinggi untuk profesion untuk pertanian, untuk perusahaan dan entahlah apa lagi. Tetapi apabila kita nampak bilangan senator yang di dalam Dewan Negara kita nampaknya tidak cocok dengan provision atau peruntukan di dalam Perlembagaan. Apakah terjadi sekarang menjadi satu amalan bahawa apabila seseorang itu memberi sumbangan atau apa sahaja kepada pihak parti pemerintah dan dia tidak dapat dipilih dalam pilihan raya maka dia dilantik menjadi ahli senator di Dewan Negara. Jadi, ini tidak bermakna. Di dalam negara yang sekarang menjelajah ke abad ke-21, dengan globalisasi, dengan liberalisasi kita tidak dapat menerima mengapa peranan dan perlantikan, pemilihan ahli senator kita itu tidak mengikut Perlembagaan. Sebab itulah saya mencadangkan supaya kita adakan satu suruhanjaya untuk mengkaji semula peranan, prestasi dan pemilihan ahli Dewan Negara supaya kita boleh bersama-sama mewujudkan satu sistem demokrasi berparlimen yang benar-benar membayangkan hasrat dan aspirasi rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai umur persaraan. Saya sebenarnya sudah berkali-kali lebih satu dekad membangkitkan wajibnya kita lanjutkan umur persaraan. Saya faham bahawa kalau kita melanjutkan umur persaraan dengan mendadak ini akan menimbulkan kesan-kesan ke atas kewangan dan kenaikan pangkat dan seterusnya. Tetapi ini tidak bererti kerajaan mengambil lebih satu dekad untuk mengubahsuaikan keadaan kerana umur purata rakyat Malaysia sudah meningkat kepada 70 tahun puratanya dan sebab itu kita tidak bolehlah berlengah-lengah di dalam usaha untuk melanjutkan umur persaraan kita. Dan kita pun nampak di negara-negara seperti di Namibia 67, di Amerika Syarikat 62, di Singapura 62, di Thailand 60 dan kita hanya sekarang 56 dan tidak lama lagi saya harap sampai 60 kemudian kita boleh bagi option, 60 itu option dan boleh sampai 65. Dan institusi-institusi akademik mungkin lebih daripada 65, 67, 70. Kadangkala di dalam beberapa bidang, umur yang menentukan hasilnya dan prestasi.

Tuan Yang di-Pertua, itu mengenai umur dan kemudian mengenai perkara untuk pendaftaran pemilih. Saya tidak akan memanjangkan perkara ini cukuplah kita memastikan bahawa semua kerja untuk mendaftarkan sama ada melalui komputer, ICT, ataupun apa sahaja kita mesti semua dijalankan dengan baik supaya tidak wujud lagi masalah pemilih hantu, pengundi hantu sebab di Likas pun masalah pengundi hantu. Kalau kita tidak kata tidak wujud pengundi hantu itu salah kerana pihak hakim semua pihak pun terima ada pengundi hantu. Sebab itulah apa sahaja pindaan sekarang kita mesti memastikan hantu itu tidak wujud. Tetapi mengenai pendaftaran muktamad saya nampak ada semalam pihak Yang Berhormat Menteri sudah katakan di bawah fasal 1A yang dicadangkan jika daftar pemilih bagi bahagian pilihan raya itu disiarkan dalam warta kemasukan seseorang dalam daftar pemilih itu akan menjadi keterangan muktamad bahawa ia didaftarkan dengan sepatutnya dalam daftar itu. Tuan Yang di-Pertua, ini pun tidak dimasukkan seperti mana diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam. Walau bagaimanapun saya berharap Yang Berhormat dapat mengkaji semula supaya masalah pengundi hantu tidak dapat diwujudkan lagi melalui pindaan ini. Ini memang satu perkara yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai satu perkara lagi iaitu di dalam pindaan di...

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Jeli bangun di belakang.

Dr. Tan Seng Giaw: Jeli, Jeli okay.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kepong. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kepong sekiranya dijadikan pendaftaran pengundi ini satu kewajipan dan bukannya satu pilihan yakni mana-mana mereka yang telah berumur 21 tahun walaupun negara-negara lain di dunia 18 tahun tetapi Malaysia ini masih kebelakangan 21 tahun baru layak mengundi. Mana-mana warganegara yang telah mencapai usia 21 tahun maka dibuat online dengan Jabatan Pendaftaran Negara. Dengan ini isu-isu pengundi hantu mungkin boleh dapat diminimumkan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jeli, memang ada munasabah juga cadangan itu. Tetapi kita mesti adil dalam hal ini. Di dalam IT sekarang kadangkala kita hendak mengesahkan kalau secara automatik jadi negara seperti New Zealand memang boleh 2 juta orang. Kita ada 22.5 juta orang susah sikit kalau dimasukkan dengan automatik jadi pengundi, kita takut lain kalilah yang keluar undi tidak ramai kerana tidak dapat sahkan sama ada mereka masih ada di negara ini ataupun tidak dan sebagainya. Itu masalah kita. Tetapi kita mesti kaji dengan terperinci sama ada kita boleh laksanakan separuh ataupun ala Malaysia. Kerana keadaan kita berlainan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, prinsip-prinsip perlembagaan tidak boleh dipinda dengan sewenang-wenangnya tetapi perubahan semasa dan perkembangan dunia memerlukan mekanisme untuk meminda perlembagaan tanpa menjejaskan prinsip-prinsip utama.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ada banyak lagi hendak ucap tetapi cukuplah bagi memberi peringatan kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita sentiasa patuh kepada prinsip-prinsip utama perlembagaan ini. Jangan kita dengan sewenang-wenangnya melanggar prinsip-prinsip ini dan di dalam usaha kita untuk berpolitik dan untuk memenangi pilihan raya kita mesti juga mematuhi semua perkara yang telah saya cakapkan di sini. Cuma satu lagi mengenai masalah bahasa. Bahasa Kebangsaan bahasa Malaysia ada segolongan yang taksub kepada bahasa Melayu. Kalau kita kata bahasa Malaysia sudah tidak boleh sekarang. Ini bahasa Melayu seolah-olah bila orang lain belajar pun tidak jadi bahasa dia sebab bahasa itu satu benda yang hidup. Bila kita beli Toyota, Toyota itu jadi milik kita. Bila kita faham, fasih dan mahir di dalam bahasa Malaysia itu bahasa saya. Saya bawa balik. Jadi bukan dimiliki orang Melayu lagilah, sudah dimiliki oleh saya sekarang. Itu bahasa. Tetapi ada segolongan itu taksublah kepada bahasa Melayu hanya kalau baik kita kata bahasa jawilah itu. Bukan huruf jawi bahasa jawi pada mula-mula lagi dia panggil bahasa jawi. Bahasa jawi itu bahasa Melayu. Huruf jawi itu lainlah, berlainan. Tetapi di sini bukan setakat kita adakan teks bahasa Malaysia, perlembagaan bahasa Malaysia sebagai teks yang sah itu baik tidak ada pertikaian. Cuma di dalam pelaksanaan bila kita adakan bahasa itu sebagai bahasa Kebangsaan, bahasa Malaysia kita mesti tunjukkan di dalam semua urusan rasmi penggunaan bahasa yang tepat, jitu dan persis.

Kalau kita tengok Jalan Parlimen, bila kita menuju ke Parlimen, ada satu "persiaran", seolah-olah ada radio di situ, Persiaran Sultan Salahuddin. Saya bangkitkan beberapa tahun yang lepas. Kemudian apabila kita tukar pula arah aliran kita kepada pusat bandar, kita nampak ada pesiaran, ada jalan di situ, Pesiaran Sultan Salahuddin. Itu...

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang bangun, Yang Berhormat ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pendapat Yang Berhormat bagi Kepong di dalam pindaan Perkara 8 ini, yang di dalam Bahasa Malaysia, ia dikatakan "jantina" tetapi dalam bahasa Inggeris, ia dikatakan "gender". Jantina boleh dimaksudkan seks dan boleh dimaksudkan gender, yang mana satu yang paling tepat di dalam pemindaan ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju kalau kita hendak menggunakan gender lebih tepat kerana jantina dan gender tidak serupa juga. Ada perbezaan sedikit tetapi halus. [Ketawa] Sebab bahasa Melayu, Bahasa Malaysia ini halus. Kalau kita meneliti, mendalami bahasa itu memang bahasa yang sangat halus. Tetapi lebih tepat itu, gender. Gender dan jantina ada berlainan sedikit sahaja, halus tetapi...

Puan Chong Eng: Apa pendapat Yang Berhormat bagi Kepong, mungkin kita perlu memasukkan kedua-dua seks dan gender atau jantina dan gender kerana seks itu ialah perbezaan fizikal, *biological* dan gender itu ialah *social constructed relationship between man and woman*, jadi ia tidak sama tetapi diskriminasi boleh *arise* daripada seks dan juga boleh *arise* daripada gender. Maka, mungkin kita perlu masukkan kedua-duanya. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Kepong?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengkaji istilah perkataan-perkataan ini supaya ia lebih tepat. Maksud saya mengenai penggunaan bahasa yang tepat, persis dan jitu di dalam semua urusan rasmi. Itu memang penting termasuk kita melatih juru bahasa, guru bahasa yang lebih berkualiti di dalam negara ini. Itu memang penting dan setakat ini Kementerian Pendidikan, usaha itu tidak cukup untuk mengeluarkan guru-guru yang berkualiti di dalam bahasa-bahasa terutamanya bahasa Malaysia.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [Bangun]

Dr. Tan Seng Giaw: Apa masalah dengan Tanjung Karang sana?

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, Tanjung Karang [Ketawa] Tanjung Karang, sila.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan mengenai bahasa. Kalau saya tidak silap tadi saya dengar Yang Berhormat cakap, bahasa kebangsaannya ialah Bahasa Malaysia tetapi sebenarnya, Yang Berhormat, ikut Perlembagaan kita, Artikel 152, bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu, bukan Bahasa Malaysia. Jadi, tidak salahlah kita cakap bahasa Melayu, ini Perlembagaan, Yang Berhormat. Ini Perlembagaan 152.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, bahasa itu hidup. Bahasa memang hidup. Kalau saya bertutur di dalam Bahasa Malaysia, itu bahasa saya, bukan bahasa Melayu, bukan bahasa Tanjung Karang. *[Ketawa]* Ini bahasa Kepong. Itu bahasa. Kalau lain kali ada orang-orang keturunan Melayu yang mahir di dalam bahasa Mandarin, itu bahasa dia. Tidak apalah, kita tidak mahu mempertikaikan istilah di sini, cuma apabila kita gunakan bahasa, gunakan yang tepat di dalam hal rasmi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjung Karang bangun lagi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya ada satu hendak tanya Yang Berhormat. Yang Berhormat mengaku tidak bahasa kebangsaan ini bahasa Melayu atau bahasa Malaysia? Itu sahaja.

Dr. Tan Seng Giaw: Bagi saya, itu bahasa Malaysia. Kalau kita hendak adakan bangsa Malaysia, lain kali Tanjung Karang hendak tukar dengan bangsa Melayu pula. Tidak payah, kekalkan. Sebab kita hendak galakan semua orang mahir di dalam bahasa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Berasal daripada bahasa Jawi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, ya, cukuplah yang itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Itu bahasa, tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Masing-masing sudah faham.

Dr. Tan Seng Giaw: Pasal itu...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kita tidak ada masa ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya, masa saya tidak....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ada sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tolong, tolong sedikit. Saya hendak habiskan.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, ini saya tolonglah, hendak betulkan sedikit sahaja silap, maaf. Hendak tolong dia ini.

Dr. Tan Seng Giaw: Kalau tidak bagi pun, kata tidak demokratik.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha ah, ya lah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Kepong. Saya cuma hendak betulkan ini tadi, dia cakap bahasa Jawi. Kita tidak cakap bahasa Jawi, yang ada tulisan Jawi. Jadi, dia ini sedap cakap sahaja ini. Kalau tidak faham, jangan cakap bahasa Jawi. Mana ada bahasa Jawi, saya sudah dekat 60 tahun, bahasa Melayu, kata Tulisan Jawi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: ...tulisan Jawi. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Kita boleh sama-sama belajar, Tuan Yang di-Pertua. Bahasa Jawi itu bahasa Melayu. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Huruf Jawi itu... *[Disampuk] [Dewan Riu]*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dr. Tan Seng Giaw: ...Yang Berhormat Menteri, boleh kita sama-sama berbincang dengan orang yang ada pertikaian. Bahasa Jawi, bahasa Melayu. Huruf Jawi, tidak serupa, huruf Arab. Ini memang kita mesti faham. [*Disampuk*] Kita mesti faham.

Tuan Yang di-Pertua: Kepong, sila teruskan ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ha, saya hendak teruskan tetapi

Tuan Yang di-Pertua: Jangan...

Dr. Tan Seng Giaw: ...sebab banyak kacau sekarang ini. Mengenai bahasa pun hendak kacau pula. Baik kita ini ada warisan di Malaysia ini, lebih 500 tahun menggunakan huruf Jawi, huruf Arab. Itu satu warisan yang baik. Di dalam batu bersurat pun ada dan memang kita mesti kekalkan huruf ini sebagai satu warisan yang cantik, yang penuh dengan sejarah dan tradisi. Kita kekalkan tetapi kerana popularkan Rumawi, ha ini ada Rumawi, Rumi kita. Kita popularkan rumawi, sebab itulah Jawi ketinggalan pula tetapi kita mestilah usaha untuk mengekalkan dan memelihara huruf Jawi juga sebagai satu warisan. Warisan itu penting.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Warisan itu penting. Tuan Yang di-Pertua, sambil menggalakkan semua pihak termasuk Yang Berhormat Menteri menjaga dan memelihara prinsip-prinsip Perlembagaan dan tidak dengan sewenang-wenangnya melanggarnya

Pagi murai hendak bernyanyi,

Burung tukang tidak merayu,

Pergi cari tukang besi,

Tukang tidak membuang kayu.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab ramai sangat ini hendak berucap, saya terpaksa menegahadkan masa dan lis yang diberi kepada saya pun cukup panjang. Kalau sekiranya hendak bagi tiap-tiap orang berucap, makna kata, kita akan memakan masa satu minggu lagi, ya. Yang demikian, saya minta supaya tiap-tiap Ahli yang berucap dihadkan kepada 20 minit ya. Ya, Yang Berhormat bagi Batang Lupar.

11.44 pagi.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 20 minit, insyaAllah saya akan tamatkan dalam 20 minit dan saya insyaAllah tidak merayau-rayau sebagaimana yang dibuat oleh "Pak Rayau" kita, Kepong. [*Disampuk*] [*Ketawa*]

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengalu-alukan yang akhir sekali dalam pindaan ini iaitu untuk memartabatkan bahasa Melayu. Memang tidak boleh dinafikan bahawa dalam Perlembagaan, kita telah menetapkan bahawa bahasa orang Malaysia ialah bahasa Melayu, mengikut Perlembagaan. Jadi, saya tidak hendak berhujah dengan Yang Berhormat bagi Kepong kerana ada juga sebab-sebab yang tertentu mengapa bahasa Melayu disebut sebagai Bahasa Malaysia, sebagai penggunaan biasa.

Jadi, menggunakan bahasa Melayu ini sebagai teks sah dalam Perlembagaan, saya mengalu-alukan dan ini adalah satu pemartabatan bahasa Melayu itu sendiri dan saya berharap pihak-pihak yang berkenaan, terutamanya mahkamah telah mempunyai cukup pengalaman dan budi bicara apabila menggunakan teks bahasa Melayu sebagai teks yang akan diistilahkan dalam mahkamah dan direalisasikan sebagai undang-undang negara kerana selama ini kita menggunakan teks Inggeris sebagai asas untuk mentakrifkan Perlembagaan kita.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada pindaan yang pertama dalam Perkara 6, Kerja Luar. Saya sebut sini iaitu pindaan berhubung dengan orang yang didapati bersalah oleh mahkamah, kerja paksa tidak dianggap sebagai kerja paksa. Pengertian perkara ini dengan syarat kerja atau khidmat itu dijalankan di bawah pengawasan dan kawalan suatu pihak kuasa awam.

Ini bermakna, tidak kira sama ada hukuman itu dijalankan di dalam ataupun di luar penjara. Sebagai amalan biasa, pada masa sekarang, kerja-kerja luar dibuat di dalam penjara. Pada ketika yang akan datang, berkemungkinan di bawah istilah ini, orang yang didapati bersalah ini akan dibuat bekerja

di luar penjara. Dalam keadaan sedemikian, dua perkara yang boleh berlaku. Yang pertama ialah dari segi kawalan dan keselamatan. Yang kedua, ada kemungkinan pihak yang didapati bersalah ini disuruh membuat satu kerja yang mungkin berlainan sedikit daripada apa yang dianggap kerja yang berpatutan oleh pihak mahkamah. Umpamanya, kerja buruh kasar ataupun perkaraperkara yang lebih teruk dan lebih menakutkan pihak yang di penjara.

Jadi, walaupun ini satu *preventive measure*, dengan izin tetapi dalam keadaan yang sama juga, mungkin akan menggalakkan mereka ini lari daripada tahanan dan sebagainya dan kalau lari daripada tahanan, pihak yang menjaga berkemungkinan kalau tidak pun menggunakan senjata yang mendatangkan keseksaan, mungkin juga menggunakan senjata api dan penggunaan senjata mungkin tidak begitu baik, pengawasan kurang cermat dan sebagainya. Ini juga mendatangkan satu masalah yang patut kita lihat. Maknanya pihak penjara mestilah diberi latihan, amalan yang bersesuaian dengan kehendak pindaan Perlembagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua saya tidak ingin berbincang panjang lebar berhubung dengan Perkara 6, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berpindah kepada Perkara 8. Dalam Perkara 8 ini, saya, , adalah salah seorang termasuk juga Yang Berhormat bagi Kepong, memang saya memuji juga Yang Berhormat bagi Kepong, walaupun selalu orang kampung saya kata, "*Beragil*" ke lautan lepas, baru balik ke Sarawak", undang-undang ini kita banyak suarakan. Saya adalah salah seorang Ahli Parlimen yang lantang menyuarakan hak dan kepentingan wanita di Dewan yang mulia ini.

Pindaan Perlembagaan ini dan para ini adalah sejajar dengan hakikat kerajaan dan tujuan kerajaan atas saranan-saranan, atas desakan, atas suara-suara dari pihak-pihak tertentu, tidak kira daripada wanita ataupun wakil-wakil yang merasa diri mereka mewakili pihak yang lebih banyak di Malaysia ini daripada pihak-pihak lain.

Tuan Yang di-Pertua, masalah wanita masih banyak walaupun Perlembagaan ini kita telah pindahkan. Dalam segi Perlembagaan, jantina ataupun gender, tidak lagi menjadi satu masalah perbezaan di antara lelaki ataupun perempuan. Tetapi daripada segi amalan undang-undang dan masalah pentadbiran masih banyak berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Masih banyak undang-undang yang lama, undang-undang yang kita warisi daripada pihak penjajah dahulu yang masih mempunyai ciri-ciri dan detik-detik yang mungkin mendiskriminasikan wanita. Saya berharap pihak kementerian yang bertanggungjawab persoalan wanita melihat undang-undang ini dan membuat pindaan, membuat katalog, membuat audit yang tertentu supaya semua undang-undang ini dikenal pasti dan dilihat bukan sahaja daripada perkataannya tetapi juga daripada segi takrifan dan maknanya oleh pihak mahkamah.

Yang kedua, di samping kita melihat undang-undang, kita juga mesti melihat masalah pentadbiran. Saya banyak berbincang persoalan wanita dan masalah wanita. Semasa saya berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen daripada luar negara, saya selalu bertanya macam mana keadaan dan kepentingan wanita di negara-negara mereka adakah terjaga, adakah diskriminasi ini masih berleluasa ataupun diselit di sebalik undang-undang dan pentadbiran kerajaan. Saya dapati di England umpamanya masih mempunyai banyak diskriminasi.

Saya diberitahu oleh ahli Parlimen daripada England mengatakan bahawa iaitu umpamanya soalan pasport yang ibu tidak boleh *endorse* pasport untuk anaknya mendapatkan pasport. Jikalau seorang wanita ataupun ibu tidak boleh *endorse* pasport., dengan sendirinya ibu tunggal, ibu telah bercerai, ibu yang ditinggal suami kerana kematian dan sebagainya, ibu yang mengangkat anak semua tidak berupaya hendak berunding atau berbincang dengan pihak kerajaan untuk anak-anak mereka.

Baru-baru ini pada 30hb. Julai, nampaknya di Australia juga berlaku perkara yang sama, ditulis dalam *Star* ini, seorang menulis surat *single mother* menulis satu surat macam mana anak dia tidak boleh pergi ke Australia kerana dia tidak diterima oleh pihak High Commission Australia sebagai yang mempunyai hak untuk *endorse* permohonan visa anaknya masuk ke Australia belajar. Dengan sendirinya anak itu tidak boleh belajar. Jadi, masalah ini amatlah penting bukan sahaja kepada anak-anak ini tetapi kepada semua masyarakat.

Jadi, dalam keadaan sedemikian masalah pentadbiran ini mestilah diselaraskan dan dilihat selaras dengan Perlembagaan yang telah kita pindahkan ini. Jangan ada lagi undang-undang, jangan ada lagi masalah pentadbiran dan yang akhir sekali iaitu amalan. Pentadbiran ini satu iaitu mengikut garis-garis panduan yang bertulis tetapi amalan oleh operator, manager, orang yang mengendalikan pejabat dan sebagainya. Mereka ini mempunyai perasaan dan pendirian peribadi dan mereka ini boleh membuat satu perkara yang mungkin bukan berlaku berlandaskan undang-undang, bukan berlandaskan arahan-arahan yang tertentu bertulis tetapi mengikut cita rasa dan amalan yang dibuat sebagai *convention* yang menurut peraturan dan undang-undang, diamalkan yang boleh mendiskriminasikan wanita.

Ini juga mesti dilihat di pejabat-pejabat dan di mana-mana sahaja termasuklah di tempat-tempat awam lain, Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini amat penting, kalau tidak semua kita punya pindaan ini tidak mendatangkan kesan dan perkara-perkara berhubung dengan wanita juga kita melihat pelantikan pegawai-pegawai ke jabatan-jabatan kerajaan, tadi Yang Berhormat bagi Kepong memang betul apa Yang Berhormat bagi Kepong sebutkan. Kita mempunyai lebih 50% masyarakat kita wanita, tetapi pegawai kerajaan belum lagi menunjukkan *reflect* yang sebenarnya banyak wanita di dalam jabatan-jabatan kerajaan.

Jadi, kita kena melihat juga perkara yang sedemikian dan wanita juga umpamanya soalan penderaan dan bermacam-macam lagi, bukan sahaja fizikal, Tuan Yang di-Pertua, kalau si suami beristeri satu ataupun dua, dia tinggal isteri dia lama-lama. Masalah tanggungjawab batin pun satu penderaan yang tidak boleh diatasi oleh seorang wanita. Ini juga mesti dilihat secara khusus dan dilihat sebagai satu penderaan dan takrifan undang-undang ini mesti dilihat secara menyeluruh dan ini juga mesti di *address*, dengan izin, oleh pihak-pihak kerajaan dan jabatan serta kementerian.

Perhubungan suami isteri mestilah dilihat terutamanya si suami yang masih melihat bahawa ini adalah zaman batu. Zaman mana si suami dominate dalam segala segi daripada segi pemikiran, kekeluargaan, kepada segi kepimpinan di rumah. Ini juga mesti dilihat supaya jangan dapat situasi yang mana si suami *dominate everything*, dengan izin, di mana perempuan ini mengikut sahaja, ini adalah zaman abad yang ke-21. Perkara ini mesti dilihat dan suami yang tidak bertimbang rasa dan gagal merealisasikan tanggungjawabnya sebagai suami ataupun si lelaki, terutama sekali dalam bidang perundangan Islam. Kalau kita lihat dalam Islam pembahagian harta dan sebagai. Ini di antara pembahagian harta, kalau kita lihat lelaki mendapat dua share dan wanita adik perempuan ataupun kakak mendapat satu share. Kalau dibahagikan sedemikian tetapi dalam undang-undang Islam mengkehendaki si lelaki ini menjaga adik perempuan ataupun kakaknya tetapi dalam masa yang sama dia tidak menjagakan pula.

Jadi, di mana letaknya undang-undang syariah ini, fiqah ini dengan undang-undang yang kita kehendaki iaitu keadilan di antara adik beradik ini. Ini juga perlu dilihat kalau dia tidak menjaga adik perempuan ataupun kakaknya dengan sendirinya sepatutnya undang-undang ditakrifkan sebagai bertanggungjawab dan undang-undang lain patut mengambil alih tanggungjawab sedemikian.

Secara ringkas juga Tuan Yang di-Pertua, *sexual harassment*, bukan sahaja di tempat kerja tetapi juga di universiti-universiti, di sekolah-sekolah dan di rumah *sexual harassment* ini berlaku di mana-mana sahaja. Jadi undang-undang kita, prosedur-prosedur kita, kaedah-kaedah kita mestilah menyeluruh supaya jangan ada wanita-wanita terkena oleh *sexual harassment* ini.

Soalan yang banyak diperbincangkan itu ialah soalan pencen, sebagaimana Yang Berhormat bagi Kuala Pilah dengan lantang telah menyebutkan semalam. Saya memang menyebut perkara ini empat, lima tahun yang lepas. Dahulu saya pernah berkata, kalau si suami mati, yang wanita, isteri ini boleh menerima pencen tetapi apabila wanaita ini kahwin dengan sendiri pencen ditarik balik. Ini saya kata dalam perbahasan saya dahulu mengatakan ini menggalakkan si wanita menyimpan lelaki. Dia diam dengan lelaki sahaja, tidak payah kahwin, sebab kalau tidak kahwin dia dapat menerima pencen. Kalau kahwin dengan sendirinya kerajaan pupus kan pencennya.

Jadi, ini nampaknya kita bukan sahaja tidak adil tetapi menggalakkan perkara yang haram dikerjakan. Jadi, kerajaan telah respons dengan permintaan kita, respons dengan keadaan ini supaya kita tidak nampak sebagai menggalak kepada perkara-perkara sebegini. Begitu juga kenaikan pangkat, kenaikan pangkat di jabatan-jabatan di mana-mana sahaja mestilah dilihat secara *meritnya* juga. Memang kita menerima hakikat mungkin ada kerja-kerja yang tidak boleh dibuat oleh pihak wanita. Tetapi ada juga pekerjaan-pekerjaan yang mana wanita lebih bijak, lebih pandai, lebih cekap daripada lelaki, kerana lelaki biasanya dia melihat dari segi makro, wanita lebih meticulous melihat benda-benda, dia lebih halus lagi menilai.

Jadi, kita kena lihat soalan-soalan sedemikian, walaupun kalau kita dari zaman dahulu, tidak lama dahulu di Amerika umpamanya tahun 60-an baru semua rakyat Amerika wanita yang boleh mengundi di seluruh negara Amerika. Zaman dahulu tahun 60-an selepas itu bangkitlah wanita dikatakan Women's Lib dan Women's Lib wanita ini kadang-kadang mengamalkan satu budaya yang kurang baik iaitu kata very pushy, stubborn, non-compromising. Pada ketika itu orang-orang lelaki ini naik resist wanita ini kerana budaya dibawa oleh Women Libers ini tidak sesuai. Jadi saya berharap pihak wanita kalau hendak memajukan agenda wanita mestilah menggunakan kebijaksanaan, kelemah-lembutan, menggunakan cara kewanitaan itu sendiri untuk memajukan agenda wanita, bukan secara Women Libers.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan mesyuarat*]

Kerana ada seorang saya berjumpa dengan pegawai kanan wanita daripada jabatan kerajaan, bukan di Semenanjung tetapi di Sarawak yang mana kalau dijemput suami dia selepas itu bersama dengan isteri, dia tidak akan pergi, katanya dia tidak pernah dijemput melainkan dihantar dua kad jemputan, suami dia satu dan dia satu baru dia datang. Jadi, wanita sebegini tidak akan boleh memajukan agenda wanita, kerana lelaki akan menentang kedudukan mereka tetapi kalau wanita berpihak lemah lembut, bercakap baik dengan cara intelektual secara *feminine* dengan sendirinya kita akan berupaya memajukan agenda wanita.

Jadi, dalam bidang lain Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jangan terlalu panjang.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sedikit sahaja, tidak, pendek sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyentuh berhubung dengan pencen wanita apabila suaminya meninggal, dia akan mendapat pencen dia tidak boleh kahwin sekiranya dia hendakkan pencen. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, dasar yang dibuat oleh kerajaan ini rasa saya baik, macam mana pula kalau si isteri itu janda kaya, memang banyak harta, dia kahwin, adakah patut kerajaan beri dia juga duit pencen lagi. Sudahlah suaminya kaya, dia pun janda kaya dan dapat lagi wang pencen lagi, saya ingat macam mana Yang Berhormat punya pendapat ini.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Yang Berhormat. Semalam saya dengar betul-betul Yang Berhormat bagi Kuala Pilah sebut. Kalau si suami ada empat orang isteri, semua isteri bekerja, selepas itu semua isteri pencen. Semua isteri mati, semua pencen dia bolot. Jadi si suami itu kaya raya si isteri mati pun suami dapat pencen itu, kenapa salahkah si isteri yang kaya raya jutawan terima pencen kalau RM1,000 ataupun RM2,000 daripada suami. Saya setuju mesti kena beri juga, ini hak sama,

Datuk Napsiah binti Omar: *Service done.*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Saya tidak usah, *service done* itu tidak kira, ini bukan soalan *service* lagi pada saya. Ini soalan *non-discrimination*, dengan izin. *Due consideration* pasal *service done* itu kira lainlah. Mungkin gaduh sepanjang masa, tidak kira. Soalan *non-discrimination* kita tidak kira *service*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berpindah kepada perkara lain. Soalan lain boleh?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan lain, oleh kerana masa saya mungkin sudah tersekat. Saya memang tertarik hati dengan pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan pagi tadi menunjukkan 60% adik-adik wanita dari universiti dan sekolah-sekolah yang menyerlah tetapi mengikut kajian yang dibuat oleh pihak United Nations menunjukkan wanita ini masih berkurangan di dalam bidang sains dan teknologi umpamanya. Ini secara menyeluruh, Afrika 10% sahaja wanita, Latin Amerika 40%, Western Europe 32%. Eastern Europe 30%, Asia Pacific 34%. Kalaulah di Malaysia ini ditunjukkan juga tadi, dalam universiti teknikal dan universiti teknologi ada nampak lebih lelaki.

Jadi, ini adik-adik kena ingatlah sedikit, kita kena bidang ICT *determines the future of economy*, dengan izin, pendidikan dan semuanya sekali. Jadi, kita kena galakkan anak-anak perempuan kita untuk mengkaji ilmu teknologi, sains dan matematik supaya tidak akan ketinggalan dalam bidang ICT, kerana ICT lah ilmu, ICT lah ekonomi, ICT lah segala-galanya untuk masa hadapan. Jadi, jangan sekali lagi lonjakan ICT ini wanita akan tinggal di belakang oleh pihak lelaki sebagaimana yang berlaku sejak Adam dan Hawa dahulu.

Ini bukan zaman Adam dan Hawa ataupun zaman evolusi Darwin di mana lelaki menggunakan yang kuat itu kudrat tetapi zaman intelektual menggunakan kebijaksanaan dan sebagainya. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian wanita mesti digalakkan mengambil bidang-bidang teknikal, ada anak kita perempuan, saya ini bercakap Tuan Yang di-Pertua, anak saya semua perempuan, itulah sebab.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini Datuk, berapa lama lagi masa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah habis masa.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Dekat hendak habis sudah. Okay penghabisan Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang ICT ini iaitu *urban and rural disparity* di antara kita punya pendidikan ekonomi dan sebagainya terutama sekali golongan wanita ini. Saya rasa sedih sekali kerana tidak boleh menyentuh perkara lain dalam pindaan ini. Jadi, kita kerajaan, jabatan dan kementerian mesti melihat wanita-wanita di luar bandar tidak terkeluar dalam lonjakan ekonomi, dalam lonjakan pendidikan ilmu dan sebagainya Kalau ini berlaku masih orang bumiputera dan *digital divide* masih berlaku di kalangan bumiputera kerana wanita ini disebut di dalam universiti-universiti, IPTA dan IPTS ini tidak ada *break down* di antara *racial breakdown* nya kita bimbang ini juga akan menunjukkan iaitu ada *racial divide* berhubung dengan lonjakan yang saya sebutkan ini.

Dengan kata-kata yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya beri Yang Berhormat bagi Permatang Pauh.

12.05 tgh.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail [Permatang Pauh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi pandangan terhadap Rang undang-undang (Pindaan) Perlembagaan yang sedang dibahaskan ini. Perlembagaan Persekutuan adalah undang-undang tubuh yang memperuntukkan garis panduan dan batas-batas utama demi menjamin agar negara dan pemerintahan berada pada landasan yang benar.

Tiga daripada lima cabang Rukun Negara iaitu kesetiaan kepada raja dan negara, keluhuran perlembagaan dan kedaulatan undang-undang ada kaitan langsung dengan keutuhan perlembagaan kita. Harus diinsafi bahawa adanya suatu dokumen bercetak bernama "Perlembagaan" yang diluluskan oleh Parlimen belum tentu memadai untuk memenuhi semangat Rukun Negara tadi. Perlembagaan Negara akan jatuh martabatnya dan rendah nilainya jika ia gagal menjamin prinsip, nilai dan amalan luhur bagi sesebuah negara yang demokratik dan berdaulat. Perlembagaan juga akan hilang wibawa dan kehebatannya jika terlalu mudah diubah-ubah dan diliuk lentok tanpa tujuan dan alasan yang benar-benar substansial dan berasas. Jikalau perkara ini tidak dihormati, maka negara kita hanya layak bergelar sebagai negara yang ada perlembagaan, *a government with a constitution* dengan izin dan bukannya negara berperlembagaan, *a constitutional government* dengan izin.

Sekali lagi Kerajaan Barisan Nasional berhasrat meminda perlembagaan dan malangnya ada pindaan yang cuba hendak diluluskan kali ini cukup bertentangan prinsip kedaulatan perlembagaan dari pelbagai sudut. Jika diteliti, ia akan mengancam kewibawaan sistem pilihan raya yang merupakan tulang belakang sistem dan amalan demokrasi di mana-mana negara sekali pun. Walaupun bukan semua pindaan perlembagaan yang dicadangkan kali ini bersifat negatif dan merosakkan, tetapi baik dan bagus pindaan ke lain tidak dapat menutup kejelekan dan bahayanya pindaan terhadap Perkara 119 yang berkaitan dengan daftar pemilih. Malah tindakan ini lebih berbahaya dan nampak berniat jahat kerana cuba mengabui mata rakyat dengan cuba menyelitkan keburukan di celah-celah kebaikan.

Seperti mana yang diakui dengan terbuka oleh menteri yang berkenaan seperti yang dilaporkan Media Perdana. Pindaan Perkara 119 akan menamatkan dan menutup peluang bagi mahkamah untuk memeriksa dan menentukan kesahihan sesuatu daftar pemilih sesudah ia selesai diwartakan. Maknanya apa-apa kecacatan dalam daftar pemilih termasuk gejala-gejala pengundi hantu, pemindahan pengundi, kehilangan nama dan sebagainya akan terlepas dari jangkauan undang-undang. Catatan huraian pada Fasal 9 rang undang-undang ini juga jelas menyatakan tujuan dan kesan yang sama bagi pindaan ini. Apabila ditanya oleh wartawan sama ada Akta Kesalahan Pilihanraya juga akan dipinda untuk membenarkan rayuan terhadap keputusan mana-mana Mahkamah Pilihanraya, keputusan pilihan raya, laporan akhbar The Sun 19 Julai merekodkan jawapan selamba menteri tersebut. Itu tidak perlu lagi kerana dengan meminda perlembagaan, kita sudah berjaya membereskan dua tugas dengan satu tindakan; dengan izin, "*killing two stones with one stone*".

Soalnya, apa yang sebenarnya terkorban dengan pindaan ini.

Seorang Ahli: *Two birds.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa *bird*? Burung-burung, tidak apa, tidak apa, teruskan.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: *Killing two birds with one stone*, betullah? [Disampuk] Oh, *two stones with one bird.*

Seorang Ahli: Tadi *killng stoned* dengan *stone*.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: [Ketawa] Maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah itu, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Soalnya, apa yang sebenarnya terkorban dalam pindaan ini, kita melihat yang terkorban adalah keutuhan demokrasi dan sistem pilihan raya di negara kita. Inilah antara kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional dalam menerangkan tentang pindaan ini. Saya terfikir sendiri bagaimana kenyataan dan pengakuan yang begitu terbuka yang mendedahkan tanpa segan silu kepada umum niat serong sebenar di sebalik pindaan tersebut. Sudah tentu kerajaan Barisan Nasional sedar bahawa kaitan pindaan ini dengan kes Likas yang membatalkan kemenangan calonnya masih segar di ingatan rakyat. Gambaran betapa banyaknya kelemahan dalam sistem pilihan raya khususnya daftar pemilih mengejutkan banyak pihak. Dalam keadaan itu, Barisan Nasional masih dengan selamba dan berdegil meneruskan hasrat dengan tergesa-gesa mahu meluluskan pindaan ini dalam mesyuarat kali ini juga.

Menyaksikan perkara ini boleh disimpulkan bahawa kerajaan Barisan Nasional tidak menghiraukan langsung pandangan umum dan perasaan rakyat dan mengambil tindakan sebegini, sanggup melakukan apa sahaja apabila mendapat lesen 2/3 majoriti di Parlimen. Semoga Tuhan menyelamatkan kita semua daripada angkara kuasa mutlak yang membelakangkan rakyat. Wajar ditekankan di sini bahawa hak mengundi adalah asas bagi negara demokrasi. Tanpa hak tersebut, demokrasi tidak wujud lagi. Lebih penting lagi hak itu tidak boleh dihalang, dikacau oleh cabang eksekutif kerajaan mahupun dicairkan oleh kewujudan pengundi hantu yang disewa, dibeli ataupun dipaksa untuk menyokong parti tertentu. Keadaan kita ini yang diakui sendiri oleh adanya pengundi hantu oleh Suruhanjaya Pilihan Raya akan membuat pilihan raya kita boleh dipertikaikan kesahihannya jika Suruhanjaya Pilihan Raya dan mahkamah tidak dibenarkan menjalankan tugas tanpa tekanan dan secara bebas.

Dakwaan bahawa Pindaan 119 ini akan menyelesaikan gejala pengundi hantu adalah dakwaan yang cukup tersasar dan berasaskan logik songsang. Pindaan ini tidak akan menghapuskan pengundi hantu yang sedia ada mahupun mampu menghalangnya daripada berterusan, sebaliknya ia akan menghalang pendedahan dan pengawasan terhadap gejala ini melalui saluran mahkamah. Ia hanya akan menutup gejala tersebut daripada didedahkan tanpa mengubatinya. Samalah keadaannya seperti seorang yang sakit tetapi hanya berikhtiar menyembunyikan sakitnya itu tanpa cuba mencari penawarnya. Sakitnya tetap membara dan beliau akan tetap menderita dan akhirnya tetap akan ditewaskan oleh sakitnya itu.

Pindaan 119 ini akan membawa kesan yang sama terhadap demokrasi di negara kita. Ia akan menjadi demokrasi yang berpenyakit teruk, terus menderita dan mungkin sahaja akan menemui ajalnya. Dengan latar belakang itu, saya menyeru semua warganegara khususnya mereka yang berada di dalam Dewan yang mulia ini agar bangkit menentang pindaan terhadap Perkara 119 ini.

Pertimbangan-pertimbangan berikut menuntut pindaan ini ditentang:

Pertama, ia akan menimbulkan keraguan teruk terhadap keutuhan proses pilihan raya yang menjadi tulang belakang kepada sistem demokrasi berparlimen di negara kita. Sesuatu proses pilihan raya akan terjejas kredibilitinya jika daftar pemilih yang digunapakai penuh dengan cacat cela. Ia akan menghilangkan erti segala usaha lain yang bersangkutan dengan pilihan raya tersebut.

Kedua, kita juga perlu mengambil kira bahawa selain kes-kes kad pengenalan palsu terdapat pelbagai lagi gejala negatif yang turut mencacatkan proses pilihan raya seperti pemindahan pengundi tempat lain, hilangnya nama pengundi dari daftar dan sebagainya. Pindaan ini akan menggalakkan perkara ini berterusan. Kita menuntut agar Pindaan 119 ini dibatalkan atau sekurang-kurangnya dikaji semula. Kalaupun ia mahu dipertimbangkan juga, kita menuntut tempoh masa diperuntukkan secukupnya agar daftar pemilih betul-betul boleh dibersihkan sebelum diwartakan dan dikira muktamad. Pindaan ini merupakan suatu tamparan yang hebat terhadap kedaulatan dan kebebasan sistem kehakiman di negara kita. Ia akan menghalang mahkamah daripada memainkan peranan yang penting sebagai pengawas dan pengimbang kepada kuasa pihak eksekutif dan *legislative*.

Kita sedia maklum dalam sistem kita, pertindangan antara fungsi eksekutif dan *legislative* meninggalkan hanya mahkamah sebagai institusi yang berpotensi untuk sikap bebas dan mandiri. Pindaan ini bererti kerajaan Barisan Nasional begitu takutkan kuasa mahkamah. Kenapa perlu mahkamah ditakuti hingga kuasanya disekatkan dan dibataskan? Biasanya hanya orang yang melakukan kesalahan atau jenayah sahaja yang takutkan mahkamah yang berwibawa, bebas dan adil.

Ketiga, pindaan ini juga merupakan satu peminggiran suara rakyat dalam sistem demokrasi kita. Jika pilihan raya di antara saluran terpenting bagi prinsip pemerintahan majoriti, pindaan ini akan menghilangkan erti dan makna penglibatan rakyat dalam proses demokrasi. Tidak ada jaminan bahawa suara majoriti sebenar akan mendapat tempat dan menentukan keputusan. Penat lelah dan harapan rakyat yang tercurah dalam proses pilihan raya mungkin hanya sia-sia jika peraturan pertandingan sudah tidak adil dan menyebelahi sebelah pihak.

Pindaan ini akan menghalang rujukan kepada pihak mahkamah jika timbul ketidakpuasan hati terhadap proses pilihan raya. Banyak kepincangan.....

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri berdiri minta penjelasan, Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mic, mic.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Bolehkan Yang Berhormat menunjukkan pindaan ini mengandungi penghalangan untuk merujuk kepada mahkamah? Jika tidak ada bahasa itu dalam pindaan tersebut, maka hujah Yang Berhormat itu tidak benar dan di Dewan ini kita mesti berhujah benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri tetapi saya ingat juga Yang Berhormat juga yang biasa mengatakan bahawa ISA patut tidak dibuat *[Disorak]* Kalau apa yang tidak disebut itu, mungkin saya akan kaji *[Disampuk]* kerana saya ambil yang ini kalau itu tidak.

Saya kata jika saluran dan jalan keluar ini ditutup, kemungkinan akan timbul rasa putus asa terhadap keberkesanan proses demokrasi dan pilihan raya secara aman di kalangan rakyat. Perasaan kecewa dan buntu mungkin menyebabkan timbulnya unsur-unsur radikal dalam masyarakat yang sudah hilang keyakinan dalam perubahan melalui sistem dan proses yang sah dalam suasana yang aman.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Kemaman, hendak beri jalan?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak minta penjelasan, dalam Huraian 8 di sini disebut bahawa di bawah Fasal 1(a) yang dicadangkan; jika daftar pemilih bagi bahagian pilihan raya itu disiarkan dalam warta, kemasukan seseorang dalam daftar pemilih itu akan menjadi keterangan muktamad bahawa dia didaftarkan dengan sepatutnya dalam daftar ini. Ini membuktikan bahawa muktamad ini adalah merupakan satu perkara yang tidak boleh di *challenge* lagi dalam Pindaan Perlembagaan ini.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Ini akan di *table*, dengan izin, dalam bulan Oktober. Jadi sudah ada penunjuk bahawa ia akan berlaku. Hasrat telah disuarakan *[Tepuk]*

Keempat, keputusan kepimpinan Barisan Nasional untuk meminda Perkara 119 begitu hampir dengan keputusan kes Likas dan cara pindaan ini cuba diluluskan menggambarkan keangkuhan yang tinggi dan sikap tidak endah kepada pandangan umum. Nada dan mesej daripada kenyataan-kenyataan pimpinan Barisan Nasional berkaitan isu ini membuktikan hal ini.

Yang terkini, akhbar semalam melaporkan kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri di Kota Kinabalu, Sabah. Ringkasannya beliau menegaskan, kononnya kerajaan Barisan Nasional berpendirian tidak mencampuri urusan kehakiman. Hari ini, pindaan Perlembagaan yang mahu membataskan kuasa kehakiman yang cukup bermakna bagi demokrasi hendak diluluskan. Bukankah ini sejenis campur tangan yang jelas dan berbentuk denda terhadap keberanian mahkamah dalam kes Likas?

Saya agak pucuk pimpinan Barisan Nasional sedar dan maklum bahawa niat dan hakikat sebenar di sebalik pindaan ini mudah dibaca oleh rakyat, tetapi mereka terus berdegil membuat pindaan ini. Ini menunjukkan bahawa pucuk pimpinan Barisan Nasional sudah betul-betul terpisah dan tercabut

dari denyut nadi rakyat, sudah bersedia melakukan apa sahaja asalkan menguntungkan kepentingan politik dan kuasa mereka. Jikalau pindaan ini tetap diluluskan maka akan memberi lebih keberanian kepada pucuk pimpinan Barisan Nasional untuk bertindak berleluasa tanpa mengira kepentingan negara. Ia turut akan menghitamkan imej Barisan Nasional di mata rakyat.

Menyentuh tentang pindaan-pindaan lain, kita mengalu-alukan beberapa pindaan positif yang melingkari tetapi tidak mampu menutup kejelikan Pindaan Perkara 119. Kita sudah menerima baik pertambahan

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Kita tidak nampak pindaan ini merugikan rakyat khususnya pengundi, tidak nampak, dan tidak nampak niat jahat kerajaan di dalam pindaan ini kerana pindaan ini sebenar-benarnya memberikan satu kekuatan kepada pengundi supaya tiap-tiap nama pengundi yang ada di dalam buku daftar pemilih tidak sewenang-wenangnya boleh ditukarkan, dipindahkan oleh tangan-tangan yang mencuba hendak mengalih jumlah pengundi di satu-satu kawasan. Pilihan ini ataupun pindaan ini sebenarnya memberikan satu pagar yang memperkukuhkan setiap nama yang ada di dalam daftar pemilih.

Jadi, kalau seolah-olah rakyat benci rang undang-undang ini, saya tidak nampak. Ini sebenarnya benci kepada mata Permatang Pauh, tidak bermakna benci pada mata-mata rakyat. Inilah pembangkang, memang cuba seolah-olah rakyat benci kepada kerajaan, tidak ada. Besok mengundi, semua menyokong melainkan beberapa orang sahaja. Di Likas pun Barisan Nasional menang lebih besar lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Haiyaa.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Kadang-kadang mata yang tidak nampak itu lebih – Kalau hati tidak nampak, mata pun kadang-kadang tidak nampak. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Itu yang kita pertikaikan, kalau sudah diwartakan, tidak boleh dibawa untuk ditanya dan keputusan yang muktamad, itu yang kita pertikaikan, sekarang inilah kalau terus, kalau hendak teruskan, kita diberi masa dan ruang untuk berbincang dengan lebih lama. Janganlah diteruskan secepat mungkin dalam *sitting* kali ini. Saya akan menyentuh dengan pindaan-pindaan yang lain. Cadangan tambahan dari saya agar nantinya seseorang dilantik di kalangan wanita dan seorang lagi, minta maaf.

Beberapa Ahli: *[Mengganggu]*

Puan Teresa Kok Suh Sim: Janganlah kacau.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Berilah saya peluang. Kalau kacau-kacau, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, saya bagi, saya bagi.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Kita mengalu-alukan pengukuhan, jaminan larangan diskriminasi terhadap kaum wanita dengan pindaan Perkara 8(2). Malah kita merasakan pindaan ini sepatutnya sudah lama dahulu diperkenalkan, sesuai dengan pengiktirafan terhadap kedudukan dan martabat wanita dalam pembangunan masyarakat dan negara. Para tokoh aktivis dan aktivis organisasi wanita telah lama berjuang demi memartabatkan kedudukan wanita. Hasilnya, kita bersyukur bahawa dalam masyarakat kita, gejala diskriminasi dalam bentuk struktur dan amalan rasmi tidak begitu ketara.

Walau bagaimanapun, kita masih prihatin terhadap beberapa situasi yang masih melibatkan amalan pilih kasih yang memangsakan kaum wanita. Merujuk kepada bidang pekerjaan, masih ada majikan yang enggan mengambil pekerja wanita atas alasan kurang produktif kerana banyak mengambil cuti, cuti bersalin dan seumpamanya. Masih ada bidang pekerjaan terutama yang berasaskan perladangan yang tidak menawarkan pendapatan yang sama kepada kaum wanita.

Terdapat juga syarikat-syarikat swasta yang tidak menawarkan pakej perubatan yang sama dengan pakej pekerja lelaki dengan menahkannya hanya kepada diri pekerja tersebut. Kemasukan ke universiti pula serta peluang pendidikan juga masih melibatkan kuota berasaskan jantina. Mungkin perkara ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Permatang Pauh. Yang Berhormat tadi mengatakan bahawa kaum wanita banyak yang tidak diberi peluang dan keistimewaan, Yang Berhormat sepatutnya rasa terima kasih. Kalau Yang Berhormat jadi ahli PAS, memang tidak merasa duduk di hadapan, tidak boleh bercakap. Nasib baik parti KeADILan. Kalau PAS, langsung tidak boleh. Ini bermakna PAS itu lagi dahsyat, tidak membenarkan wanita jadi calon. Setuju tidak?

Puan Teresa Kok Suh Sim: *Haiyaa.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, cukup Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: PAS ada dalam pilihan raya yang pertama telah meletakkan calon wanita.

Beberapa Ahli: Ya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Jadi, kalau hendak kira macam.....*[Disampuk]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Menyampuk]*

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Jadi, saya tidak mengambil hiraulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus. Masa Yang Berhormat.....

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Sudah dekat habis, ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak apalah, terus.

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa dia sudah hendak habis, Yang Berhormat. Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tidak payahlah. Sudah hendak habis.

Seorang Ahli: Buang masa sahaja.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Mungkin perkara ini juga tidak dapat dielakkan sepenuhnya tetapi adakah kadar polisinya untuk ditentukan dengan cermat dan betul-betul setakat yang perlu? Secara tidak rasmi, kaum wanita masih menghadapi jalan sukar membuktikan kemampuan sehingga mampu memanjat tangga karier dengan peluang yang sama dengan kaum lelaki. *Glass ceiling* dengan izin, atau saringan berdasarkan jantina dalam pelbagai profesion masih menjadi fenomena yang wujud, walaupun sukar untuk dibuktikan.

Dalam perancangan pembangunan dan pembentukan polisi, kita bertegasaskan perlunya wanita dilayan bukan sekadar sebagai alat dan tenaga pemacu pembangunan. Corak dan bentuk kemajuan dalam masyarakat juga perlu melayan wanita sebagai *beneficiaries* atau kelompok yang mendapat habuan yang sama daripada pembangunan. Sistem sokongan yang sesuai dengan realiti cabaran kehidupan wanita harus diberi penekanan secukupnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Panjang lagi Yang Berhormat? Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Habis sudah? Tidak, sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jika tidak, ini juga boleh dianggap sebagai diskriminasi terhadap mereka. Kita berharap agar terlepas daripada

hanya peruntukan di atas kertas, penghormatan sewajarnya terhadap wanita dan pembanterasannya diskriminasi terhadap mereka dapat dibudayakan dan diamalkan dalam realiti kehidupan masyarakat kita. Kaum wanita khususnya dan masyarakat amnya harus terus diberi pendidikan dan kesedaran tentang hak dan kedudukan wanita. Peruntukan undang-undang tidak akan lebih berkesan daripada suatu kesedaran yang meluas dan membudayakan di kalangan masyarakat.

Ada juga pindaan kecil yang melibatkan Dewan Negara. Kita tidak bermasalah dengan pindaan tersebut, cuma saya ingin menimbulkan persoalan, bilakah agaknya kita akan membuat pindaan seperti yang disarankan sendiri oleh Perkara 45(4) Perlembagaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah hendak habis dah.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Pindaan terhadap Dewan Negara iaitu menambahkan bilangan wakil negeri, membolehkan pemilihan secara terus dan mengurangkan atau menghapuskan ahli lantikan. Peruntukan tersebut dimasukkan sebagai satu gesaan agar Dewan Negara harus lebih mampu berperanan sebagai pengimbang dan tapisan kedua kepada Dewan Rakyat. Ia juga menganjurkan agar perwakilan negeri dalam Dewan Negara melebihi ahli yang dilantik agar kepentingan negeri lebih terjamin. Nampaknya, saranan-saranan dalam Perkara 45(4) hanya tinggal saranan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Pelbagai pindaan, sikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sikit sahaja.

Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail: Sikit lagi. Pelbagai pindaan yang dibuat terhadap Perkara 45(4) nampaknya bergerak semakin jauh daripada semangat memperkasakan Dewan Negara yang akan memperkukuhkan demokrasi di negara kita. Semoga Perlembagaan kita dapat terus bertahan dan mampu kembali utuh dan gemilang di masa-masa mendatang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut, Larut.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Larut, larut.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Larut malam dia bagi.

12.29 tgh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membahaskan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001. Saya ingin menyentuh pindaan Perkara 8 dalam Fasal (2) bagi menggantikan perkataan "*keturunan atau tempat lahir*" dengan perkataan "*keturunan, tempat lahir atau jantina*".

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik kata-kata Perdana Menteri ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan hari raya untuk anak-anak yatim Islam dan bukan Islam di Tabung Haji pada 21 Januari tahun ini. Di antara lain kata Perdana Menteri, sebenarnya kerajaan mempunyai pilihan sama ada hendak mengasingkan rakyat Islam di negara ini dengan yang bukan Islam atau sebaliknya. Tetapi, syukurilah kerajaan memilih untuk tidak melakukan diskriminasi di antara orang Islam dengan orang bukan Islam. Kita juga boleh memilih untuk bergaduh atau tidak bergaduh sesama kita dan rakyat hari ini mengambil langkah terbaik kerana memilih untuk tidak bergaduh. Sebab itu, kita terus aman dan makmur.

Apakah erti kata-kata itu? Ia tidak lain daripada menunjukkan bahawa dasar kerajaan UMNO, Barisan Nasional tidak mengamalkan diskriminasi agama dan kaum. Oleh kerana tidak adanya diskriminasi ini, membolehkan negara mengekalkan keamanan walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi. Malah suasana yang aman itu membolehkan kerajaan.....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Masa saya Tuan Yang di-Pertua bagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya rasa memang 20

minitlah w alau bagaimanapun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bagilah, bagi peluang.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan sahabat saya bagi Larut. Kita perhatikan bahawa di dalam pindaan ini, ada tambahan iaitu diskriminasi jantina. Setuju – Apa pandangan Yang Berhormat bagi Larut sekiranya dimasukkan satu lagi. Selain daripada diskriminasi jantina, dimasukkan diskriminasi fahaman politik. *[Dewan gamat seketika]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Nanti dahulu, nanti dahulu. *[Ketawa]* Kerana kita perhatikan.....*[Disampuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ini saya tanya, ini tempat ini.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Mintalah dengan cara yang baik, tidak emosional.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Ok, ok.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita Barisan Nasional *gentleman*

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Rugi tiga minit, rugi tiga minit itu. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan emosional sangat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi, sekarang kita perhati, kerana apa yang berlaku sekarang ini, tiap-tiap Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional diberikan peruntukan setengah juta setahun tetapi kami Ahli-ahli Parlimen bukan daripada Barisan Nasional dinafikan hak RM500,000 setahun, itu yang pertama. Yang kedua, setiap pindaan-pindaan kepada akta, Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional diberi taklimat oleh pegawai-pegawai tinggi kerajaan. Kami dinafikan terus. Setuju atau tidak setuju sekarang ini, masukkan juga diskriminasi fahaman politik? Minta pandangan. *[Tepuk]*

Seorang Ahli: Setuju.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya kalau hendak ulas, panjang. Kalau Yang Berhormat hendak setuju, ikut kita. Jangan buang masa duduk di seberang sana, semua dapat. *[Dewan gamat seketika]* Itu belum saya sentuh Kelantan lagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tebrau pun teringin juga?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya masa tidak banyak ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Seminit.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sudahlah tidak cakap dalam bil-bil lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Haa, terima kasih. Itu yang dikatakan sahabat. Ini, tadi wakil daripada Jeli tadi mengatakan diskriminasi parti. Yang Berhormat sedarkah tidak, dekat negeri Terengganu pun dengan Kelantan ini, kita pun teruk dibuatnya. Dia sudah beri peruntukan, selepas itu, tarik balik, potong. Selepas itu, di Kelantan habis dia buang. Ini pun lagi teruk. Mana teruk, kita dengan dia? *[Dewan gamat seketika] [Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sebenarnya, mereka itu, zahir sahaja nampak sihat, batimnya Tuhan yang tahu. DAP dengan cara DAP, PAS dengan cara PAS, KeADILan lagilah, semua dia hendak sapu. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Malah suasana yang aman itu membolehkan kerajaan kini menyusun pelbagai langkah strategik untuk mengatasi masalah ekonomi negara, meskipun menghadapi tekanan pelbagai pihak termasuk PAS, DAP dan sebagainya. Dalam konteks pindaan ini, di bawah perkara ini, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan dan tempat lahir melainkan jika dibenarkan oleh Perlembagaan itu. Pindaan dicadangkan dalam fasal 3 rang undang-undang ini bertujuan menambahkan jantina kepada alasan tersebut. Dalam konteks ini, ingin saya menyebut beberapa perkara yang sudah diperkenalkan oleh kerajaan UMNO, Barisan Nasional yang menunjukkan bagaimana ia tidak mendiskriminasikan jantina tertentu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Betul, betul.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dalam konteks ini, saya tidak mahu membahaskan mengenai lelaki tetapi lebih kepada wanita. Dasar UMNO, Barisan Nasional ialah menyetarakan wanita-wanita intelek dan yang berkeupayaan tidak seperti PAS untuk menduduki jawatan tinggi. Saya gembira kerana dalam Dewan ini sahaja, kita ada tiga menteri wanita.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oohhh!!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sementara Gabenor Bank Negara juga wanita. Ramai lagi pegawai tinggi kerajaan terdiri daripada wanita. Malah kini di kampus, pelajar wanita melebihi lelaki hampir 60%. Semua ini membuktikan kerajaan UMNO, Barisan Nasional tidak mendiskriminasikan wanita. Tuan Yang di-Pertua, yang pasti, wanita merupakan sumber penting dalam sektor guna tenaga manusia. Dikatakan ketika ini, penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan akan mengatasi kaum lelaki, kita tidak cemburu, pada kadar 52%. Angka ini adalah suatu lonjakan agak besar memandangkan pada tahun 1998, hanya 46.8% guna tenaga negara adalah wanita iaitu, merosot 0.4% daripada tahun sebelumnya kerana masalah kegawatan ekonomi. Berdasarkan sektor pekerjaan, wanita banyak digunakan dalam kerja perkeranian – 57% tenaga kerja bidang ini, pekerja perkhidmatan – 47%, pekerja profesional teknik dan yang berkaitan – 43% dan pekerja jualan – 38%.

Manakala daripada segi tahap jawatan iaitu daripada 2 juta lebih pekerja wanita pada tahun 1997, hanya 24,000 atau 1% menjadi majikan, sementara 2.1 juta lebih sebagai pekerja. 375,600 bekerja sendiri dan 361,200 pekerja keluarga tanpa gaji. Wanita juga telah diberikan hak mengundi yang sama dengan lelaki sejak kali pertama pilihan raya diadakan di negara ini. Pengiktirafan Kerajaan UMNO Barisan Nasional terhadap sumbangan wanita makin jelas apabila dua tahun selepas merdeka, seorang menteri wanita telah dilantik. Keprihatinan Kerajaan UMNO Barisan Nasional terhadap isu-isu wanita akhirnya melahirkan Dasar Wanita Negara pada tahun 1989 yang mempunyai dua matlamat. Malah ada kalangan wanita di Malaysia digelar 'Wanita Besi, Wanita Ular, Wanita Scorpion' dan sebagainya tetapi tidak ada Black Metal.

Jika dilihat kepada apa yang berlaku di negara kita sejak dahulu sampai sekarang, pindaan ini akan memperkukuh lagi dasar kita yang tidak mendiskriminasikan wanita. Cuma yang pelek ada pihak yang mengatakan mereka memberikan peluang sama rata tetapi hakikat menyekat wanita daripada memegang jawatan penting termasuk dalam parti mereka sendiri seperti PAS.

Tuan Yang di-Pertua, yang jelas hari ini setiap rakyat Malaysia tidak mengira sama ada ia daripada kaum majoriti atau minoriti tetap mempunyai hak masing-masing yang dijamin Kerajaan UMNO Barisan Nasional. Jelas bahawa walaupun Kerajaan UMNO Barisan Nasional dikritik tetapi tidak ada diskriminasi perkauman di Malaysia dan semua kaum bebas mengamalkan agama....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: ...budaya dan masa mereka tanpa gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan, Yang Berhormatya.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat

saya Larut. Orang kata PAS bukan sahaja mendiskriminasikan wanita. Dia sebenarnya memperlatah dan memperbodohkan wanita dalam PAS. Ini kerana bekerja, berpanas, bermacam-macam kerja wanita tetapi hendak jadi calon memang tak layak, tak boleh, nanti dia keluarkanlah macam-macam. Jadi, maknanya dia bukan sahaja dia diskriminasi tetapi sebenarnya memperbodohkan wanita di dalam PAS sendiri. Sebab itu kalau wanita hendak ada harga, wanita PAS itu masuk UMNO lebih baik saya ingat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Memanglah itu satu jawapan saya pun setuju sangatlah. Kita menyeru kepada kaum wanita yang terlajak patahlah balik supaya menyertai UMNO. Terima kasih.

Kita merasakan sungguh bertuah kerana negara kita yang berbilang kaum dan agama ini terdapat pelbagai budaya dan adat resam yang semestinya harus kita hargai sebagai khazanah yang dapat memperkayakan budaya kita sebagai rakyat majmuk di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh memberikan contoh nyata di mana kaum Sikh merupakan satu daripada kaum minoriti di Malaysia yang tetap menerima layanan yang sama. Begitu juga dengan kaum minoriti lain di mana tidak ada halangan atau diskriminasi bagi mereka untuk mengamalkan kepercayaan dan adat resam mereka di samping membina rumah ibadat mereka. Ini sebenarnya adalah nikmat bagi kita rakyat Malaysia. Kita perlu menghargai dan mensyukuri segala kesenangan dan keamanan yang kita alami sebagai rakyat Malaysia dan terus bekerja keras untuk memperbaiki lagi keadaan ini. Malah kalau kita baca akhbar *Utusan Malaysia* kelmarin ada gambar besar terpampang di muka depan yang menunjukkan patung Buddha yang kedua terbesar di dunia terbaring terletak di negeri Kelantan iaitu sebuah negeri yang diperintah oleh PAS yang menyatakan mahu memperkenalkan hudud dan pemerintahan Islam. Dalam *Utusan Malaysia* boleh tengoklah, kalau masih ada dijual lagi agaknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukankah ini menunjukkan Malaysia tidak mengamalkan diskriminasi agama. Rakyat Kelantan sudah pasti gembira melihat berduyun-duyun orang datang ke Kelantan dan pastinya bangga seperti juga Menteri Besarnya bahawa untuk melihat patung Budha terbesar di dunia bolehlah datang ke negeri Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ada injury time Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak ada, ini bukan main bola. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Pasal wanita kita tak ada pilih kasih juga.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada ucapan Yang Berhormat Larut, kerana yang dikatakan Kelantan ataupun Islam ini sangat horrible, yang sangat dahsyat, kalau kaum bukan Islam itu tidak boleh makan babi, minum arak, tak boleh judi, itu ialah MCA kawan UMNO dan bukan orang lain. *[Tepuk]* Itulah saya rasa UMNO perlu jaga juga partner dalam Barisan Nasional supaya jangan menggunakan Islam untuk menakut-nakutkan orang *[Disampuk]* Itu tak baik. *[Tepuk]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Tak perlu menunjuk jari kepada orang lain, tanya dahulu apa sudah jadi di antara DAP dengan PAS. *[Disampuk]* Sebenarnya yang merosakkan perpaduan ummah adalah PA S, bukan UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terus Yang Berhormat. Hendak beri jalan kepada PJ Utara, sila.

Puan Chew Mei Fun: Minta penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar kalau kita hendak jual bak kut teh di negeri di bawah perintah Barisan Nasional, kita tidak payah dapat permit tetapi kalau kita hendak jual bak kut teh di Kelantan dan Terengganu, makanan babi kita perlu dapat permit.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Inilah tak perlu saya jawab. Itu diskriminasi. Jadi, DAP tunggu apa lagi, buang masa sahaja, inikah rakan kongsi, cakap tak serupa bikin, depan lain belakang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus, terus.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Jangan jolok sarang tebuhan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya jarang-jarang bercakap, saya perhati tengok, sekarang peluang saya bercakap, saya hendak hentamalah.

Hakikatnya saya menyokong pindaan ini kerana ini akan menguatkan lagi dasar kita iaitu dasar Kerajaan UMNO Barisan Nasional, bukan dasar PAS di Kelantan atau Terengganu. Saya kira pindaan dapat memuaskan hati banyak pihak khususnya Majlis Perundangan Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh telah meminta kerajaan mengkaji semula langkah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang tidak mendiskriminasikan setiap daripada rakyat. Untuk makluman Dewan yang tidak peka atau yang tidak mahu terima hakikat, Malaysia adalah penerima pertama anugerah minoriti dan harmoni antarabangsa. Penghargaan kepada rekod pencapaiannya dalam menjaga hak golongan minoriti dan mengekalkan keamanan serta keharmonian negara. Pemilihan itu diumumkan oleh penganjur perikatan minoriti sedunia Jelius Salik pada 27 Mac yang lalu. Memetik kata-kata beliau "Malaysia adalah sebuah negara Islam yang tidak mengamalkan diskriminasi terhadap golongan minoriti" - dengar DAP. Dalam abad ke-21 ini Malaysia menikmati tahap keharmonian antara kaum dan agama yang membanggakan kerana tidak akan memisahkan kelas dan warna. Malaysia bukan sahaja mengamalkan kebebasan beragama tetapi memberikan cuti umum kepada semua agama, sedangkan perkara seperti itu tidak diamalkan walaupun di negara yang mendakwa sebagai wira demokrasi dan hak kemanusiaan. Malaysia juga menikmati kebebasan berpolitik dengan membenarkan rakyatnya yang layak untuk bertanding apa sahaja jawatan tanpa diskriminasi kaum atau agama.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sewajarnya menerima anugerah tersebut kerana reputasi tingginya di kalangan masyarakat antarabangsa. Sebagai sebuah negara yang menjaga hak minoriti dengan berpegang kepada piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Pada kesempatan ini saya ingin memperkatakan sedikit mengenai Fasal 8(1), Perkara 114 Perlembagaan Persekutuan untuk menambah bilangan Suruhanjaya Pilihan Raya. Saya rasa sudah tiba masanya pelantikan pegawai dan kakitangan SPR ini dibuka tidak merupakan perkhidmatan tertutup supaya mereka boleh ditukar-tukarkan dan memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin. Ini cadangan dan pandangan UMNO, tidak seperti pembangkang hanya pandai mengkritik tetapi tidak memberi cadangan.

Kita tahu tugas SPR yang selama ini begitu berat, pelbagai tuduhan dibuat terhadap mereka kononnya tidak cekap dan sebagainya. Isu pengundi hantu turut dipersalahkan SPR, sudah kalah mana lagi hendak cari alasan, jadi tuduhan SPR bermacam-macam, buat pilihan raya baru BN menang dengan pengundi hantu juga, inilah yang dijadikan alasan oleh pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini penting kerana jika SPR mempunyai kakitangan yang cukup, saya yakin ia akan berfungsi dengan lebih baik, malah prestasi mereka akan menjadi lebih cemerlang. Kejayaan pilihan raya akan menjayakan lagi proses demokrasi kita yang sudah terbukti kemampuannya. Memanglah ada pihak yang akan bertanya tiga orang mana cukup, pihak yang meminta sudah pasti tahu keperluannya. Saya yakin Pengerusi SPR tahu bagaimana melaksanakan tugas sebaik-baiknya, yang kita harap ialah pilihan raya bersih dapat dilaksanakan berterusan tanpa ada pembangkang jika boleh.

Pilihan raya adalah suatu wadah ideal dalam melaksanakan kebebasan membuat pilihan menerusi proses sistem pemerintahan demokrasi, yang penting rakyat tanpa ada sebarang diskriminasi dapat menyatakan cita rasa dan hak masing-masing mengikut Perlembagaan bagi memilih tokoh atau parti politik yang mereka percaya dapat membawa kemajuan, perubahan dan pemodenan sejajar dengan kerangka program pembangunan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh satu lagi perkara dalam pindaan ini berhubung dengan banduan. Saya sedar pindaan ini ialah bagi membolehkan kerja-kerja sosial yang dilakukan banduan tidak dianggap sebagai kerja paksa atau keaiban. Apa yang nyata ketika ini kegiatan membenarkan kerja-kerja sosial ini amat terhad dan boleh dipertikaikan oleh peguam serta pakar Perlembagaan. Memandangkan kerja sosial ini penting dan boleh merapatkan kembali banduan dengan masyarakat, sewajarnya kerja seperti ini tidak dianggap sebagai yang wajar untuk dibayar upah atau dengan kata lain secara paksa.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa dengan membenarkan banduan menjalankan kerja-kerja amal dan sosial, mereka sebenarnya mengalami proses pemulihan melalui kemasyarakatan. Selain pengalaman baru, mereka juga menimba kemahiran, apa lagi penjara itu bukan lagi tempat untuk banduan makan dan tidur sahaja tetapi kini mereka berpeluang untuk mempelajari pelbagai kemahiran yang telah disusun oleh Jabatan Penjara Malaysia.

Kerja-kerja sosial ini tidak terbatas kepada kerja-kerja ringan tetapi juga yang mempunyai kemahiran. Jabatan Penjara sudah menawarkan pelbagai latihan sepanjang mereka menjalani hukuman berikutan dengan kemudahan yang disediakan. Ini termasuklah bengkel kayu, bengkel rotan,

bengkel besi, dobi, menjahit dan penanaman sayur-sayuran secara hidroponik yang menarik.

Ada juga yang dipersiap dan dibenarkan mengambil peperiksaan melalui kerjasama antara Jabatan Penjara dengan Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) yang memperkenalkan lebih 300 pelajaran. Dengan kemahiran melalui proses pemulihan, banduan tidak mensia-siakan masa mereka di dalam penjara dan dapat menghasilkan sesuatu yang akan membanggakan mereka kelak. Yang menarik, jualan barangan berkenaan mereka boleh mendapat pendapatan sebanyak 40%, manakala bakinya akan menjadi hasil kerajaan. Daripada 40% itu pula, 2/3 boleh dibelanjakan oleh banduan berkenaan, manakala 1/3 daripadanya akan dijadikan simpanan mereka apabila keluar dari penjara kelak.

Tuan Yang di-Pertua, selain kerja kemahiran, kerja sosial yang lain yang menarik ialah ceramah banduan di sekolah. Saya berharap Jabatan Penjara dapat memperluaskan lagi program ceramah oleh banduan di sekolah-sekolah di seluruh negara.

Tujuannya ialah menjadikan pengalaman banduan sebagai pedoman hidup oleh pelajar. Pelajar akan mendapat pengajaran dan seterusnya merasa takut untuk terbabit atau terlibat dalam sebarang kegiatan jenayah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, yang hujung. Dengan kedudukan di mana banduan juga adalah sebahagian masyarakat, kerja-kerja sosial akan menjadikan ramai tidak tersalah anggap dengan menghukum pesalah selama-lamanya walaupun mereka sudah menjalani hukuman penjara.

Berasaskan apa yang saya katakan tadi, sekiranya banduan terpilih boleh bekerja untuk memenuhi masa lapang tertentu, dan menjadi golongan produktif, mereka akan menjadi rakyat lebih berguna. Diharapkan selepas pindaan ini diwartakan, pelbagai kerja membabitkan kumpulan yang sama, sama ada di luar dan dalam penjara boleh dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan pindaan Timbalan Speaker, saya ucapkan tahniah terlebih dahulu kepada Timbalan Yang di-Pertua, cuma saya ingin tahu apakah dengan perkhidmatan eksekutif ini pertamanya, oleh kerana memandangkan kedudukan Timbalan Speaker mendahului Timbalan-timbalan Menteri, adakah mereka akan juga mendapat kemudahan yang serupa seperti Timbalan-timbalan Menteri yang lain dari segi kedudukan dan protokolnya.

Dan saya juga ingin bertanya apakah dengan perlantikan ini ianya juga akan menjadikan bahawa di kemudian hari perlantikan Timbalan Yang di-Pertua itu seperti mana yang berlaku di Dewan-dewan Undangan Negeri yang mana Timbalan Yang di-Pertua tidak semestinya ahli politik ataupun ahli Dewan Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Oleh kerana masa tidak cukup, saya memang sokong daripada awal tadi, dan saya mengucapkan sekali lagi berbanyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya beri Keningau.

12.52 tgh.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat pindaan yang ada di dalam bil ini merangkumi 13 pindaan daripada Perlembagaan Malaysia. Yang sebenarnya, saya anggap bahawa pindaan-pindaan terhadap Perlembagaan kita ini adalah amat serius sekali, justeru itu saya berharap agar lain kali pindaan-pindaan setiap satu pindaan boleh dimasukkan dalam satu bil khusus oleh sebab kepentingan untuk dibahaskan sebelum pindaan dilakukan kepada Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walau apa pun pindaan yang baik di dalam Perlembagaan kita dan apa pun undang-undang yang baik yang termaktub di dalam Perlembagaan kita, kalau pelaksanaannya itu tidak ada, kalau pelaksanaannya itu menyeleweng, tentu sekali tidak bererti sama sekali dengan apa sahaja yang dibuatkan di dalam Perlembagaan kita sama ada ianya yang ada sekarang ini ataupun yang akan dipindahkan.

Saya sebutkan seperti sedemikian oleh sebab dalam pilihan raya-pilihan raya, mengikut Perlembagaan kita seorang warganegara yang berumur 21 tahun boleh mengundi. Kalau dia belum 21

tahun, dia tidak boleh didaftar sebagai pengundi, tetapi di negeri Sabah berlaku pula orang-orang yang belum berumur 21 tahun terdaftar dan ini kita telah sentuhkan di dalam kempen-kempen kita dan menunjukkan di dalam mahkamah election petition Likas dan ini menunjukkan bahawa walau apa pun terkandung undang-undang kita, kalau itu tidak dipatuhi seperti mana yang dikehendaki di dalam Rukun Negara, tentu sekali ianya tidak bererti.

Begitu juga dengan Buku Daftar Pemilih yang kita gunakan dalam pilihan raya, tentu sekali dalam kita menentukan sesuatu keputusan di dalam pilihan raya, Tuan Yang di-Pertua, memerlukan orang-orang yang terdaftar di dalam Buku Daftar Pemilih itu adalah warga negara Malaysia, bukan warga negara asing di mana di dalam pilihan raya dalam tahun 1999 khususnya di kawasan Likas itu, terbukti bahawa Buku Daftar Pemilih yang digunakan itu mempunyai banyak pengundi-pengundi yang tidak layak dan apatah lagi mereka ini adalah warganegara asing dan kita mempunyai bukti-bukti yang menunjukkan di mana satu orang boleh mengundi tiga kali. Dahulu kita bawa bukti ke dalam Dewan yang mulia ini, tetapi tidak diendahkan kerana itu kata pihak kerajaan hanyalah perkara yang dibentangkan dibawa oleh pihak pembangkang, jadi kalau apa sahaja yang dibawa oleh pihak pembangkang tidak dilayan.

Oleh sebab itu, kita telah membawa banyak kes election petition ke mahkamah, 15 kes tetapi ada yang ditolak dan ada yang kita tarik balik oleh sebab perkara-perkara yang tidak membolehkan kita meneruskan. Hanya satu sahaja yang tersangkut iaitu election petition mengenai dengan kawasan dan pilihan raya Likas di mana mahkamah telah memutuskan bahawa memang ada bukti-bukti dan hakim mengatakan bahawa ianya nampak sebagai *the tip of the iceberg* dengan izin. Bererti bukti-bukti itu telah menunjukkan bahawa memang benar, banyak warganegara asing yang telah didaftar sebagai pengundi dan telah mengambil bahagian di dalam pilihan raya tahun 1999 dan nampaknya juga di dalam by election Likas baru-baru ini

Tuan Ronald Kiandee: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Ya.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Okay, satu sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia beri jalan, sila.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan terima kasih Yang Berhormat Keningau. Saya cuma ingin bertanya, keputusan mahkamah terhadap pilihan raya kecil Likas dengan keputusan pengundi Likas yang telah dilakukan oleh pilihan raya kecil menunjukkan bahawa terdapat dua percanggahan keputusan, adakah pihak Yang Berhormat akan meminta semula keputusan daripada mahkamah selepas keputusan pilihan raya Likas yang diketahui baru-baru ini.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Itu kita sedang kajilah. Tuan Yang di-Pertua, yang saya akan membawa kepada kita di sini, Dewan yang mulia ini, adalah satu kes yang baru berlaku yang menunjukkan bahawa ramai orang yang tidak layak yang telah berdaftar ataupun pengundi-pengundi hantu telah mengambil bahagian di dalam pilihan raya kecil ini juga. Mengikut kita punya laporan-laporan dan kita sedang menyiasat ini, ialah bahawa sekarang ini orang-orang tempatan pula digunakan, dibawa daripada Sipitang, daripada Lawas, daripada Sandakan untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya kecil ini, selain daripada orang-orang yang bukan warganegara di mana di dalam *Daily Express* yang bertarikh 31 Julai ini,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading berdiri Yang Berhormat

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Oleh sebab ini penting Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal undi hantu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Dalam kertas surat khabar ini *Daily Express* ia mengatakan di sini bahawa ada seorang Filipina telah dijatuhkan hukuman penjara oleh sebab orang ini telah cuba untuk menggunakan kad pengenalan palsu di dalam by election Likas ini. Nama orang ini

adalah Bilkis Tahir dia adalah berumur 50 tahun dan dia telah ditangkap oleh pihak polis kerana dia telah cuba untuk melakukan pengundian di dalam by election Likas ini pada lebih kurang jam 9.00 pada tanggal 21 haribulan. Dan mengikut Inspektor Keneth Oliber Samuel, prosecutor dia mengatakan Bilkis telah memberi kad pengenalan, menunjukkan kad pengenalan nombor IC 520918-12-5712 di mana satu lagi pegawai polis bernama Alaxender Paul telah mengesyaki bahawa kad pengenalan itu memang palsu dan setelah ianya dibuat siasatan, melalui National Registration Department telah disahkan bahawa IC itu adalah palsu dan ianya *purportedly, according to this paper*, dengan izin, *issue to one*, Malak Hashim dan mengikut NRD punya rekod ini orang tidak hidup, tidak ada. Dan ini bererti adalah pengundi hantu dan apabila sudah dibicarakan Majistret Zaman Mohd. Noor menjatuhkan hukuman untuk dia dipenjarakan 21 bulan, setelah itu baru dihantar balik ke negara asal. Dan mengikut siasatan ini

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, boleh sambung petang ini Yang Berhormat.

Datuk Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Tuan Yang di-Pertua, boleh. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Keningau, sila sambung.

2.30 ptg.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi saya telah menyentuh tentang satu kes di mana seorang Filipina telah dijatuhkan hukuman oleh sebab dia telah mempunyai satu kad pengenalan palsu dan dia telah cuba untuk mengundi dalam Pilihanraya Kecil Likas yang baru berlaku pada 21 Julai. Dia telah, dengan izin, *discharge* under seksyen 25(1) (e) of the National Registration Regulation 1990. Dia telah memperolehi kad pengenalan palsu ini dalam tahun 1999 dengan harga RM50 daripada seseorang dari Simbulan, dia kata.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu kes yang membimbangkan kita apabila kita adakan pilihan raya di negeri Sabah, di mana nampaknya pengundi-pengundi hantu.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..Yang Berhormat..Sri Gading, Sri Gading bangun.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Saya tidak bagi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading, sila duduk.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:.....di mana pengundi-pengundi hantu timbul untuk pergi mengundi.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bagi sikitlah, saya bukan.....

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:.....dan satu lagi kes yang menunjukkan bahawa perkara yang penting mengenai dengan kewarganegaraan kita di Malaysia ini seakan-akan diambil alih oleh orang-orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, yang berucap sudah buat keputusan tidak akan memberi laluan. Sila duduk.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Perkara ini adalah mengenai dengan seorang Pakistan dan nama dia ini adalah Mohamad bin Saman dan nombor daftar pengundi dia dalam kawasan Likas Timur ialah 1234 dengan nombornya 570103-12-5477. Timbul perkara di mana kad pengenalan dia ini dipersoalkan oleh sebab didapati dan diakui oleh orang ini orang Pakistan bahawa dia ini dilahirkan di Pakistan dan perkara ini telah dilaporkan oleh calon PBS sendiri Dr. Chong Eng

Leong dan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat..Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan:.....saya tidak beri peluang, ini adalah penting, ini tidak boleh dipertandingkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila duduk. Sila duduk.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Masa kita ini adalah penting dan dia sendiri mengakui bahawa dia telah dilahirkan di Pakistan dan dia kata bahawa dia telah tiba 20 tahun yang lalu di negeri Sabah dan sekarang ini dia berumur 44 tahun. Jadi, di sini nampaknya kalau dilihat kad pengenalannya itu nampaknya kad pengenalannya yang benar tetapi nombor kad pengenalannya menunjukkan bahawa dia dilahirkan di negeri Sabah iaitu dengan nombor di tengah-tengah nombor 12 dan kalau saya tidak silap kalau orang yang dilahirkan di luar negara, nombor di tengah-tengah itu adalah 71.

Kita punya calon telah mengatakan kepada dia bahawa "Kau boleh mengundi kerana kau memegang kad pengenalannya yang betul tetapi kita kena isikan borang ini untuk kita gunakan bagi melaporkan kepada pihak polis". Selepas itu dia tidak mahu pergi mengundi, dia melarikan diri sedangkan dia itu boleh dikatakan mempunyai kad pengenalannya yang betul.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kami ini adalah satu bukti di mana kad pengenalannya yang betul, yang bunga raya diperolehi dengan cara yang tidak betul dan oleh sebab itu apabila kita mengadakan pilihan raya kita bimbang kerana banyak bukti yang menunjukkan bahawa orang-orang asing, bukan warganegara Malaysia boleh memperolehi kad pengenalannya palsu, kad pengenalannya yang betul dan digunakan mereka untuk dijadikan dan didaftarkan sebagai pengundi. Kalau ini berterusan, ini bererti bahawa nilai kewarganegaraan kita, erti kewarganegaraan kita ini sama sekali terjejas, tidak bernilai lagi. Kita tidak dianggap sebagai anak yang betul di rumah Malaysia ini dan ini harus dipertikaikan.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita menegur, kita bawa perkara ini kepada pihak yang berkenaan, kepada pihak kerajaan, kepada SPR kerana memang terdapat di dalam buku-buku daftar pemilih khususnya di dalam buku pemilih tahun 1999, banyak nama orang-orang asing yang bukan warganegara Malaysia sedangkan hakim yang berkenaan di dalam Likas petition ini mengatakan ini adalah hanya *the tip of the iceberg*.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak ingin selalu mempertikaikan keputusan-keputusan pilihan raya terutama sekali jika keputusan pilihan raya itu adalah berasaskan keputusan daripada warganegara Malaysia tetapi kalau ada campur tangan daripada pendatang-pendatang tanpa izin, bukan warganegara Malaysia yang dijadikan, didaftarkan sebagai pengundi dan mengambil bahagian dalam pilihan-pilihan raya tentu sekali ini tidak memperbaiki nama baik Malaysia. Kita berkali-kali menegur oleh kerana kita ingin membantu supaya pembersihan buku daftar pemilih dilakukan.

Yang sebenar bukan sahaja kita sekarang ini telah mengakui bahawa buku daftar pemilih perlu dibersihkan sedangkan beberapa pemimpin daripada pihak Barisan Nasional sendiri pun sekarang telah mengakui dan meminta supaya pihak SPR menjalankan tugas untuk membersihkan dan baru-baru ini kelmarin dulu ada satu resolusi daripada komponen Barisan Nasional iaitu UPKO yang meminta supaya pihak kerajaan menubuhkan Royal Commission untuk perkara mengenai dengan *illegal immigrants* dan juga *phantom voters*, pengundi hantu dan sebagainya yang berkaitan ini disiasat supaya buku daftar pemilih kita dibersihkan supaya nama baik Malaysia akan meningkat dan saya berharap agar dengan adanya rayuan-rayuan juga daripada pihak pemimpin-pemimpin Barisan Nasional yang sudah sedar bahawa benar-benar ada pembersihan, benar-benar.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung, masa...

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Masa sudah? Oh, saya fikir ada 10 minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha? Sudah 10 minit.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Kita mengharapkan agar benar-benar dilakukan pembersihan kerana kita mempunyai alat-alat yang canggih sekarang ini dan kalau dikira daripada Perlembagaan pun, pihak agensi-agensi kerajaan yang lain mesti bekerjasama dengan pihak SPR tetapi kita mendengar dan melihat daripada surat khabar ada arahan sekarang daripada pihak Timbalan Perdana Menteri untuk agensi-agensi kerajaan mesti bekerjasama dengan pihak SPR. Ini memang baik, hanya kita mengharapkan agar ianya betul-betul dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan tiada gunanya kita mempunyai tujuan-tujuan yang baik di dalam Perlembagaan kita ataupun pindaan ini kalau dalam pelaksanaannya tidak dilakukan dengan mengikut prosedur-prosedur sedangkan perkara yang penting sekali iaitu kewarganegaraan itu yang harus dilindungi tidak pula diendah, tidak pula diambil berat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah sebab kita bimbang ada satu pindaan lagi yang nampaknya mahu dilakukan pada bulan Oktober, di mana mengikut nota di sini yang mengatakan bahawa dalam nota 8 ini bahawa ada satu proposed clause 1A lagi di mana apabila electoral rolls sudah digazet tidak ada sesiapa pun boleh mempertikaikannya, sedangkan dalam Perlembagaan ada artikel-artikel yang menunjukkan seseorang itu boleh hilang kelayakannya. Jadi, bererti kita harus ada ruang untuk mempertikaikan kewarganegaraan ataupun perkara-perkara yang ada kaitan dengan kelayakan. Jadi, saya berharap kita di sini, apabila menumpukan tentang perkara-perkara berkaitan dengan Perlembagaan, undang-undang, buat yang betul, bukan cakap tidak serupa bikin.

Tuan Yang di-Pertua, yang susah ini ialah apabila perkara-perkara dalam pelaksanaan ini tidak dilakukan, tidak ada peruntukan yang menentukan bahawa undang-undang itu dilaksanakan dengan betul. Jadi, inilah satu perkara yang merunsingkan kita sedangkan dalam pengetahuan kita, apabila election court sudah memutuskan tidak ada rayuan tetapi nampaknya kadang-kadang ada juga rayuan yang dilakukan. Jadi, saya berharap perkara yang betul boleh diperbetulkan dan bukan pula sebaliknya, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya ucapkan terima kasih di atas peluang ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, ramai sudah berucap dan terdapat juga ramai yang berucap menyentuh perkara yang sama, maka sekarang terpaksa saya membuat satu cadangan supaya had masa berucap dipendekkan kepada 10 minit bagi setiap orang berucap. Sri Aman. *[Disampuk]* 10 minit.

2.46 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Selamat petang, salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin menyentuh pindaan Perkara 8. Saya mengalu-alukan layanan sama rata kepada pihak wanita dan saya harap ini adalah permulaannya di mana kita memberi peluang bekerjasama kepada orang dari kalangan wanita yang memohon bekerja di jabatan-jabatan kerajaan.

Saya juga berharap peluang naik pangkat juga diberi sama rata dan saya juga berharap pejabat dan kemudahan dan persekitaran pejabat juga mesra kepada wanita. Ini termasuk logo-logo, perkataan-perkataan dan gambar-gambar yang diletak di dinding-dinding dan juga di papan-papan kenyataan.

Saya juga mengharapkan kod pakaian, tuturan bahasa juga wanita friendly (mesra wanita) di semua pejabat kerajaan. Saya juga berharap kalaulah ada wanita yang memilih untuk dipanggil sebagai 'miss' (Ms) yang tidak menerangkan sama ada mereka sudah berkahwin atau tidak, kita juga harus menghormati mereka dan memanggil mereka sebagai 'Ms' seperti di negarane-negara yang lain, jika ini diperlukan.

Saya ingin juga menyentuh tentang hal pencen ini. Saya harap kalaulah suami mereka meninggal mereka juga masih mendapat pencen itu tidak kira sama ada mereka berkahwin semula atau tidak. Saya minta perkara ini sekali lagi oleh kerana saya nampak di kawasan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada perempuan yang kahwin, apabila kahwin baru suami baru tidak suka melihat wajah anak tiri itu. Jadi, saya rasa kalaulah wanita ini diberi pencen yang berterusan anak-anak dengan suami yang dahulu ini boleh disara dengan pencen-pencen itu.

Pada masa sekarang wanita di rumah-rumah panjang yang saya tahu apabila mereka kahwin baru, anak dihantar kepada ibu-bapa yang sudah tua di rumah panjang itu. Jadi, ibu-bapa itu pun tidak ada apa-apa pendapatan dan ini menyusahkan. Jadi, saya memohon sekali lagi supaya kerajaan bersikap lebih adil mulai dari hari ini dan meneruskan pencen kepada wanita yang berkahwin baru.

Saya juga harap potongan 30% selepas 12 tahun ini jangan dibuat, oleh kerana kalau mengikut hukum ekonomi makin lama makin ada inflasi. Apakah sebab kita memotong pencen kepada kadar 30% selepas 12 tahun.

Saya juga ingin menyentuh pindaan Perkara 65, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang proaktif yang menentukan tarikh persaraan Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat disamakan dengan umur persaraan wajib bagi anggota perkhidmatan awam. Tetapi Tuan Yang di-Pertua, jika perlu saya mencadangkan memberi pengecualian had umur kepada Setiausaha Dewan oleh kerana saya rasa mereka patutlah diberi pertimbangan untuk meneruskan

perkhidmatan mereka kalaulah mereka masih sihat atau masih ingin memberi perkhidmatan kepada kerajaan oleh kerana saya rasa pada umur yang mencecah 56 mereka masih bijak, masih sihat dan masih kuat. Kedua, kalau dipertimbangkan untuk terus berkhidmat, ini juga memberi mereka pengalaman yang lebih. Dan yang ketiga, kita tidak mengehadkan umur Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Parlimen dan kalau ini berlaku mengapa sebab kita tidak menimbang supaya Setiausaha bagi Parlimen juga dipertimbangkan untuk berkhidmat kepada umur yang 60 tahun ataupun 65 tahun.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada pindaan Fasal 1 Perkara 114. Jadi, di sini saya minta seorang daripada Ahli Suruhanjaya ini nanti terdiri daripada kaum Dayak di Sarawak. Oleh kerana Tuan Yang di-Pertua, semasa membentuk Malaysia dijanjikan layanan sama rata, layanan istimewa akan diberi kepada kaum Dayak yang pada mulanya lagi telah menyokong pembentukan Malaysia. Kita juga tahu di Sarawak kaum Dayak adalah kaum yang majoriti.

Kaum Dayak juga mempunyai masalah yang terbanyak dan mempunyai taburan penduduk yang luas sekali dari selatan hingga ke utara dan kadang-kadang, oleh kerana taburan begitu luas, mereka tidak tahu tempat mengundi dan maklumat yang penting tentang pemilihan pilihan raya juga tidak tersebar kepada mereka.

Jadi, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja, saya pun tidak tahu, tetapi kita jangan pertikaikan tetapi apa yang kita hendak fikirkan.....

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sebelah bangun.

Tuan Joseph Mauh anak Ikeh: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat bagi Sri Aman berkenaan dengan Perkara 119 iaitu Perkara 3(c) berkenaan dengan pilihan raya. Memandangkan negeri Sarawak yang besar - dekat sebesar dengan Semenanjung - adakah Yang Berhormat setuju untuk membuat atau mengadakan election boundary semula untuk menambahkan bilangan Ahli Dewan Rakyat atau ADUN bagi negeri Sarawak? Sekian, terima kasih.

Tuan Jimmy Lim Donald: Itu adalah cadangan yang begitu bijak pada petang ini. Saya memang sokong 100%.

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi mengatakan sama ada dengan sengaja ataupun tidak sengaja saya tidak mahu mempertikaikan ini dan juga tidak mahu memarahi Suruhanjaya Pilihan Raya, tetapi mulai dari sekarang saya ingin minta oleh kerana saya nampak iaitu kaum Dayak kadang-kadang sebagai mangsa, sebagai penonton apabila kawasan pilihan raya di mana jumlah mereka majoriti, tetapi dipotong, dibelah, dipotong, digunting sehingga mereka menjadi minoriti di tempat itu.

Jadi, saya mintalah persempadanan ini apabila kita telah menambah jumlah ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya ini, minta hal sempadan ini dikaji semula supaya kita membuat ini dengan cara yang telus, dengan cara yang transparent. Saya juga minta kawasan pilihan raya diwujudkan di bandar di mana kita dapat meletakkan dalam semangat kekitaan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Jimmy Lim Donald: ...ha, ya. Dalam semangat kekitaan minta kaum Dayak di bandar ataupun semi urban supaya kaum Dayak yang berhijrah ke bandar dapat dan ada wakil mereka. Saya juga minta SPR mewujudkan satu mekanisme untuk menyebarkan maklumat tentang perubahan persempadanan ini dan juga persempadanan kawasan pilihan raya hingga ke akar bumi. Minta mereka menerangkan ke rumah panjang dan minta mereka menubuhkan pasukan penerangan SPR ini.

Apabila pegawai-pegawai kerajaan mengadakan perhimpunan sivik ataupun operasi kasih sayang saya minta juga anggota dari pilihan raya turut serta untuk menerangkan apa yang mereka telah buat, hendak buat dan sedang buat. Saya minta seorang pegawai yang tetap ditempatkan mungkin di Pejabat Pegawai Daerah untuk memberikan penerangan kepada orang-orang yang ingin tahu. Saya juga minta peruntukan yang cukup supaya pegawai ini dapat bergerak dan supaya semua yang SPR buat ini telus, semua yang dibuat oleh SPR ini dapat difahami dan juga dapat dihormati oleh orang ramai.

Kalaulah semua

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Jimmy Lim Donald: ...puas hati saya rasa kita juga dapat mewujudkan masyarakat yang bahagia dan masyarakat yang ingin menyokong kerajaan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

2.55 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, hak wanita adalah juga [Disampuk] hak asasi manusia. Oleh kerana itu saya menganggap pindaan Perkara 8 itu sebagai satu langkah yang positif ke arah yang betul. Akan tetapi saya ingin mengingatkan Dewan ini bahawa jaminan Perlembagaan tidak akan bermakna bahawa kesaksamaan jantina akan dengan secara automatiknya dilihat. Oleh kerana itu saya ingin mencadangkan supaya kerajaan juga melaksanakan pakej 3P iaitu polisi, pendidikan dan pengetahuan. Oleh kerana saya percaya tanpa polisi, pendidikan dan pengetahuan, kesaksamaan itu tidak akan wujud atau penyimpangan akan berlaku.

Saya akan beri satu contoh di sini iaitu berkenaan dengan Perkara 152, walaupun hak bahasa ibunda telah dijamin dalam Perlembagaan kita tetapi polisi kerajaan telah menimbulkan begitu banyak ketidakpuasan hati di dalam community terutama sekali community Cina terhadap layanan yang telah diberikan kepada hak bahasa ibunda.

Saya juga ingin memberi ingatan kerajaan bahawa polisi tidak boleh mengatasi jaminan Perlembagaan. Saya juga rasa bahawa polisi harus kita laksanakan dengan menyeluruh supaya kerajaan boleh menunjukkan komitmennya terhadap kesaksamaan jantina.

Saya ingin membawa satu pengalaman persendirian di mana apabila saya menuntut pelajaran di Australia. Pada musim cuti panas saya telah pergi ke Jabatan Buruh - pada masa itu mereka mungkin panggil employment agency - dan saya telah dapat satu iklan di mana ada jawatan kosong wujud dan saya telah beri iklan itu kepada pegawai yang bertugas dan beliau telah menelefon syarikat itu. Jawapan yang diperolehi dari syarikat itu ialah bahawa mereka cuma hendak mempelawa seorang lelaki sahaja dan pegawai itu menjawab bahawa di Australia there cannot be discrimination against sex.

Jadi, jawapan dari permohonan ialah bahawa hantarlah pemohon ke syarikat saya, saya akan tolak dia atas alasan-alasan lain, maka saya tidak dapat kerja itu. Ini yang saya mahu ingatkan kerajaan bahawa walaupun kita ada polisi tetapi memang ada orang yang boleh menyeleweng daripada polisi yang ditetapkan. Jadi, kalau kerajaan benar-benar hendak melaksanakan polisi kesaksamaan, saya haraplah ada mekanisme yang boleh mencegah perkara-perkara ini dari berlaku.

Perkara kedua yang saya ingin menimbulkan ialah berkenaan dengan pelantikan senator dan juga menjadikan jawatan Tuan Yang di-Pertua sebagai jawatan sepenuh masa. Memang saya sokong supaya jawatan Tuan Yang di-Pertua dijadikan jawatan sepenuh masa tetapi saya rasa kita perlu membuat lebih kalau kita betul hendak mengangkat martabat Parlimen. Saya tidak berpuas hati dengan cara pindaan yang telah disampaikan kepada kita iaitu dengan notis satu hari sahaja.

Sekarang saya diberi 10 minit, cuma boleh masak tiga paket maggi mee sahaja. [Ketawa] Saya rasa ini tidak akan memberikan satu gambaran yang baik kepada rakyat kita bahawa Parlimen betul-betul ada satu tempat yang kita boleh mengadakan perbincangan yang bernas.

Jadi, saya ingin nanti kalau Menteri menjawab memberitahu Dewan ini apakah sebabnya kerajaan begitu impatient. Saya lihat baru-baru ini ada tiga tanda sikap frustrasi kerajaan iaitu yang pertama, kerajaan baru-baru ini tidak begitu bertoleransi dalam menggunakan taktik-taktik menghalang, mengadakan sekatan terhadap pembangkang, itu yang pertama tanda tidak bertoleransi.

Yang kedua tanda ketidaksabaran seperti apa yang telah berlaku hari ini di mana bukan sahaja semalam sahaja notis dibagikan hari ini kita akan habis dengan cepat. Dan tanda yang ketiga ialah sikap tidak mengambil kisah. Walaupun begitu banyak kritikan telah dibuat tetapi kerajaan masih begitu degil dengan sikapnya. Walaupun pada permulaan saya akan kata kesimpulan ini menunjukkan sikap angkuh kerajaan tetapi kalau saya buat analisa saya sendiri ialah di belakang sikap angkuh ini ialah sikap frustrasi. Tetapi apakah sahaja sikap kerajaan saya harap

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Kerk Kim Hock: Sepuluh minit sahaja jangan kacau. Saya harap bahawa kerajaan harus tahu bahawa dalam demokrasi memang ada prinsip yang wujud. Kalau kerajaan sudah mengamalkan sikap so what saya rasa kita tidak akan menuju ke arah yang betul dalam pembinaan negara kita ini. Tadi saya ada sentuh perkara bagaimana kita hendak mengangkat martabat Parlimen dan saya begitu kecewa bahawa apabila seorang hakim telah mengkritik ISA dan mengusulkan supaya ISA kalau dikekalkan sekurang-kurangnya mengada kajian tiada sesiapa Ahli Parlimen daripada Barisan Nasional ingin mengambil sikap yang serius untuk menyahut saranan yang dibuat oleh hakim ini. Ini menunjukkan dalam Malaysia walaupun kita ada tiga cabang iaitu legislative, executive dan judiciary. Sebenarnya dalam Parlimen ini executive yang kawal legislative. Saya nampak satu pun tidak ada. Ahli Parlimen Barisan Nasional yang tidak dikawal atau dikawal oleh executive. Betul, kalau

setuju duduk ya. Tidak setuju pun duduklah. *[Ketawa]*.

Jadi, ini adalah satu perkara yang begitu mengecewakan. Saya rasa kita tidak harus, Parlimen ini sendiri ada mempunyai maruah jangan kita datang sini cuma meluluskan apa sahaja yang diminta atau dituntut oleh Kabinet. Kalau itulah keadaan maka kita tidak boleh kata bahawa Malaysia ada satu cabang iaitu legislative function. Saya harap ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional akan tahu bahawa mereka juga mempunyai tanggungjawab untuk menjaga maruah Parlimen. Satu lagi saya begitu kecewa...

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: Sepuluh minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Kerk Kim Hock: Tambah sikit masa saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka tidak ingin memberi laluan.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat cakap tentang the column of legislation dalam negara kita tentang keputusan kehakiman. Saya hendak tanya Yang Berhormat dengan izin, fundamentally, what's wrong is it? Adakah keputusan hakim yang dibuat yang kadangkala dia tidak memihak kepada pihak kerajaan, pihak kerajaan terima keputusan itu. So, kita tidak mempertikaikan itu. Kalau kita hendak pertikai pun kita pun boleh kalau keputusan yang dibuat terhadap di Likas, kita rasa ada unsur-unsur peribadi dalam memberikan penghakiman, masalah peribadi tetapi Kerajaan Barisan Nasional kita semua terima, we respect. Jadi Yang Berhormat hendak bangkitkan masalah ini menjadi sebagai satu – dan kita bincangkan perlembagaan ini. Dia bukan ada 'fundamentalship' to supplement and compliment dengan yang sedia ada Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Oleh kerana kesuntukan masa saya tidak dapat berucap panjang lebar. Tetapi, jelasnya kalau kita lihat rekod ISA penuh dengan penyalahgunaan kuasa dan ...

Datuk M. Kayveas: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: Saya tidak bagi sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Kerk Kim Hock: Dan juga kerajaan telah begitu jelas telah mungkir janjinya yang tidak akan menyalahgunakan ISA. Dahulu ISA digunakan kepada ancaman komunis sahaja.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Kerk Kim Hock: Tetapi apabila Parlimen sendiri tidak boleh jaga maruah Parlimen di mana maruah kita? Kerajaan telah menyalahgunakan ISA, kita sebagai ahli Parlimen hendak mengutuk kerajaan walaupun kita parti kerajaan. Itulah sikap yang betul. Ini bukan ahli Parlimen, ini semua penyokong-penyokong sahaja. Tidak ada prinsip tidak ada conscience walaupun saya tahu ada orang yang ada mereka diam tetapi orang-orang ini sahaja tidak ada conscience.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]* *[Menyampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Oh, no, no, no. I've no time, only five minutes please. Tiga paket Maggi mee sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Kota Melaka boleh gulung.

Tuan Kerk Kim Hock: Akhir sekali ya. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Saya juga begitu kecewa bahawa Parlimen sekarang nampaknya tidak begitu relevan dengan aspirasi dan juga masalah rakyat. Apabila kita kemukakan usul urgent berkenaan isu ISA, Kampung Medan dan juga Time dot Com semua ini ditolak tetapi apabila isu yang lain tidak begitu relevan pada waktu itu pula diluluskan. Sekarang saya memang pertikaikan keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya rasa yang mustahak ialah orang ramai telah hilang keyakinan terhadap relevannya Parlimen apabila yang kita harus buat kita tidak buat. Tidak harus buat kita buat. Ini semua kadang-kadang sandiwara sahaja. Itu yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sepuluh minit.

Tuan Kerk Kim Hock: Last one, last one, last one. Yang akhir sekali iaitu pada tahun 1976 apabila penangkapan ISA berlaku kerajaan telah membentangkan kertas putih. Tahun 1987 juga kertas putih dibentangkan. Kali ini walaupun kita minta kita kritik pun kertas putih tidak dibentangkan. Macam mana maruah Parlimen dijaga. Jadi saya mintalah Menteri yang ada di sini boleh jawab apakah sebabnya kertas putih pun langsung tidak dibangkitkan. Itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Sulong.

3.06 ptg.

Datuk Ruhanie bin Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya nyatakan bahawa Parlimen masih relevan. Dan kalau maruah Parlimen mahu dijaga, itu adalah hasil daripada bagaimanakah kita mencorakkan Parlimen itu sendiri. Salah satunya Ketua Pembangkang mesti berwibawa tinggi dan bercakap dengan satu fikiran dan pandangan yang bernas. Dan untuk rekod Dewan Rakyat juga saya rasa tanggapan pembangkang bahawa Barisan Nasional akan menjadi pembangkang kemungkinan tidak akan berlaku dalam setahun dua. Oleh kerana hakikatnya pembangkang sedang berpecah. PAS dengan DAP tidaklah lagi boleh menyelesaikan masalahnya. *[Tepuk]* Keadilan dengan PRM tidak mendokong perjuangan PAS dan DAP. Itu hakikatnya. Jadi, saya harap Pokok Sena tidak boleh menafikan perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus kepada....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Pokok Sena duduk. Duduklah duduk. Itu mukadimah, duduk. Duduklah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]* *[Menyampuk]*

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak payah, Pokok Sena, Pokok Sena.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya menjurus kepada pindaan kepada perkara 114 dan 119 sekali gus. Sewaktu SPR mula diwujudkan pada 4 September 1957, ia hanya mempunyai seorang pengerusi dan dua orang ahli. Berikutan penubuhan Malaysia dalam tahun 1963 keanggotaan SPR ditambah seorang lagi untuk mewakili Sabah dan Sarawak secara bergilir-gilir. Di sinilah mungkin Sri Aman punya tuntutan relevan boleh dibincangkan. Pada tahun 1981, perkara 114 Perlembagaan Persekutuan dipinda untuk mewujudkan jawatan Timbalan Pengerusi SPR. Keahlian ini tetap kekal sehingga pindaan pada hari ini. Jadi, saya merasakan pindaan hari ini adalah bertepatan dengan tuntutan masanya dan penambahan keanggotaan ahli SPR juga bertepatan pada tuntutan masanya.

Cadangan saya hanya satu Tuan Yang di-Pertua, anggota yang mahu ditambah fikirkanlah kalau boleh dimasukkan tokoh-tokoh agama kerana sekarang ini kita berhadapan dengan satu trend politik agama yang boleh meracuni fikiran rakyat. Jadi, saya harap tokoh agama yang dibawa masuk sebagai anggota SPR akan memberi suatu guideline akan memberi satu bimbingan supaya parti-parti politik yang terlalu semberono dengan gerakan agama yang menyeleweng boleh diberi ingatan pada kali pertama. Yang keduanya boleh diberi amaran dan seluruhnya dan seterusnya. Itu harapan saya. Jadi saya harap pihak Majlis Raja-raja yang akan melantik anggota tambahan kepada SPR ini akan mengambil aspek perkembangan politik berasaskan agama ini untuk merelevankan kehadiran seorang tokoh agama sebagai anggota SPR di masa akan datang.

Yang keduanya saya harap SPR ini juga akan dijadikan satu department yang terbuka skim perkhidmatan SPR ini dibuka.

Tuan Muhammad bin Mustafa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Peringat...

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Saya ada sepuluh minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak ada masa tidak payah. Yang Berhormat sila duduk.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: Lain kali sahaja. Jadi, saya harap SPR ini dijadikan mempunyai satu skim perkhidmatan terbuka bukan tertutup pada hari ini. Ada banyak advantage satu skim perkhidmatan terbuka dan satu skim perkhidmatan tertutup. Tetapi dalam konteks ini saya harap dengan keterbukaan perkhidmatan itu di bawah JPA kita boleh menangani beberapa masalah dan mungkin kesongsangan yang berlaku di dalam SPR itu sendiri. Saya amat terkejut apabila seorang daripada tokoh-tokoh pembangkang dalam Dewan Rakyat dengan nada yang agak angkuh mendabik mereka mempunyai orang dalam di dalam SPR. Bagaimanakah SPR satu badan yang seharusnya menjadi bebas mempunyai orang dalam yang ada kaitan dengan parti pembangkang yang kemungkinan menjadi satu saluran untuk menyebarkan rahsia-rahsia yang perlu dirahsiakan di dalam SPR.

Saya harap hakikat ini diambil berat terlalu sangat supaya tidak ada kebocoran rahsia dan tidak ada satu elemen atau perbuatan sabotaj. Ini dipersoalkan oleh Keningau umpamanya soal pengundi hantu. Kita tidak tahu kemungkinan oleh kerana Likas satu tempat yang kontroversi oleh kerana sesiapa pun boleh *key in* nama-nama pemilih dia boleh masukkan nama hantu mana pun maka dia bagi tip kepada pihak pembangkang di sana ada dalam elektro roll ada senarai hantu. Siapa yang boleh menghalang perkara ini dan kemungkinan perkara ini dari berlaku.

Saya minta pihak kerajaan, saya minta pihak mereka di Jabatan Perdana Menteri tolonglah jadikan SPR ini satu jabatan dengan skim perkhidmatan yang terbuka. Bermakna kakitangan boleh dipindahkan ke mana sahaja. Mana-mana mereka yang menyeleweng boleh dipindah. Kalau hendak hantar kepada satu pulau hantarlah kepada satu pulau jangan ambil peduli apa pembangkang kata. Kalau kita mahu ketegasan dari segi neutrality SPR perkara ini harus dibincangkan secara teliti.

Yang keduanya oleh kerana SPR mempunyai satu operasi online pertukaran maklumat di antara Jabatan Pendaftaran Negara dengan Jabatan Urusan Pencen Kementerian Pertahanan dengan Jabatan Polis Diraja Malaysia untuk mencari perpindahan supaya electoral roll yang hadir itu adalah yang sah bermakna banyak transaksi online dan operasi online. Di sini juga saya minta transaksi online maklumat-maklumat dan data-data ini diberi perlindungan kerahsiaan yang amat tinggi supaya tidak bocor mana-mana perkara yang akan jatuh ke tangan mana-mana pihak yang tidak memihak kepada kerajaan ataupun yang mahu sengaja menumbangkan kerajaan.

Pada waktu yang sama komputer hari ini memang akan diperkatakan ktai mempunyai sistem protection data secara teknikal dan secara software. Kepada saya satu lagi backup sistem kepada teknikal security dan software security adalah mental alertness, kesediaan pemikiran kita, kebertanggungjawaban kita, komitmen kita terhadap kerahsiaan itu sendiri harus dititikberatkan di kalangan kakitangan yang dealing dengan pemindahan maklumat itu sendiri.

Saya harap SPR mengambil berat perkara ini, kita tidak mahu lagi ada pilihan raya yang dibatalkan oleh kerana ada orang yang mendakwa perkara ini tidak betul dan ada senarai-senarai yang tidak bersih. Saya harap komputer operation online ini akan membersihkan seluruh senarai di seluruh negara supaya tidak ada lagi dakwa-dakwi tidak boleh lagi dipermainkan oleh mana-mana pihak yang sengaja mahu mencari salah berdasarkan electoral roll itu sendiri. Itu harapan saya kepada pihak SPR.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, apabila Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam membayangkan bahawa beberapa akta pilihan raya sekarang ini kita mempunyai lima akta yang berkaitan dengan pilihan raya iaitu Akta Pilihan Raya 1958, Akta Pilihan Raya 1954, Peraturan Pilihan Raya iaitu Perjalanan Pilihan Raya 1981, Peraturan Pilihan Raya Pengendalian Pos 1959 dan Peraturan Pilihan Raya Pendaftaran Pemilih 1971.

Saya harap apabila consequential amendment ataupun pindaan yang berikutan itu dilaksanakan, perkara yang paling dititikberatkan bahawa kita mahu mewujudkan senarai daftar pemilih yang bersih daripada sebarang dakwa-dakwi. Kita mahu pilihan raya yang penuh etika. Kita tidak mahu parti-parti berasaskan agama menggunakan propaganda agama sehingga meracun rakyat di mana kesan pilihan raya itu sendiri membawa perpecahan kepada rakyat. Sebab itu tadi saya titik beratkan supaya seorang tokoh agama dimasukkan sebagai anggota SPR yang terbaharu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini hakikatnya. Kita telah pun melihat pada Pilihan Raya 1999 di Semenanjung, bagaimana diporak-perandakan orang Islam, oleh kerana ada satu parti Islam yang terlalu gila kuasa, menggunakan Islam, menyelewengkan Islam untuk mendapat kuasa. *[Tepuk]*

Saya menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Gelang Patah.

3.16 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh tentang Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang mana ada dikatakan tentang tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir dan ditambah dengan jantina.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin ambil kesempatan ini menyentuh sedikit tentang kes ketidakadilan dalam urusan pinjaman buku-buku antara murid-murid sekolah di sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil yang mana isu skim buku pinjaman di sekolah-sekolah rendah yang hangat diperbincangkan beberapa hari kebelakangan ini. Adalah jelas bahawa pegawai-pegawai Kementerian Pendidikan yang mengemukakan polisi ini mengamalkan dua jenis standard berhubung dengan kelayakan murid-murid untuk mendapat buku pinjaman.

Saya tidak nampak sebarang justifikasi untuk menetapkan pendapatan bulanan ibu bapa tidak melebihi RM700 sebagai syarat pemberian buku pinjaman kepada murid-murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan, sedangkan syarat yang digunapakai di sekolah-sekolah rendah kebangsaan adalah pendapatan bulanan ibu bapa tidak melebihi RM2,000.

Sebagai seorang penyokong Kerajaan Barisan Nasional, saya melihat tindakan para pegawai yang berkenaan ini sebagai satu perbuatan yang mempelawa malah membuka pintu besar untuk kecaman parti-parti pembangkang. Ini seolah-olah mengambil seketul batu yang besar dan menghentam ke kaki sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu meneka apakah motif sebenar para pegawai terbabit menjalankan penggunaan dua jenis standard dalam soal skim buku pinjaman. Apa yang saya ingin tegaskan di sini ialah bahawa keluarga yang kurang mampu wujud dalam semua komuniti sama ada Melayu, Cina, India, Iban mahupun Kadazan. Begitu juga murid-murid yang berasal daripada keluarga yang kurang mampu terdapat di semua sekolah, sama ada sekolah rendah jenis kebangsaan, mahupun sekolah rendah kebangsaan.

Tidak kira sama ada seseorang murid itu menuntut di sekolah rendah kebangsaan, mahupun di sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, pada suatu hari nanti, mereka tetap akan menjadi sumber manusia yang berguna untuk pembangunan negara. Oleh yang demikian, mereka patut mendapat layanan yang saksama.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan juga merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kebangsaan. Tidak ada sebab kenapa murid-murid di sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan dianaktirikan. Penggunaan dua jenis standard yang berbeza dalam Skim Buku Pinjaman sebenarnya merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap murid-murid yang belajar di sekolah rendah jenis kebangsaan. Ini juga secara tidak langsung memaksa keluarga yang kurang mampu menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah rendah kebangsaan, sedangkan mereka sebenarnya mahu anak-anak mereka menuntut di sekolah rendah jenis kebangsaan yang menggunakan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa pengantar. Dengan kata yang lain, ini secara tidak langsung melucutkan hak seseorang untuk menerima pendidikan dalam bahasa ibundanya.

Tuan Yang di-Pertua, menetapkan pendapatan bulanan ibu bapa tidak melebihi RM700 sebagai syarat untuk melayakkan seseorang murid sekolah rendah menerima buku pinjaman adalah satu pendekatan yang tidak realistik. Memandangkan kos hidup yang semakin tinggi di kawasan bandar, mahupun luar bandar, RM700 sebenarnya tidak cukup untuk membiayai perbelanjaan keluarga yang mempunyai anak-anak yang bersekolah. Saya merasa amat kecewa apabila mendapati segelintir pegawai Kementerian Pendidikan merumuskan polisi yang nampaknya langsung tidak memahami atau tidak mengambil kira kesusahan dan kepayahan segolongan besar rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, membela nasib rakyat adalah tradisi Kerajaan Barisan Nasional. Sebelum kita dapat membela nasib rakyat, kita mesti mendekati dan memahami masalah rakyat. Saya percaya sekiranya para pegawai yang terbabit dapat meluangkan lebih banyak masa untuk memahami apakah bentuk kesempitan hidup yang dialami oleh sebuah keluarga yang mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM700, mereka tidak akan menetapkan syarat yang tidak realistik ini.

Tuan Yang di-Pertua, Skim Buku Pinjaman merupakan satu bentuk bantuan yang amat berharga dan bermakna kepada keluarga-keluarga yang kurang mampu. Apakah gunanya kita melaung-laungkan slogan untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan di rantau ini tetapi anak-anak tempatan mungkin tidak berpeluang menghabiskan pengajian di peringkat sekolah rendah disebabkan masalah kewangan? Apakah gunanya kita menjimatkan wang yang banyak dengan mengurangkan perbelanjaan dalam Skim Buku Pinjaman tetapi pada masa yang sama, mengorbankan pendidikan

rakyat Malaysia, sedangkan menyediakan kemudahan pendidikan untuk generasi akan datang adalah tanggungjawab kerajaan.

Walau bagaimanapun, saya yakin kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan dapat menyelesaikan masalah ini dengan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan, ditambahkan jantina supaya tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan jantina selain daripada agama, ras keturunan dan tempat lahir. Saya memang menyokong pindaan ini sejajar dengan era globalisasi dan liberalisasi yang mana wanita dan lelaki memainkan peranan yang penting dalam pembentukan keluargayang bahagia dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

Kaum wanita berupa potensi sumber pembangunan yang penting dan perlu diberikan pengiktirafan. Pindaan ini adalah sejajar dengan resolusi Persidangan Akhir Dekad Wanita Sedunia, Bangsa Bangsa Bersatu (1985 hingga 1995) yang berlangsung di Nairobi, Kenya pada tahun 1985. Pindaan ini akan dapat menjamin perkongsian saksama antara wanita dan lelaki dalam memperoleh kemudahan sumber, peluang pendidikan, maklumat, peluang penyertaan dan manfaat pembangunan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Tuan Chang See Ten: Matlamat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: ...sila gulung.

Tuan Chang See Ten: Akhir, akhir, matlamat persamaan dan kesaksamaan perlu dijadikan teras dasar pembangunan yang berorientasikan rakyat supaya wanita yang lebih daripada separuh jumlah penduduk negara dapat menyumbangkan dan mencapai potensi mereka sepenuhnya.

Pindaan ini akan dapat menghapuskan sebarang diskriminasi yang berasaskan jantina yang merugikan kaum wanita. Kerjasama di antara sektor-sektor kerajaan dan di antara kerajaan dan NGO amat diperlukan untuk mempertingkatkan usaha-usaha memajukan penglibatan wanita dalam pembangunan negara.

Saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

3.25 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada mulanya, saya ingin menyentuh tentang pindaan Perkara 8 di mana perkataan "jantina" dimasukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Sebagai wanita, saya mengalu-alukan pindaan Perlembagaan ini kerana ini memanglah isu yang telah lama diperjuangkan oleh Pertubuhan Pergerakan Wanita.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat pindaan ini adalah tidak mencukupi. Apa yang perlu kita lihat ialah langkah dan dasar yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk melaksanakan jiwa pindaan Perkara 8 ini. Ini adalah kerana Kerajaan BN adalah terkenal dengan "cakap tak serupa bikin", di mana banyak perkara yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan tidak diikuti oleh kerajaan, khususnya perkara yang berkenaan dengan kebebasan asasi manusia di bawah Bahagian Dua dalam Perlembagaan Persekutuan.

Undang-undang seperti ISA, OSA, Akta Polis, Akta Percetakan dan lain-lain memang bercanggah dengan jiwa yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi kesemua undang-undang yang tidak ada dan oppressive ini diadakan demi mempertahankan kuasa BN. Sekarang kerajaan malah ingin meminda undang-undang pilihan raya demi menegah daftar pemilih daripada dicabar di mahkamah, walaupun kerajaan tahu bahawa daftar pemilih kita ini tidak bersih dan penuh dengan pengundi hantu dan keadaan ini telah pun diakui oleh Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya.

Jadi, macam manakah kita boleh percaya kerajaan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dengan kemasukan jantina dalam Perkara 8 yang berkenaan dengan kesamarataan rakyat ini adalah dengan keikhlasan untuk meningkatkan kedudukan wanita. Sekiranya kerajaan menganggap wanita adalah sama rata dengan kaum lelaki, BN sepatutnya melantik lebih wanita dalam jawatan di Kabinet dan juga di jawatan tinggi kerajaan.

Walaupun sekarang kerajaan telah mengadakan seorang menteri yang bertanggungjawab atas hal ehwal wanita tetapi menteri ini kelihatan susah untuk memainkan peranannya kerana kebanyakan undang-undang yang berkaitan dengan hak wanita tertakluk di bawah kementerian yang lain dan bukan dalam bidang kuasanya. Satu contoh yang paling nyata ialah masalah yang dihadapi oleh wanita Malaysia yang berkahwin dengan lelaki negara asing.

Wanita tersebut selalu terpaksa meninggalkan Malaysia untuk bermastautin di luar negeri kerana si suami mereka susah untuk mendapat kewarganegaraan dan PR di sini dan mereka juga susah untuk bekerja di sini kerana masalah kewarganegaraan. Walau bagaimanapun, wanita asing yang berkahwin dengan lelaki Malaysia mendapat layanan yang jauh lebih baik daripada kaum lelaki yang berkahwin dengan wanita Malaysia, kecuali wanita bangsa Cina yang datang dari negeri China, Taiwan dan Hong Kong.

Yang saya tahu anak perempuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang berkahwin dengan lelaki asing juga menghadapi masalah yang sama sehingga beliau pernah menulis artikel di akhbar Inggeris. Saya berharap sungutan beliau boleh dipandang serius oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membangkitkan pindaan terhadap Perkara 56 dalam Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki jawatan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Dewan Rakyat untuk dijadikan jawatan sepenuh masa. Pindaan terhadap perkara ini juga bermaksud bahawa gaji dan elaun Timbalan Yang di-Pertua akan dinaikkan untuk membolehkan mereka jadi *full time*, tanpa mengkuatiri pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukan sahaja pemegang jawatan Timbalan Yang di-Pertua dan wakil rakyat juga merupakan jawatan *full time* sekiranya kita hendak memainkan peranan kita dan menjalankan tugas kita secara berkesan. Walaupun di antara kita di Dewan yang mulia ini terdapatnya profesional dan ahli korporat tetapi kebanyakan masa kita telah pun digunakan dalam politik dan perjuangan untuk rakyat sehingga kita kekurangan masa ataupun tiada masa untuk menjalankan tugas sebagai ahli profesional kecuali segelintir Ahli Yang Berhormat yang banyak menikmati naungan daripada kerajaan seperti Yang Berhormat bagi Rompin, Parit Sulong, Bagan Datok, bekas Menteri Kewangan dan sebagainya.

Jadi, adalah penting bagi kerajaan untuk mempertimbangkan permintaan para Ahli Yang Berhormat atas penambahan elaun kita, khususnya bayaran gaji untuk ahli penyelidik (researcher) dan pembantu yang mana telah lama diperjuangkan oleh Ahli Yang Berhormat kita sama ada di Barisan Nasional dan pembangkang.

Penambahan RM500.00 kepada kita pada tahun yang lepas adalah tidak cukup bagi kita untuk mengupah penyelidik dan menanggung perbelanjaan sebuah pejabat perkhidmatan di kawasan kita. Saya ingin mengambil perbelanjaan kita sebagai Ahli Parlimen di kawasan Kuala Lumpur sebagai contoh. Sewa pejabat saya ialah RM1,100.00; perbelanjaan elektrik dan telefon yang lain ialah RM1,300.00; tambahan pula saya terpaksa mengupah dua orang pembantu di pejabat saya untuk memberi perkhidmatan di kawasan. Dan jumlah gaji lebih kurang RM3,000.00. Kesemua angka ini menunjukkan elaun bulanan yang diterima oleh kami dari Parlimen adalah tidak mencukupi langsung untuk membiayai perbelanjaan perkhidmatan kami.

Saya ingin bertanya juga kepada Tuan Timbalan Yang di-Pertua: berapakah perbelanjaan ataupun gaji yang dibayar oleh Datuk di kawasan Datuk?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak akan saya hendak beritahu Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya percaya apa yang bentangkan ini akan dipersetujui oleh Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat kata tidak cukup, tidak cukuplah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [Ketawa] Saya percaya Timbalan Yang di-Pertua yang lain juga akan setuju dengan cadangan saya tadi.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **Mempengerusikan mesyuarat**]

Saya percaya kedua-dua Timbalan Yang di-Pertua juga mengalami masalah yang sama seperti saya dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, saya memang cemburu terhadap kenaikan elaun dan gaji mereka melalui pindaan perlembagaan ini. Bayangkan sekiranya kerajaan membuat peruntukan untuk mengupah penyelidikan ataupun researcher yang mendapat ijazah Masters dan Ph.D untuk setiap Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, be tapakah bezanya perbincangan kita di Dewan yang mulia ini. Ini boleh terjadi sekiranya kerajaan berikhtiar untuk meningkatkan mutu perbincangan Ahli Parlimen dan juga mutu perkhidmatan kita di kawasan masing-masing, Saya menyeru kerajaan juga memberi layanan yang sewajarnya kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang

mulia sama seperti layanan yang dinikmati oleh Ahli Parlimen di Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Amerika Syarikat dan sebagainya.

Sehubungan dengan itu saya berharap kerajaan dapat membetulkan keadaan di mana Ahli Yang Berhormat di Lembah Klang menghadapi diskriminasi dari segi elaun yang kita terima iaitu Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Lembah Klang tidak diberi kehidupan harian semasa persidangan Parlimen. Walaupun kami duduk di Kuala Lumpur, kami juga membiayai perbelanjaan yang sama seperti Ahli Yang Berhormat yang berkhidmat di kawasan luar dari Lembah Klang. Perbelanjaan makan dan minum adalah sama seperti mereka. Saya pernah membangkitkan perkara ini di persidangan yang lepas dan Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan akan mengkaji cadangan ini, tetapi sehingga hari ini tiada pembedaan dibuat. Saya berharap kerajaan boleh memandangkan permintaan kami dengan serius dan membetulkan ketidakadilan di kalangan kita.

Akhirnya memandangkan kerajaan telah kuat mempelopori ICT, saya juga berharap pihak Parlimen boleh memberi akaun email kepada kita semua dan e-mail kita haruslah dipaparkan di laman web Parlimen supaya rakyat yang ingin menulis email kepada kita dapat berbuat demikian dengan senangnya. Saya juga berharap pihak Parlimen dapat memasukkan software bahasa Cina dan bahasa asing yang lain di dalam komputer di bilik Cyber Parlimen untuk kemudahan Ahli Yang Berhormat yang faham bahasa Cina dan bahasa lain supaya kita boleh mencari maklumat yang tersiar dalam laman web bahasa Cina dan bahasa lain untuk kegunaan perbahasaan di Dewan yang mulia ini. Saya berharap permintaan ini boleh diterima oleh pihak Parlimen. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Kapar.

3.35 ptg.

Puan P. Komala Devi [Kapar]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan.

Saya ingin menyentuh pindaan Perkara 8 & Fasal (2) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan supaya jantina tidak boleh lagi dijadikan asas diskriminasi. Alasan ini merupakan tambahan kepada alasan-alasan yang sedia ada yang tidak boleh dijadikan asas diskriminasi iaitu agama, ras keturunan, tempat lahir, melainkan yang dibenarkan oleh perlembagaan.

Saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, sebab di dalam masa yang singkat, memandangkan kementerian ini baru ditubuhkan pada bulan Januari tahun ini, Yang Berhormat Dato' Menteri telah berjaya membawa pindaan ini yang sungguh bermakna kepada semua wanita di Malaysia. Ini adalah satu pindaan yang lama dikempen oleh pertubuhan-pertubuhan wanita Malaysia dan yang lama ditunggu. Ini adalah selaras dengan trend dunia di mana hak-hak wanita sekarang digelar sebagai hak-hak asasi manusia, ataupun "women's rights are now boked upon as human rights". Kami yakin bahawa pindaan ini tidak simbolik sahaja bahkan akan 'pave the way', dengan izin, untuk mengkaji semula serta meminda lain-lain undang-undang sivil dan syariah termasuk prosedur-prosedur yang turut mendiskriminasikan wanita supaya kita betul-betul mencapai kesaksamaan untuk wanita dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap sebelum saya, iaitu masa sudah sampai untuk kita mengkaji beberapa akta yang perlu dikaji dan dipinda. Dalam konteks ini kami mengambil perhatian bahawa Akta Penjagaan Kanak-kanak 1961, walaupun baru dipinda dan dialu-alukan oleh semua wanita khususnya yang telah diabaikan oleh suami mereka, tidak memberi semua wanita hak penjagaan yang saksama. Hanya wanita bukan Islam sahaja yang dapat menikmati hak penjagaan dan malangnya wanita Islam tidak dapat menikmati hak yang serupa di bawah undang-undang keluarga Islam. Ini merupakan satu diskriminasi dan oleh yang demikian kami berharap kelemahan ini dari segi undang-undang yang sedia ada akan diperbetulkan oleh kerajaan.

Begitu juga dengan pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan yang kini memberi wanita satu pilihan untuk membuat taksiran berasingan dari suami. Namun demikian, dalam kes-kes di mana seseorang suami tidak bekerja, seseorang isteri itu tidak dibenarkan deduction ataupun menolak dari cukainya elaun untuk membiayai suami dan anak-anaknya. Potongan ini hanya boleh diperuntukkan kepada pendapatan suami sahaja.

Seperti kita semua sedia maklum sekarang kita mendapati banyak kes di mana suami-suami tidak boleh bekerja ataupun enggan kerja, ataupun malas bekerja, ataupun membuat pilihan untuk

menjadi house-husband iaitu menjaga anak-anak. Dalam kes-kes seperti ini saya rasa adalah wajar isteri diberi opsyen untuk membuat potongan elaun untuk membiayai suami dan anak-anak.

Begitu juga dengan Immigration Ordinance 1959 seperti diucapkan tadi oleh Yang Berhormat bagi Seputeh. Di kebanyakan negaranegara terutamanya negaranegara maju, hak kerakyatan dapat dinikmati oleh suami asing dan juga isteri asing, tetapi dalam hal ini suami asing kepada wanita Malaysia tidak dapat menikmati hak kerakyatan, tambahan pula isteri asing kepada lelaki Malaysia. Walaupun di sisi undang-undang mereka berhak menikmati kewarganegaraan, sama ada mereka dapat menikmati kewarganegaraan bergantung kepada budi bicara suami mereka. Jadi, kami berharap diskriminasi wanita dari segi kelemahan dalam undang-undang ini dapat dikaji oleh kerajaan dan tindakan sewajarnya akan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi kerajaan harus dipuji sebab sentiasa mengambil langkah untuk menaikkan taraf wanita di Malaysia sama ada di sisi undang-undang ataupun cara yang lain. Oleh yang demikian, saya rasa masa sudah sampai untuk kerajaan mengimplementasikan konsep gender budgeting. Buat masa ini konsep ini diamalkan di beberapa negara maju dan sedang maju dan semakin lama semakin popular. Konsep gender budgeting adalah hasil kepada beberapa Conference di United Nations yang telah menyedari bahawa ada perhubungan rapat di antara jantina, kuasa membuat keputusan atau, dengan izin decision making dan pengagihan sumber-sumber ataupun allocation of resources.

Lanjutan kepada kes edaran ini adalah bahawa sekurang-kurangnya 30% jawatan di semua peringkat buat keputusan harus dipegang oleh wanita. Mengenai konsep gender budgeting sebagai contoh, polisi ini telah lama diamalkan di negara Philippines sejak tahun 1995, di mana sekarang sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah belanjawan tahunan di setiap kementerian diperuntukkan khas ataupun khusus untuk pelbagai program dan projek wanita ataupun projek jantina. Ciri-ciri peruntukan ini termasuk penubuhan satu jawatankuasa ataupun suatu agensi ataupun suatu commission untuk memantau plan gender budgeting dan commission tersebut akan memberi nasihat kepada agensi-agensinya kerajaan bagaimana hendak membaiki status kerja-kerja gender mainstreaming dalam negara itu.

Ciri yang kedua adalah perangkaan garis-garis panduan untuk mendefinisikan jenis program projek dan kegiatan-kegiatan yang boleh menikmati funding daripada gender projek tersebut itu. Ciri ketiga termasuk pemantauan-pemantauan oleh commission tersebut mengenai jumlah peruntukan serta membuat kajian tentang masalah-masalah dan syor-syor untuk mengatasi masalah menikmati peratusan yang telah ditetapkan. Di Philippines, jumlah peruntukan gender budget telah naik daripada 9 milion peso dalam tahun 1995 ke 2.8 bilion peso dalam tahun 1998 dan jumlah agensi yang telah mengambil bahagian dalam gender budgeting juga telah naik dari 19 hingga 92. Hasil daripada pengalaman Philippines, kita dapati bahawa cuma ada satu cara untuk menjadikan inisiatif gender budgeting berkesan, iaitu dengan mengadakan satu prescribed minimum allocation, dengan izin.

Memandangkan bahawa Kementerian Wanita dan Pembangunan Keluarga seharusnya mesti menyuarakan konsep gender budgeting serta merancang dan mengimplementasikan pelbagai program untuk menaiki taraf wanita Malaysia, saya fikir adalah wajarnya bahawa kementerian ini diberi peruntukan yang munasabah untuk merealisasikan misi dan visi kementerian seperti yang disarankan dahulu oleh Yang Berhormat bagi Kepong dan juga diberikan satu struktur yang lengkap sama dengan kementerian-kementerian lain.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

3.44 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut mengambil bahagian dan saya mengucapkan tahniah juga kepada rakan saya Yang Berhormat bagi Parit Sulong, walaupun dia tidak ada kerana dia bercakap dalam keadaan yang sangat bernas berbanding dengan rakannya Pengerusi back bancher Yang Berhormat Rompin yang bercakap langsung tidak menggambarkan sebagai seorang yang berwibawa sebagai seorang Pengerusi back bancher. Sebab itu saya rasa mungkin Yang Berhormat bagi Parit Sulong sedang menampilkan kewibawaannya untuk merampas kembali kedudukannya sebagai pengerusi back bancher.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup itu Yang Berhormat,

yang lain Yang Berhormat. Masa pun tidak ada Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Mukadimah, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap mengenai satu dua perkara berkaitan dengan soal pindaan Perlembagaan ini yang menyentuh soal Fasal (3), yang menyentuh soal kerja paksa ke atas mereka yang dihukum dan kemudiannya dipenjarakan supaya sebarang kerja dan khidmat yang diberikan kepada mereka tidak boleh dianggap sebagai kerja paksa. Saya bersetuju dalam hal ini tetapi di dalam beberapa perkara soal kerja paksa ini juga harus didefinisikan secara yang lebih jelas supaya apa yang sedang berlaku yang diamalkan oleh pihak penjara sekarang ini yang juga saya melihat ada unsur-unsur seperti mana satu kerja paksa yang dikenakan ke atas mereka yang ditahan ataupun dikurung, melalui hukuman yang dijatuhkan oleh pihak mahkamah.

Umpamanya seperti dari sudut kadar upah yang diberikan kepada mereka yang bekerja bukan sahaja dalam konteks khidmat sosial di luar tetapi juga hal-hal yang berkaitan kerja-kerja yang dilakukan di dalam penjara itu sendiri. Umpamanya pihak penjara ada buat 'JV' sesuatu perusahaan dengan pihak luar dan syarikat-syarikat korporat daripada luar umpamanya di Penjara Kajang, ada usaha sama antara pihak Penjara Kajang dengan satu syarikat daripada luar yang dimiliki oleh seorang tauke untuk membuka industrinya di dalam penjara. Ini untuk memberi peluang supaya pihak mereka yang dikurung dikenakan hukuman juga memperolehi imbuhan. Tetapi pada saya bahawa imbuhan atau kadar upah yang diterima oleh mereka itu sangat tidak begitu adil berbanding dengan keuntungan yang berjaya dipungut oleh syarikat usaha sama tersebut kerana syarikat usaha sama tidak perlu menyediakan satu tempat kawasan industri seperti mana yang ada di luar dan ia tidak perlu mencari pasaran kerja secara yang sukar seperti mana yang dilakukan oleh pihak-pihak industri yang lain tetapi dia cukup memanfaatkan menggunakan mereka yang dihukum atau banduan yang ada di dalam penjara dan kadar upah ini harus dipastikan supaya nanti jangan dilihat bahawa itu juga merupakan unsur-unsur kerja paksa yang dikenakan ke atas mereka di mana orang lain yang mengaut keuntungan yang lebih atas titik peluh yang dikenakan ke atas mereka yang dikurung atau dihukum di dalam penjara.

Begitu juga kadar upah ini harus juga dilihat supaya jangan nanti pula diberikan kadar upah itu tinggi tetapi diambil oleh pihak penjara. Saya difahamkan bahawa ada juga kadar upah itu diberikan dalam kadar-kadar yang tertentu tetapi kadar upah itu tidak diberikan sepenuhnya kepada mereka yang bekerja tetapi diambil sebahagiannya oleh pihak penjara sedangkan kita berhasrat supaya mereka yang ditahan dalam penjara dengan kadar upah yang mereka terima itu sebagai tabungan untuk mereka kumpul supaya bila mereka bebas nanti, itulah wang untuk mereka memulakan satu kehidupan baru tetapi jika sebahagiannya diambil oleh pihak penjara maka saya kira sudah tentulah ini suatu yang malang dan ini juga boleh ditafsirkan sebagai unsur kerja paksa yang dikenakan ke atas mereka yang ditahan.

Yang keduanya berkaitan juga soal hak mereka ini sebab unsur kerja paksa juga harus dilihat dalam konteks hak-hak kebebasan ataupun hak-hak kebajikan yang perlu diperolehi oleh mereka yang dikurung atau dihukum oleh mahkamah di dalam penjara termasuk juga bagi saya bahawa mereka seharusnya diikat dengan satu peraturan atau undang-undang yang jelas, bukan berasaskan kepada kemahuan pihak yang berkuasa di situ sebab unsur kerja paksa seperti hamba abdi ialah haknya bergantung oleh tuannya. Tuan yang menentukan apa haknya, dari segi kehidupan dan sebagainya. Saya bimbang takut nanti bahawa apabila mereka yang dikurung ataupun dihukum di penjara ini akhirnya mereka tidak diberikan hak tersebut sebaliknya ditentukan oleh kehendak tuan mereka atau kehendak kerajaan atau kehendak orang-orang politik.

Saya membuat contoh umpamanya sepertimana Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam kes rawatan yang dipohon oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini saya kira bahawa secara jelas dalam Perlembagaan dan juga dalam Akta Penjara dalam Seksyen 37, 42 dan 43 Akta Penjara jelas memberikan satu peruntukan hak kepada mereka untuk mendapat rawatan perubatan hatta sampai untuk mendapat rawatan pembedahan di luar negara seperti mana yang dipohon oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim kepada pihak penjara dan juga kepada pihak kerajaan khususnya kepada pihak Menteri Dalam Negeri dan SUHAKAM sendiri selaku Suruhanjaya Hak Asasi Manusia telah pun memperakui bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim dari sudut Seksyen 43 Akta Penjara ini mempunyai hak dan kelayakan beliau untuk mendapat rawatan pembedahan di luar daripada negara Malaysia.

Jadi sudah tentulah saya mengharapkan bahawa ikatan peraturan dan undang-undang yang sedia ada ini seharusnya dipakai. Jika tidak nanti ini juga saya kira bahawa unsur-unsur kerja paksa yang berlaku ke atas kehidupan mereka yang hidup di dalam penjara. Sebab itu bagi saya bahawa proses untuk mempercepat dan membolehkan untuk Dato' Seri Anwar Ibrahim mendapat hak tersebut seharusnya dipercepat dan tidak boleh dilengah-lengahkan oleh pihak kerajaan mahupun oleh pihak

Ketua Pengarah Penjara kerana ini akan memberikan kesan yang lebih buruk kepada kesihatan Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri dan juga kesan yang lebih buruk kepada kehidupan masyarakat dan moral negara kita dari sudut pandangan rakyat sama ada di dalam atau di luar negara itu sendiri.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Setiu berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan? Ya, sila.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Pokok Sena. Apakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam soalan lisan kepada Menteri Dalam Negeri berhubung dengan hak seseorang banduan untuk mendapat rawatan sekiranya mereka sakit sama ada di dalam atau luar negara dan jawapan bertulis yang diberikan oleh pihak Menteri Dalam Negeri kepada saya bahawa berdasarkan peraturan Akta Penjara yang ada, tidak ada peruntukan yang menyebutkan, banduan boleh menerima rawatan di luar negara. Ertinya dalam soal ini, *silent*. Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa sebenarnya menteri mempunyai budi bicara untuk membolehkan Dato' Seri Anwar Ibrahim dihantar untuk berubat ke luar negara. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, terima kasih rakan saya bagi Setiu. Itulah juga jawapan yang diberikan oleh Menteri Dalam Negeri kepada saya dalam soalan yang sama yang saya kemukakan. Tetapi bagi saya bahawa di sini bukan soal budi bicara menteri, itu satu yang kedua jika tidak ada satu peruntukan tetapi sudah jelas dari sudut peruntukan diperakui oleh badan yang diperakui wibawanya oleh Parlimen sendiri yang menubuhkan iaitu Suruhanjaya Hak Asasi Manusia memperakui wibawanya mengatakan bahawa dari sudut Seksyen 43 Akta Penjara ini Dato' Seri Anwar Ibrahim mempunyai hak dan kelayakan untuk mendapat rawatan pembedahan di luar negara seperti mana yang dipohon. Malah sudah tentulah bahawa dalam keadaan yang ada sekarang ini, saya percaya bahawa dengan peruntukan yang ada dan juga baik budi bicara Menteri Dalam Negeri itu sendiri seharusnya proses untuk mempercepatkan bagi membolehkan Dato' Seri Anwar Ibrahim dihantar ke luar negara untuk mendapatkan hak rawatan bagi mengatasi masalah kesihatan..

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun sambil mengetuk pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak, tidak apa, saya nampak, tidak payah tepuk Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini saya hendak habis...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan kepada Tebrau?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, pasal saya ada lagi perkara yang penting yang saya hendak sentuh....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta maaf, lain kali kalau masa panjang saya bagi. Saya sayang kepada Yang Berhormat bagi Tebrau ini. InsyaAllah

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan, teruskan Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tebrau dengan Sri Gading memang baik, saya sayang mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih. Yang keduanya berkaitan dengan soal kedudukan sebagai Ahli Dewan Negara ataupun sebagai Senator. Yang pentingnya di sini seperti mana rakan-rakan yang lain telah menyebut, yang penting di sini ialah bukan soal....

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada menteri berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta maaf, saya ada perkara yang saya hendak sebutkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi lagi Menteri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kalau masa panjang, saya beri, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dato', dia bagi lain kali.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, Tuan Yang di-Pertua, selalu saya baik tetapi masa tidak cukup. Yang penting di sini ialah peruntukan Perlembagaan secara jelas menyebut dalam Fasal 120 Perlembagaan Persekutuan ini bahawa ahli Dewan Negara mesti dipilih oleh rakyat walaupun ada peruntukan di dalam Fasal 45 walaupun nampak ada satu percanggahan antara Peruntukan 45 dengan Peruntukan 120 ini tetapi walau apapun semangatnya dalam perlembagaan kita ini ialah membenarkan untuk Ahli Dewan Negara itu dipilih seperti mana pilihan raya kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat yang lain.

Jadi, ini yang sepatutnya difikirkan oleh pihak kerajaan kerana sudah sekian lama perkara ini terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan kita, seharusnya sudah sampai masanya untuk kita *implement* perkara yang masih belum kita buat yang sepatutnya boleh memberikan imej baru kepada Dewan Negara itu sendiri dan saya percaya bahawa jika pilihan raya Ahli-ahli Dewan Negara ini diadakan maka sudah tentulah dia akan melahirkan ahli-ahli yang lebih bertanggungjawab kepada rakyat dan negara, bukannya bertanggungjawab kepada kepimpinan parti yang memilihnya dan kemudiannya dipanjangkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk dilantik mereka menjadi Ahli Dewan Negara tetapi mereka tidak ada tanggungjawab secara langsung dengan kehidupan masyarakat dan rakyat dalam negara kita.

Kemudian saya balik kepada persoalan yang berkaitan dengan penambahan kepada perkataan 'jantina' dalam Perlembagaan ini, saya bersetuju, tetapi walau bagaimanapun, saya minta supaya satu penjelasan yang mesti ditulis dari sudut definisi dan juga garis panduan supaya pelaksanaannya nanti tidak bercanggah dengan Enakmen Undang-undang Keluarga Islam. Saya bimbang dari sudut pelaksanaannya nanti bahawa akibat daripada kita terlalu hendak mengatakan bahawa ini merupakan hak asasi kepada seseorang yang tidak mengenal batas jantina dan sebagainya tetapi akhir pelaksanaannya kita telah berlawanan dengan peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam seperti harta sepencarian, fara'id dan sebagainya.

Ini mesti dijelaskan sebab bila tidak jelas nanti, saya bimbang takut nanti pindaan ini akan menyebabkan bahawa terbatalnya Undang-undang Keluarga Islam di peringkat negeri yang dipertanggungjawabkan di peringkat negeri. Ini yang merbahaya yang menyebabkan bahawa kita mendidik khususnya di kalangan orang Islam ini supaya mereka berlawanan dengan peruntukan tuntutan syarak itu sendiri dari sudut Undang-undang Keluarga Islam.

Jadi, oleh sebab itu saya minta penjelasan seperti mana Ketua Pembangkang juga minta penjelasan daripada Menteri dan kalau boleh mesti diperinci sebab jaminan mulut daripada seorang Menteri bukan satu undang-undang tetapi dia seharusnya secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak, akhir sekali saya sebut berkaitan dengan soal jantina ini. Walaupun dia disebut di dalam Perlembagaan ini tetapi yang penting di sini ialah untuk memastikan implementasi pelaksanaannya nanti supaya tidak ada unsur-unsur untuk merampas hak tersebut seperti mana Fasal 153 yang berkaitan dengan hak keistimewaan bumiputera yang juga berkaitan dengan soal pendidikan, pelajaran yang membawa kepada lahirnya sistem kuota yang dibawa di dalam Dasar Ekonomi Baru apabila sekarang ini secara jelasnya kerajaan khususnya UMNO yang menguasai kerajaan secara terbuka membuat satu keputusan dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO untuk menghapuskan sistem kuota ini melalui pelaksanaan sistem meritokrasi. Walaupun satu ketika dahulu Suqiu begitu lantang yang memohon untuk dimansuhkan sistem kuota ini, UMNOlah begitu lantang membakar semangat perkauman di kalangan orang-orang Melayu sehingga Perdana Menteri pernah mengecap kumpulan Cina daripada Suqiu ini sebagai penganas komunis dan pemimpin-pemimpin Pemuda UMNO sanggup bermandi darah kata mereka pada waktu itu sedangkan sekarang UMNO dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi ini secara *direct* saya rasa bahawa ke arah untuk menghapuskan satu peruntukan yang begitu mahal kepada golongan bumiputera dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah habis.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya ucapkan tahniah kepada MCA kerana mereka telah memperolehi universiti kepada mereka tetapi malang kepada bumiputera Melayu khususnya dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jelutong.

3.56 ptg.

Tuan Lee Kah Choon [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas rang undang-undang ini yang akan meminda Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah rang undang-undang ini Fasal 3 akan meminda Artikel 8 di mana diskriminasi jantina tidak boleh diamalkan dan adalah salah di sisi Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, penambahan perkataan 'jantina' kepada Artikel 8 ini adalah dialu-alukan memandangkan diskriminasi jantina yang berleluasa dalam masyarakat kita. Diskriminasi ini adalah *institutionalize*, dengan izin, dan akan mengambil lebih dari pindaan ini untuk mengatasinya. Misalnya sementara kita meminda Artikel 8 ini, kita lupa pula dengan Artikel 15 Perlembagaan yang memberi kewarganegaraan kepada mana-mana wanita yang bersuami seorang warganegara tetapi keistimewaan ini tidak diberi kepada seorang suami yang beristeri orang Malaysia.

Begitu juga dengan cuti bersalin atau *maternity leave*. Jikalau kita mengatakan tanggungjawab menjaga keluarga dan anak adalah tanggungjawab bersama wanita dan lelaki, mengapa undang-undang kita tidak memperuntukkan cuti bersalin kepada lelaki untuk menolong menjaga bayi yang baru dilahirkan. Dari segi pendidikan pula, dengan pindaan ini lelaki boleh menuntut untuk belajar di Kolej Tengku Khursiah dan wanita pula boleh menuntut untuk belajar di Maktab Tentera Diraja, misalnya.

Adakah institusi-institusi ini dan masyarakat kita bersedia untuk menerima perubahan-perubahan ini? Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, cabaran terbesar berkenaan dengan pindaan ini adalah bagaimana kita dapat menyelaraskan atau *reconcile* pindaan ini dengan undang-undang syariah yang dipraktikkan oleh lebih dari separuh rakyat kita. Seperti yang dikatakan oleh rakan-rakan saya, lelaki yang beragama Islam boleh berkahwin empat, boleh menerima empat pencen selepas isteri mereka meninggal, masih boleh menerima pencen isteri mereka walaupun selepas dia berkahwin semula tetapi sebaliknya wanita akan menerima sesuku pencen suaminya jikalau dia berkahwin empat dan janda akan hilang pencennya jikalau dia kahwin semula.

Begitu juga dengan hak perceraian yang diberi kepada lelaki yang beragama Islam tetapi saya diberitahu wanita yang beragama Islam tidak mempunyai hak untuk menceraikan suaminya. Jikalau pindaan ini tidak dapat menyelaraskan konflik dengan undang-undang syariah, pindaan ini akan sia-sia sahaja kerana golongan yang paling memerlukan pindaan ini tidak dapat menikmati hasil pindaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, itu undang-undang Islam Yang Berhormat, tidak ada hak yang perempuan menceraikan lelaki.

Tuan Lee Kah Choong: Saya tahu tetapi ini ada kaitan dengan pindaan yang kita ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu bukan diskriminasi, Yang Berhormat. Memang tidak ada hak perempuan menceraikan lelaki sampai hari kiamat pun. Itu jangan kalau kita hendak menyentuh Islam. Cuba tengok dahulu Yang Berhormat. Ya, teruskan.

Tuan Lee Kah Choong: Okay. Tuan Yang di-Pertua, kita hanyalah naif jikalau kita percaya dengan penambahan satu perkataan 'jantina' pada Artikel 8 kita dapat mengurangkan atau menghapuskan diskriminasi jantina dalam masyarakat kita tanpa usaha dan langkah yang lebih konkrit untuk mengatasi masalah ini. Langkah konkrit yang saya katakan adalah penggubalan Akta Diskriminasi Jantina atau Sex Discrimination Act di mana definisi diskriminasi jantina dapat diterangkan.

Amalan diskriminasi jantina seperti bayaran hantaran kahwin atau dowry dan pengiklanan yang menunjukkan wanita sebagai *sex object* dapat diharamkan. Untuk memastikan akta ini berjalan dengan lancar, satu Suruhanjaya Sama Rata Hak atau *Equal Opportunity Commission* patut diwujudkan untuk memantau kejadian diskriminasi jantina.

Tuan Yang di-Pertua, hanyalah dengan undang-undang seperti yang dikatakan tadi, barulah

kita dapat mengatasi masalah ini. Jikalau tidak, pindaan yang kita bincangkan hari ini hanyalah kosmetik dan simbolik sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh adalah berkaitan dengan Fasal 12 rang undang-undang yang mengambil terjemahan bahasa Kebangsaan Perlembagaan Persekutuan sebagai teks sah.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham mengapa pindaan ini diperlukan kerana, pertama Perlembagaan Persekutuan adalah hasil daripada perbincangan secukupnya oleh semua pihak yang berkenaan dan persetujuan ini telah ditulis dalam bahasa Inggeris dan diakui teks sah selama ini. Sejak kemerdekaan, banyak rujukan telah dibuat kepada mahkamah dan mahkamah pun sudah banyak buat *interpretation* ke atas Perlembagaan yang dipandu teks bahasa Inggeris.

Dengan pindaan ini, apa akan terjadi kepada keputusan-keputusan mahkamah ini jikalau terdapat konflik di antara keputusan-keputusan mahkamah ini dengan teks terjemahan bahasa Kebangsaan kelak?

Kedua, siapa yang akan buat *translation* ini dan siapa yang akan menentukan terjemahan ini betul-betul *reflect the true meaning and spirit of the constitution* dengan izin, sepertimana yang disetujui oleh pihak pada masa Perlembagaan ini dibuat.

Jikalau kita setuju dengan pindaan ini, adakah kita memberi kuasa kepada *interpreter* atau *translator* kita yang kita tidak kenal untuk mengarang semula Perlembagaan yang telah kita pakai selama 44 tahun ini? Di bawah pindaan ini, tidak ada peruntukan bagaimana penterjemahan akan dibuat. Adakah ianya dibuat oleh satu jawatankuasa dan apakah kelayakan ahli-ahlinya. Semua ini tidak diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tidak senang hati dengan pindaan Fasal 12 ini kerana ia adalah tidak logik sama sekali. *Original* itu tetap *original*. Saya tidak tahu bagaimana kita boleh mengatakan terjemahan dari *original* itu lebih sah daripada yang *original*. Tuan Yang di-Pertua, pindaan Fasal 12 ini adalah sangat penting dan mempunyai kesan yang paling serius kepada Perlembagaan Persekutuan kita. Saya berasa Fasal 12 ini seakan-akan hendak *rewrite the supreme law of the land* dengan izin. Saya bagi satu contoh di mana *translation* ini kadang-kadang tidak tepat. Kalau kita lihat di rang undang-undang ini, *translation the age of compulsory retirement*, kita panggil ia umur persaraan paksa. Sepatutnya, wajib adalah *compulsory*, paksa itu adalah *force*. Dari segi ini, kita sudah boleh nampak bahawa rang undang-undang ini sendiri pun ada masalah bila kita buat *translation*. Apatah lagi kalau kita buat *translation* kepada Perlembagaan Malaysia kita.

Jikalau pindaan ini terpaksa juga diluluskan oleh Dewan yang mulia ini, saya berharap kementerian berkenaan akan membawa Perlembagaan yang telah diterjemah ke Parlimen untuk diluluskan, sebelum ia boleh berkuat kuasa kerana apa yang diluluskan hari ini adalah hanya Perlembagaan Terjemah Bahasa Malaysia adalah teks sah tetapi, kita tidak mengesahkan Perlembagaan Terjemah yang belum kita dapat lihat lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya bangkitkan perkara ini bukan kerana saya tidak setuju menggunakan Bahasa Malaysia sebagai medium penghantaran dengan seluas-luasnya. Tetapi, pindaan ini menyentuh subjek lebih dari penggunaan Bahasa Malaysia sahaja kerana ia menyentuh batu asas kewujudan Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Lee Kah Choon: Malaysia, negara yang kita cintai. Saya berharap kementerian berkenaan dapat memandang berat pindaan ini. Sekian, terima kasih. .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, kali ini saya bagi perempuan pula. Saya bagi Sepang.

4.04 ptg.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta dalam membahaskan pindaan Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan. Oleh kerana masa yang diberikan terlalu terhad, saya hanya akan menyentuh Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan yang meminda Fasal (2) dengan menggantikan perkataan 'keturunan atau tempat lahir' dengan perkataan 'keturunan, tempat lahir atau jantina'.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong perkataan jantina dimasukkan bagi mewujudkan kesamarataan hak antara lelaki dan wanita bagi menghapuskan sebarang diskriminasi terhadap wanita. Apabila kita menyebut tentang persamaan hak, dalam Islam sendiri, persamaan hak antara seorang

lelaki dan wanita adalah sama. Malah wanita tidak disekat untuk bergerak dan melangkah maju. Yang membezakan antara lelaki dan wanita hanyalah tanggungjawab yang dipikul oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kiraan banci pada tahun 2000, menunjukkan terdapat 22.2 juta penduduk Malaysia di mana 11.2 juta lelaki dan 11 juta perempuan. Angka ini menunjukkan wanita dari segi jumlahnya hampir mengatasi lelaki. Malah, wanita di Malaysia terserlah keperkasannya. Dalam arena pendidikan tinggi, wanita mengatasi lelaki iaitu dengan nisbah 70:30 dan dari segi politik, wanita telah menyumbang sebanyak 54% undi.

Tuan Yang di-Pertua, sumbangan dan kecemerlangan wanita sewajarnya diberi pengiktirafan dan penghargaan dengan memberi peluang kepada mereka untuk menempatkan diri setaraf dengan lelaki dalam proses transformasi negara. Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara yang telah menandatangani Pelan Tindakan Wanita Beijing 1995, yang menggalakkan penyertaan 30% penyertaan wanita dalam kerajaan, Malaysia masih jauh daripada sasaran ini. Oleh itu, saya berharap dengan pindaan Perlembagaan ini, wanita sekurang-kurangnya akan dapat menepati sasaran 30% atau hampir kepada sasaran bagi semua pencalonan setiap pilihan raya dalam kepimpinan parti termasuk pihak parti pembangkang, Dewan Undangan Negeri dan Parlimen. Saya juga ingin menyarankan supaya semua kedudukan membuat keputusan dalam kerajaan dan badan berkanun diperuntukkan 30% kepada wanita. Tanpa jumlah wanita ini dalam kedudukan-kedudukan penting, wanita masih tidak dapat mempengaruhi proses membuat keputusan dan dalam membentuk agenda parti dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, kadar wanita dalam kedudukan membuat keputusan sama ada dalam parti, Dewan Undangan Negeri atau Parlimen sememangnya kurang dan perlu dipertingkatkan. Wanita merupakan jumlah ahli yang ketara dalam parti-parti politik dan tenaga mereka penting ketika kempen semasa pilihan raya. Tradisi dan adat yang menganggap wanita ini rendah tarafnya daripada lelaki.....[Disampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Adalah halangan utama kenaikan wanita di tangga politik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sri Gading, hendak beri jalan? Sri Gading berdiri, hendak beri jalan?

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Sebentar, sebentar Yang Berhormat. Kita sedar akan kesulitan dan halangan yang dihadapi oleh wanita. Maka, adalah dicadangkan apabila pindaan rang undang-undang ini diluluskan, usaha-usaha mestilah diambil untuk mendorong dan membuka peluang bagi wanita memainkan peranan sebenar dalam keputusan di semua peringkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Cepat Yang Berhormat. *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Haah, sila, sila. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Mengetuk mikrofon]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada, ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Sepang. Yang Berhormat bagi Sepang menyatakan minta tambahan kedudukan wanita. Yang menyentuh tentang politik dan kerajaan, suara Yang Berhormat akan didengar oleh Barisan Nasional, kerajaan dan parti tetapi sia-sia sahajalah Yang Berhormat, suara Yang Berhormat tidak akan dilayan oleh parti pembangkang khususnya PAS kerana mereka sebenarnya tidak pernah menghormati dan memuliakan wanita dalam erti kata memberikan hak yang sebenarnya, macam wanita UMNO dapat daripada parti UMNO dan kerajaan.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Sebagai wanita, kita perlu berjuang untuk memastikan supaya mana-mana parti pun agar lebih ramai lagi jumlah wanita dipertandingkan dalam pilihan raya walaupun pihak parti PAS masih lagi berdegil.

Tuan Yang di-Pertua, wanita sepatutnya memiliki hak keselamatan sepertimana lelaki dalam arus pembangunan yang pesat ini. Walau bagaimanapun, wanita pada hari ini sering menjadi mangsa

kerakusan dan kebuasan lelaki. Wanita dalam dunia yang dikatakan bertamadun ini masih diancam keganasan atau penderaan fizikal, seksual dan psikologi. Pada hari ini misalnya, wanita diancam masalah rogol dan bunuh. Dalam gejala ini sahaja, terdapat 576 kes dilaporkan pada Mei 2001. Malah wanita dilanda kegelisahan dan merasa tidak selamat walaupun berada di dalam rumah sendiri kerana berlakunya jenayah sumbang mahram.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, *Woman's Aid Organization* sendiri melaporkan bahawa dalam tempoh lapan bulan pertama, 1998 didapati bahawa 28 daripada 116 kes rogol melibatkan sumbang mahram. Perlakuan kaum lelaki terutama golongan bapa yang bertindak memperkosa anak sendiri begitu menjijikkan dan tidak ada bezanya dengan perlakuan binatang.

Saya ingin mencadangkan dengan adanya pindaan rang undang-undang ini, sebagai langkah mencegah adalah wajar perogol-perogol yang tidak bertanggungjawab ini, yang tidak mengira mangsa dikenakan hukuman yang lebih berat iaitu hukuman bunuh sepertimana langkah yang dibuat terhadap pencedar dadah.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Bunuh.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya berharap Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dapat merencanakan satu strategi untuk mengawal gejala ini daripada terus membara. [*Dewan gamat seketika*]. Tuan Yang di-Pertua, saya turut kecewa apabila wanita masih lagi menjadi mangsa pengeksploitasian media dengan sogokan-sogokan yang lumayan dan ini juga merendahkan maruah dan martabat dan ini juga merupakan satu bentuk diskriminasi terhadap golongan wanita untuk melariskan jualan atau mempromosikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat berkenaan. Walaupun barangan yang dipasarkan itu tidak relevan dengan wanita misalnya rokok iaitu Dunhill, Salem, barang-barang untuk penjagaan lelaki seperti iklan Dashing, Gillette dan sebagainya. Namun wanita ditonjolkan dengan aksi yang menghairahkan di samping lelaki. Selain itu, saya dapati 13,000 permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri telah disalahgunakan oleh penerbit akhbar atau majalah yang mengeluarkan bahan-bahan berbentuk kelucahan atau pornografi. Kebanyakan modelnya memaparkan gadis cantik dan paparan dada, betis dan paha terbuka dan beraksi dengan gaya yang menggiurkan.

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Tepuk*]

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Sokongkah itu? [*Ketawa*]

Beberapa Ahli Pembangkang: Sokong.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Sudah pastinya sesiapa sahaja akan membuka mata – termasuklah pembangkang [*Ketawa*] dan cuba mengambil kesempatan terhadap kelemahan kaum hawa ini. Keadaan ini perlu dikawal kerana ia boleh meracuni minda dan mematkan akal kewarasan lelaki sehingga sanggup merogol dan mengganggu *privacy* wanita. Saya menyokong usaha Kementerian Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna yang cuba memerangi kegiatan penjualan dan pengedaran video dan VCD lucah ini daripada berleluasa.

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa perkara yang masih tidak mengiktiraf wanita dari segi undang-undang. Saya juga menyokong apa yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Seputeh dan Yang Berhormat bagi Kapar. Ordinan Imigresen misalnya, tidak memberikan hak kerakyatan kepada lelaki asing yang berkahwin dengan wanita Malaysia, dengan hanya memberi taraf pas pelawat sahaja bila kembali ke Malaysia. Tetapi, wanita asing yang berkahwin dengan lelaki Malaysia mendapat permit masuk dan akhirnya diberikan kerakyatan. Begitu juga dengan wanita tempatan yang berkahwin di luar negara dan melahirkan anak di seberang laut, anak yang dilahirkan itu tidak boleh menjadi rakyat Malaysia.

Sebaliknya, lelaki tempatan yang berkahwin dengan wanita asing, boleh mendaftarkan kelahiran anaknya di mana-mana kedutaan. Situasi ini Tuan Yang di-Pertua, perlu diteliti, dikaji semula setelah rang undang-undang yang menghapuskan diskriminasi terhadap wanita dilaksanakan dan dengan cara ini, barulah ia dapat memberikan hak sama rata kepada wanita bagi memberi pengiktirafan kepada wanita dari segi perundangan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan supaya kita memperkenalkan program kesedaran gender di tempat yang sesuai seperti sekolah atau di tempat-tempat kerja. Ini bagi mengubah pandangan stereotaip wanita dan lelaki dalam mata masyarakat. Misalnya, wanita tidak boleh lagi dijadikan modal pengeksploitasian ataupun sentiasa dicengkam oleh kekuasaan lelaki. Ibu bapa juga disaran mendidik.....

Beberapa Ahli Pembangkang: [*Tepuk*]

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Sokong lagi.

Beberapa Ahli Pembangkang: Ya. *[Tepuk]*

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Ibu bapa juga disaran mendidik anak-anak supaya tidak hanya membebankan setiap tanggungjawab atas bahu anak perempuan. Sebaliknya, menyemaikan sikap bekerjasama antara anak lelaki dan anak perempuan supaya wujudnya toleransi dan kerjasama. Anak lelaki perlu disemai supaya menghormati kaum wanita. Ini penting bagi menyedarkan lelaki supaya mereka tidak terlalu membanggakan diri dan menunjukkan kekuasaan mutlak terhadap wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis dah.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya berharap dengan pindaan ini kita dapat merealisasikan matlamat untuk menghapuskan sebarang bentuk diskriminasi terhadap wanita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Terengganu.

16.16 ptg.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sejak di bangku sekolah lagi diajar di sekolah tentang keluhuran Perlembagaan. Sejak kecil lagi telah diajar ataupun dididik, dipupuk tentang memahami dan mengerti akan keluhuran Perlembagaan. Tetapi apabila saya masuk ataupun menjadi Ahli Dewan Rakyat, masuk ke dalam Dewan ini dan melihat bagaimana tatacara meminda suatu Perlembagaan Persekutuan di negara ini, saya merasakan, melihat dan meyakini bahawa ada sesuatu yang tidak betul di dalam sistem yang berjalan di negara kita.

Mungkin benarlah sebagaimana yang pernah dinukilkan oleh seseorang menteri yang sekarang ini mungkin akan menjawab persoalan-persoalan ini yang pernah membakar jambatan dahulu, pernah menukilkan pada tahun 1992. Saya baca "Bagaimana pula halnya dengan Parlimen sebagai badan tertinggi perundangan sudah gubal undang-undang seperti itu? Parlimen sudah diperalat, mengongkong hak asasi rakyat. Parlimen diperalat oleh eksekutif politik. Parlimen dikuda untuk meluluskan undang-undang zalim". *[Disampuk]*

Kita malang kerana diapit oleh sekurang-kurangnya enam undang-undang yang mengkerdikan pertumbuhan pemikiran sihat. Ambil Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 sebagai contoh, akta ini akibat seksyen 15 telah menjadikan mahasiswa dan pensyarah kita sebagai golongan pak turut yang paling formal."

Tuan Yang di-Pertua, nukilan 1992 oleh seorang yang pernah terpelanting daripada kerajaan dan kini mungkin menjilat kembali apa yang beliau menulis adalah suatu yang saya lihat yang amat hina berlaku dalam konteks pindaan Perlembagaan di negara kita. *[Tepuk]* Tidak dapat dinafikan lagi bahawa apa yang berlaku sekarang dalam kita membincangkan pindaan Perlembagaan ini, apakah kita tidak menyedari bahawa sekarang ini kuasa sedang berkisar di tangan seorang manusia yang sekarang ini bersifat sebagai seorang diktator yang ingin terus berkuasa dan terus berkuasa di negara kita? Ini adalah suatu yang....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, mukadimah terlalu banyak Yang Berhormat. Masukkan kepada perkaraperkara lain, kita ada 10 minit.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya 10 minit, saya sudah masuk. Ini yang berlaku kepada kita, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Datuk Haji Mchamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya ada 10 minit, jadi masanya terlalu singkat, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri, Yang

Berhormat, hendak bagi?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tiga orang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, cakup ini dahululah. Hendak bagi jalan atau tidak?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tak bagi, tak bagi jalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi, Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Masa saya terlalu singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Point of order 36(6).

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini menggunakan kata-kata yang kesat ni. Apa diktator? Adakah kita boleh memberikan satu natijah perjuangan kita Islam dengan kaedah kita Melayu menuduh orang ni? Bahasa-bahasa ini, Tuan Yang di-Pertua, apa kena mengena dengan pindaan Perlembagaan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya sudah tegur. Saya sudah tegur, Yang Berhormat. Yang Berhormat terus kepada perkara undang-undang dan tak eloklah kita guna bahasa yang kurang sopan, sebab kita orang Islam dan orang Melayu.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, saya diajar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan...*[Dewan menjadi gamat]* Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduklah. *[Disampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baik 36(6)...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya sudah cakup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah ini ada Ph.D? Pelajar intelektualkah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk!

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis:bagi contoh kepada ahli-ahli begini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, cuba duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Inikah PAS? Perjuangan Islamkah ini?

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Adakah ini parti Islamkah? Hapraklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tebrau duduklah! Yang Berhormat Kuala Terengganu, saya beri peluang ini cakuplah cara elok-elok. Saya sudah tegur dua kali dah, elokkanlah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada Perkara 8 dari sudut jantung. Kita daripada parti Islam SeMalaysia sejak daripada awal lagi mempertahankan hak wanita. Tidak dapat dinafikan *[Disampuk]* kita mempertahankan hak wanita. Saya ingin menyebut

perubahan-perubahan yang berlaku sekarang ini di dalam Parti Islam SeMalaysia, PAS khususnya kita boleh mencabar wanita-wanita UMNO. Bilangan profesor yang menjadi ahli PAS, bilangan saintis yang menjadi ahli PAS, bilangan doktor-doktor pakar yang menjadi ahli PAS, bilangan engineer yang menjadi ahli PAS. Kita boleh mencabar w anita-wanita UMNO kerana golongan muda terutamanya yang mempunyai pendidikan tinggi sudah lama mengatakan selamat tinggal kepada UMNO! *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya tak bagi jalan, masa terlalu tehad.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tak boleh kata apa, kalau dia bagi saya bagilah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, adalah UMNO cuba memperkatakan dan membuat tuduhan bahawa seolah-olah parti pembangkang khususnya PAS mendiskriminasikan kaum wanita. Ini tidak berlaku. Isteri saya adalah seorang profesor di sebuah universiti. *[Disampuk]* Isteri saya menjadi pakar kepada jabatan-jabatan kerajaan. *[Disampuk]* Jiran saya seorang profesor dan pakar dalam bidang sains nuklear dan menjadi penyokong dan ahli kuat dalam Parti Islam SeMalaysia. Tidak berlaku dari sudut diskriminasi kepada wanita!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ada dua orang berdiri.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Apa yang berlaku adalah UMNO sendiri menggunakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya tidak beri jalan lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Apa yang berlaku adalah UMNO sendiri...

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada Menteri berdiri, Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya tak bagi jalan. Semua saya tak bagi jalan, sorry. *[Disampuk]* Apa yang berlaku adalah UMNO sendiri.... *[Dewan menjadi gamat]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bagi jalan Yang Berhormat?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya tak bagi jalan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi. *[Dewan menjadi gamat]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, tambah lima minit!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa saya tak tambah.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tambah lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak tambah. Dia tak bagi Menteri.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Masa tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri, dia tak bagi Menteri.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah.

Seorang Ahli: Menteri duduk, dia tak bagi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Minta maaf, minta maaf. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dia bagi, saya benarkan. *[Dewan menjadi gamat]*

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia kata 14 tahun dia minta sekali, boleh? Haa dia bagi. *[Ketawa]* Sila.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Jika Yang Berhormat kata PAS tidak ada diskriminasi kepada orang perempuan dan beliau sebut "Wah! Ada Ph.D", ada itu, ada ini, semua baik punya, tetapi perempuan tidak ada kemampuan untuk duduk sama-sama dengan Yang Berhormat di depan. Adakah? *[Dewan menjadi gamat]* Adakah kemampuan untuk duduk sama-sama?

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ada, ada. *[Dewan menjadi gamat]*

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Kalau duduk sama-sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya perkatikan apabila rakan-rakan di dalam Barisan Nasional diracuni oleh UMNO dari segi hak wanita yang kita pertahankan. Kita Parti Islam SeMalaysia memartabatkan, saya ingin

[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Kita sendiri adafikiran.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan di dalam Dewan ini, sesungguhnya Parti Islam SeMalaysia sejak awal penubuhannya memartabatkan kedudukan wanita berlandaskan kepada syariat Islam itu sendiri, Allah S.W.T.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat pun sudah habis.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Kaum wanita dan perempuan cantik tidak boleh bekerja, jawab kenapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa sudah habis.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Rang Undang-undang Sakit Mental kita hendak bahas besok.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ikut cakap sayalah, masa sudah habis, sila duduk.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Saya hendak conclude sahaja. Sebagai akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, sebagai gulungannya, tidak ada ertinya pindaan ini sekiranya kita tidak melihat dalam perspektif yang lebih luas dari segi keluhuran Perlembagaan yang ada di negara kita sendiri. Tidak ada ertinya kita Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini membuat pindaan yang penting ini, tanpa kita melihat, kepada, dengan izin, good governance di dalam negara kita. Tidak ada ertinya perubahan kepada Perlembagaan di negara kita, kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya daripada UMNO sendiri menjadi pak turut kepada seorang pemimpin yang sudah lama memerintah di negara kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin.

4.26 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar hujah sebelah sana. Yang membela rakyat Malaysia semua ialah UMNO, yang membela negara kita ialah Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Masa merdeka dahulu UMNO, MCA dan MIC yang mendapatkan kemerdekaan. Di sana mengapa senyap sunyi menyatakan Melayu pada ketika itu belum mampu, belum sedia untuk merdeka,

mereka tidak bersama dengan kita menuntut kemerdekaan, tanya pemimpin-pemimpin PAS yang dahulu, baca sejarah, ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, di belakang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak habiskan dalam masa sepuluh minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Alhamdulillah. Minta maaf kawan. Saya belanja teh tarik selepas ini, sebab kawan. Alhamdulillah kita hadapi krisis 13 Mei 1969, kita hadapi krisis baru-baru ini spekulator mata wang asing 1997, alhamdulillah kita pulih, kita berjaya, kita bersyukur kepada Allah S.W.T. dan berterima kasih kepada kerajaan yang belah sana tidak mahu pula kita berterima kasih kepada kerajaan, satu lagi putar belit agama dan ayat al-Quran.

Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Lepas ini saya beri, tidak ada masa hendak baca. Alhamdulillah Tuan Yang di-Pertua, kita sudah diberikan penghargaan, diiktiraf oleh dunia sebagai satu negara Islam yang maju dan kalau kita bandingkan dengan negara lain, sama ada berhampiran Thailand, Indonesia tidak payah sebut, sebab Indonesia pun belah sana pada kawan dia belah sana di Indonesia, kadang-kadang apa yang dihujahkan di sini macam-macam ucapan itu dibuat di MPR tetapi tersalah baca di Dewan Rakyat ada belah sana, kita tahu.

Mereka ini PAS dan DAP yang sebenarnya tidak ada tokoh barisan tiruannya, yang kita kata barisan alternatif, dia hendak panggil barisan juga. Alhamdulillah barisan tiruan ini antara PAS dengan DAP, sudah jatuh talak politik, hanya hendak menunggu keputusan mahkamah orang ramai sahaja untuk mengesahkannya. Setiausaha Agung kata 'no', kita baca, yang sebenarnya pembangkang PAS terutamanya tidak ada agenda.

Tidak ada agenda hanya bermain dengan sentimen politik sempit. Dahulu diputar belitkan isu Tengku Razaleigh Semangat 46 putar belitkan masyarakat ambil alih Kelantan, sekarang dijual pula isu bekas Timbalan Perdana Menteri, diambil alih Terengganu, pura-pura menyokong Timbalan Perdana Menteri, IKD sana tahu di sini dibelasahnya.

Bekas Timbalan Perdana Menteri, menyokong konon-kononnya berpura-pura hanya sebenarnya menanggung di air yang keruh. Saya hendak bertanya, yang sebenarnya PAS tidak ada perjuangan hakiki

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biarkan dia habiskan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kelantan sebagai contoh, bail out RM100 juta duit rakyat untuk menyelamatkan air Kelantan, betul ke tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kawasan balak diberi kepada kawan-kawan dia, kroni-kroni dia. Betul ke tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Anak-anak syarikat Kelantan semuanya rugi, betul ke tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terengganu, hendak jadikan popular kerajaan baru, hapuskan sumber-sumber pendapatan, hapus cukai, tol, cukai pintu, pendapatan tidak ada, lepas itu hendak menguruskan kerajaan,

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, duduk semualah Yang Berhormat. Apa ini?

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang sebenarnya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, duduk.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang kata pusing kepala, kepala tidak betulkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya hendak bertanya

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rompin, masuk kepada rang undang-undang.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya, saya hendak tanyakan Perlembagaan. Saya berterima kasih, syabas kepada kerajaan, pada hari ini membentangkan pindaan Perlembagaan, mengukuhkan lagi urusan pentadbiran negara dengan mengadakan pindaan pada hari ini, pindaan SPR. Wanita, belah sana konon kerana konon membela wanita, dahulu kita tahu, tok guru dia kata, wanita tidak boleh jadi pemimpin, betulkah tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Pemimpin dia kata, wanita tak boleh kerja, duduk di rumah sahaja. Betulkah tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Baru ini konon hendak membela wanita. Kita yang sebenarnya membelanya, tidak usah cakaplah! Buat dahulu sebelum cakap, ini cakap sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta duduk sekejap. Ya, terima kasih. Minta Yang Berhormat Menteri mengemukakan Usul.

USUL

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan

Daripada Peraturan Mesyuarat

4.32 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan:

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2 2001 dan diluluskan dan selepas itu Dewan akan meneruskan dengan urusan Usul Ucapan Penangguhan dan setelah itu Dewan hendaklah ditangguhkan esok hari Khamis 2 Ogos 2001."

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Perbahasan disambung semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila Rompin, sambung.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Saya dalam kesempatan ini juga syabas kepada kerajaan, bahawa dengan pindaan Perlembagaan ini menunjukkan bahawa kerajaan tetap mendukung, menyokong demokrasi di negara ini. Dan harapan kita supaya semua pihak mendukung demokrasi, bukan hanya cakap sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dalam DAP contohnya, dia

sudah tidak boleh hendak bersama dengan PAS ini, PAS tidak boleh menerima politik ekstrem perjuangan sekular kebangsaan Cina dan PAS tidak boleh menerima pula dukungan cara PAS yang mirip kepada perjuangan ekstrem ala yang dikatakan dalam banyak akhbar luar dunia kemungkinan mereka ini ala Syiah dan ala Teliban, orang luar negara kata. Bacalah surat khabar.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Sebab itu saya mengatakan bahawa, ini kita mesti mempelopori politik dan kita tunjuk dalam kelompok-kelompok kita, macam DAP sendiri, Setiausaha Agung, bagus kita, kalau kita mahu menyokong kita mempelopori demokrasi dalam parti kita sendiri. Betulkah tidak?

Beberapa Ahli: Betul!

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tetapi..., DAP, adakah demokrasi dalam DAP?. Sepatutnya Ketua DAP dalam Dewan, mesti Ahli Dewan, mengapa Ketua DAP

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rompin, minta berucap di atas rang undang-undang ya.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya bercakap tentang demokrasi, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, baru masuk, saya kata kita mahu menegakkan demokrasi, kita mahu mempelopori demokrasi, kita buktikan demokrasi dalam kelompok dan parti kita.

Tuan Yang di-Pertua, bermakna kalau kita mahu Perlembagaan negara itu mesti demokrat dan parti kita mesti demokrat, bukan cakap, tetapi kita laksanakan sendiri. Itu hakikatnya. Barulah rakyat boleh terima apa yang kita hujah tetapi kalau dalam parti kita tidak ada demokrasi, yang sebenarnya DAP, yang di sini tidak usah hendak haraplah untuk jadi pemimpin DAP. Setiausaha Agung, apa dia cakap, Lim Kit Siang, tukar balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup. [*Ketawa*]

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya minta satu sahaja. DAP, pemimpin akan datang tidak usah harap yang di sini, pemimpin yang akan datang adalah anak Lim Kit Siang seperti juga yang belajar dengan abang dia yang di Singapura. Saya dengan ini, kalau kita mahu melihat benar-benar demokrasi, kita praktikkan sendiri dalam kelompok dan parti kita.

Terima kasih, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Shah Alam.

4.35 ptg.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan keizinan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Pindaan Perlembagaan.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, bahawa pindaan Perlembagaan rang undang-undang ini adalah merupakan satu pengukuhan kepada rang undang-undang tubuh yang telah pun tersedia ada. Saya amat tertarik hati untuk sentuhan yang telah pun dikemukakan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini terutama daripada pihak pembangkang yang dikemukakan oleh Kuala Terengganu dalam menentukan bahawa kononnya pihak PAS inilah yang memperjuangkan dan mempeloporkan hak asasi dan kebebasan wanita, walaupun kita tersedia maklum bahawa mengikut rekod dan juga apa yang berlaku di bawah negeri yang ditadbirkan oleh PAS ini banyak penyelewengan yang menyekat kebebasan wanita untuk menja sebagai warga yang boleh memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa bukan hanya diskriminasi terhadap wanita yang berlaku di kalangan kepimpinan PAS kepada pembangunan negara hatta sekali pun diskriminasi terhadap bangsa-bangsa yang lain dalam negara ini.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar saranan serta jeritan yang dilaungkan oleh pemimpin PAS bahawa kita menentang UMNO, bukan kerana namanya UMNO, kita menentang UMNO kerana UMNO itu berkawan dengan orang kafir dan darah UMNO itu adalah halal bagi orang-orang PAS, apakah bentuk pemikiran dan juga penerangan serta maklumat yang disampaikan kepada penyokong-penyokong PAS di peringkat akar umbi. Ini adalah satu kegilaan politik yang berlaku dalam tanah air kita pada hari ini. [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, mintalah berucap di atas tajuk ya. Tolonglah, ya tolonglah, dengan kerana banyak sangat yang berucap di atas perkara yang luar daripada tajuk.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya sebut kerana menyentuh tentang fasal diskriminasi yang kita lakukan terhadap jantina. Dan dalam mengukuhkan perundangan ini, kita menentukan bahawa jantina itu dimasukkan oleh kerana kita tidak mahu berlakunya diskriminasi kepada mana-mana gender dalam pembangunan negara tetapi apa yang berlaku

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, banyak dah, ramai yang berucap dalam perkara yang sama.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya cuma mengambil peluang

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Kinabatangan bangun Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Saya beri laluan kepada Kinabatangan.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan Yang Berhormat Shah Alam. Tuan Yang di-Pertua, daripada kelmarin, jadi saya hendak bertanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat hendak menyatakan kepada pihak pembangkang bahawa kami penyokong-penyokong kerajaan ini bukan rubber stamp, bukan pak turut, bukan tukang angguk.

Di mana pada 1984 di Parlimen ini juga telah membahaskan satu Perlembagaan berkenaan dengan Raja-Raja pada ketika itu Ahli Parlimen Pengkalan Chepa, Nik Aziz sekarang Menteri Besar Kelantan, menyatakan bahawa pada ketika itu perbahasan kita seolah-olah ala Firaun menghakis kuasa Raja-Raja tetapi yang anehnya pada baru-baru ini Dewan Undangan Negeri Kelantan pula,...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah.

Tuan Bung Moktar bin Radin: ia lebih dari Firaun, saya sokong Sultan Kelantan, jangan tandatangan itu kelulusan. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasihlah, saya bersetuju 100% dengan pandangan Kinabatangan. Kerana pada pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat, mereka ini bercakap tidak serupa bikin. Macam Yang Berhormat bagi Pokok Sena kata mereka ini semua golongan-golongan haprak yang ada dalam Dewan ini.

Bila bercakap tentang soal fasal Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan bahawa untuk menggantikan perkataan "keturunan dan tempat lahir" dengan perkataan "keturunan tempat lahir, jantina", yang ini saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka ini, dok bawa Usul untuk hendak buat masuk dalam elemen baru kefahaman politik dan keahlian parti, Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa Perlembagaan Persekutuan adalah satu pegangan yang tertinggi dalam institusi Parlimen dan juga pemerintahan negara yang kita dukung. Dan kita sedar bahawa tidak ada mana-mana peruntukan pun dalam Perlembagaan ini yang memberikan soal-soal kelebihan dan kekurangan yang berasaskan kepada pemikiran dan fahaman politik dan hampir 43 tahun Kerajaan Barisan Nasional memerintah negara ini, setiap kali maklumat yang dipinta tentang adakah diskriminasi tentang pembahagian harta kekayaan, soal biasiswa, soal untuk mendapat tempat pendidikan, tidak pernah pun kerajaan yang didukung oleh Barisan Nasional ini mendiskriminasikan anak-anak yang walaupun secara jelas dan nyata yang didukung oleh pihak-pihak pembangkang.

Dan kita tahu bahawa bagaimana kerajaan telah pun melakukan gerakan kerja untuk membangunkan negara ini dengan membukakan ladang dan ladang itu dijadikan sebagai hutan itu dibuka untuk menjadikan ladang, diberikan tanaman, diberikan baja, dibuahkan hasil dan kita sedar bahawa dengan keracunan pemikiran dan juga peperangan dakyah yang dibuat oleh pembangkang yang meracuni pemikiran rakyat, bahawa penerokapeneroka FELDA dan anak-anak FELDA yang mendapat nikmat hasil daripada perjuangan UMNO itu pun dinodai oleh perjuangan yang dilakukan oleh mereka yang tidak tahu bersyukur dan berterima kasih hasil perjuangan yang kita lakukan pada hari ini.

Inilah yang dikatakan tuntutan meritokrasi yang telah pun mereka laungkan. Perdana Menteri, Dr. Mahathir mengatakan bahawa untuk hendak memperingatkan...[*Ahli-ahli Pembangkang bersorak*] [*Boo*] Beri chance kita bercakap. Ini platform yang saya dapat. Kalau berkata tentang *decorum* demokrasi macam Parit Buntar kata, standard *world-class*, marilah, ini terjerit-jerit macam tidak tentu arah ini, apa halnya ini? [*Ketawa*]

Dr. Mahathir hendak beri satu kejutan kepada kita, secara rasional yang terbuka, bagi peringatan bahawa selama ini asas pertimbangan utama untuk kita maju kita berkongsi kuasa antara orang Cina, orang Melayu, orang India dalam Dewan ini. Ini termaktub dalam Perlembagaan sebagai

satu manifestasi tuntutan untuk kita bekerja sebagai satu pasukan untuk membangunkan negara. Tidak pernah orang Melayu dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, kita rompak harta orang Cina kita beri kepada orang Melayu, kita rompak harta orang Melayu kita beri kepada orang India, kita rompak harta orang Dayak kita beri kepada orang Iban tetapi kek ekonomi ... [Ketawa]

Beberapa Ahli: Sama, sama.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Orang yang sama? Ha, minta. Orang Bidayuh – kita rompak harta orang Iban kita beri orang Bidayuh, betul?

Seorang Ahli: Itu betul.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tidak pernah dalam sejarah kita tetapi kita bangunkan kek ekonomi ini daripada peringkat demi peringkat jadi besar, kemudian nisbah ini baru kita bagi. Secara keindukannya yang disebut oleh Bagan Datok bahawa keindukannya orang-orang Melayu ini telah pun dijajah hampir 450 tahun yang lampau. Kita bukan ada dalam satu padang permainan yang sama. Kalau hendak bandingkan orang Melayu ada padang permainan di sini, orang Cina di sini, orang India di sini, melalui proses Dasar Ekonomi Baru inilah, bukan kita menentukan bahawa soal meritokrasi ini yang menjadi soal asas pertimbangan utama. Kalau hendak jadikan asas meritokrasi ini kita lihat apa yang berlaku di negara Temasek, di negeri Tasek di Selatan kita yang adik dia ada dekat sini yang tadi Rompin sebut walaupun banyak pemimpin di sini – Seputeh, Bagan dekat sini bercakap bagai hendak rak tetapi kena ada *remote sensing*. Tahu atau tidak *remote sensing* apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, Yang Berhormat.....bukannya.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut soal meritokrasi, tentang hak ini.

Tuan Yang di-Pertua: Emm, bukan caranya tu.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Jadi, saya ingin sebut bahawa dalam pindaan Perlembagaan ini, Tuan Yang di-Pertua, yang saya lihat tidak ada satu pun peruntukan yang terpaksa kita pinda yang melakukan *fundamental shift*, tidak ada! Apa yang saya lihat ini adalah hanya cuma satu proses pengukuhan kepada Perlembagaan yang kita dukung dan ini membuktikan bahawa 43 tahun Kerajaan Barisan Nasional sepuluh kali pilihan raya telah pun kita lakukan dan bukan hanya itu sahaja. Ini membuktikan bahawa demokrasi masih terus membara, masih terus tetap hidup dalam negara ini.

Walaupun Pokok Sena kata bahawa proses demokrasi sudah pun dicabut dalam negara. Ini adalah merupakan hubaya-hubaya, dakyah yang dibuat oleh pembangkang pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..Yang Berhormat..masa sudah cukup. Saya minta kementerian menjawab. Saya ingat benda-benda yang sama telah pun diucap berulang-ulang, sudah lama, seramai 20 orang yang berucap. Cukuplah, cukup. Yang Berhormat Menteri menjawab, ya.

4.45 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada setiap ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan, teguran, cemuhan, sokongan, kelukaan dan sebagainya. Saya juga dapati daripada 20 orang yang berucap membahaskan rang undang-undang pindaan Perlembagaan (No. 2) tahun 2001 ini tidak kurang sebanyak itu juga yang mencelah. Jadi, kalau kita campurkan ahli-ahli yang mencelah dengan ahli-ahli sebenar *substantive* yang berucap, hampir 40 orang yang berucap membahaskan rang undang-undang ini. Ada pihak-pihak yang mencelah merasakan bahawa mencelah itu seronok, sebenarnya terkepit. [Ketawa] Mereka tidak tahu bahawa sebahagian daripada pandangan mereka itu salah dan tidak tepat.

Pokok Sena kata, seksyen 37 Akta Penjara memberi hak kepada banduan khususnya banduan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk mendapatkan rawatan di luar negara sedangkan seksyen itu berkata, "*Berhak mendapat perkhidmatan perubatan hospital kerajaan jika asas-asas perubatan dalam penjara tidak cukup*". Itu satu contoh.

Tetapi Pokok Sena tidak begitu teruk berbanding dengan Kuala Terengganu [Ketawa]. Kuala Terengganu sudahlah modal tidak ada, gunakan buku orang. [Disampuk] Buku orang, orang punya fasal. Buku *Malay Dilemma* ditulis pada tahun 1970 itu Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad punya fasal, bukan Perdana Menteri. [Sorak] Kalau Kuala Terengganu merasakan bahawa

perlu menggunakan buku orang, saya boleh ibaratkan sebagai “menggoreng atas minyak orang, gorenglah atas minyak sendiri.” *[Tepuk]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Kita tidak cukup masa Tuan Yang di-Pertua, biarkan saya *[Disampuk]* sebab saya sudah duduk sini dua hari, jadi berilah peluang masuk minyak nombor satu dulu *[Ketawa]* dan kemudian masuk gear nombor dua.

Tuan Yang di-Pertua: Sudahlah, dia tidak beri jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kita sambung masa, dia kata tidak ada masa. Yang Berhormat sendiri membaca usul untuk menyambung...*[Sorak]*...usul untuk sambung.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sabar, sabar dulu. Masa Yang Berhormat berucap saya tidak ganggu, saya senyum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Cukup, cukuplah, Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bukan ganggu, masalahnya masa. Yang Berhormat kata tidak ada masa tetapi kita ada usul untuk menyambung.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat...Yang Berhormat...sila, sila duduk, dia tidak bagi jalan. Yang Berhormat Kubang Kerian sila...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Lain kali tidak payah suruh dia baca usul, Tuan Yang di-Pertua. Baca usul apa, dia tidak mahu hendak beri jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Pokok Sena.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Pokok Sena jangan marah sebab saya faham pengalaman di Kajang memang memberi banyak skop untuk berucap. *[Ketawa]* Itu boleh dikeluarkan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan pandangan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebahagian daripada pandangan itu tentulah terpusat kepada politik dan perjuangan. Sebahagian lagi kepada pindaan. Sebenarnya ketiga belas pindaan ini adalah pindaan yang sentiasa diluahkan oleh rakyat tetapi apabila dibawa oleh kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir, oleh kerana kerja menentang dan membangkang itu menjadi asas kepada perjuangan nadi dan isi hati mereka, lantas melenting begitu sahaja.

Seorang Ahli: 46, 46.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Cuba fikir...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: 46 dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...Yang Berhormat...

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Cuba fikirkan bahawa peruntukan-peruntukan 8(2), peruntukan 119, peruntukan 45, peruntukan 56, 57, 160, ini semua adalah untuk memberi kesan bagi kita mentadbir negara atas dasar yang telah diskopkan dalam perjuangan selama ini. Jadi, bagi mereka yang tidak mahu berterima kasih saya kira, akan tetap tidak mahu berterima kasih.

Jangan dikatakan bahawa seseorang itu hilang budi atau hilang bicara. Boleh saya kata kepada belah sana pun pihak yang bertukar fikiran setelah menebus perjuangan, banyak! Salah seorang Presiden PAS dahulu ke mana perginya. Beliau kita tidak mahu sebut nama oleh kerana sudah tidak bersama kita, cuma perlu kita nyatakan:

Burung punai burung merbah;

Dari sawah terus terbang;

Anak sungai lagi berubah;

Inikan pula hati orang. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Cewahhh...[*Tepuk*]

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Barangkali sebelah sana sudah tidak tahu lagi berpantun ataupun menghayati sesuatu...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Menyampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Pokok Sena...tolonglah, tolong Pokok Sena ya.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim:...kecuali dari Kepong. Saya berterima kasih dan tahniah kerana Kepong masih pandai berbahasa.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya mukadimah itu nanti kalau saya teruskan jawapan yang setebal setengah inci ini mungkin tidak dapat saya sudahkan. Oleh itu, terus pergi kepada Jelutong.

Jelutong tidak setuju dengan pindaan untuk menjadikan teks bahasa Melayu sebagai teks sah dan beliau secara agak emosi menyatakan bahawa kes-kes mahkamah yang telah mendaftarkan pernyataan dan penghakiman mungkin bercanggah. Suka saya menyatakan bahawa kes-kes mahkamah yang diputuskan akan terus menjadi authority dan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan sudah termaktub dalam Perkara 152 dan juga seksyen 7 Akta Bahasa Kebangsaan dan ini tidak dapat kita robah lagi.

Lagi pula, mahkamah telah mentafsirkan peruntukan dari segi bukan sahaja dari lahiriah tetapi dari segi spiritnya atau semangatnya. Pakar-pakar dari Dewan Bahasa, pakar-pakar dari Peguam Negara dan juga universiti tempatan memberi dukungan kepada tafsiran dan terjemahan.

Mengenai kakitangan SPR, Yang Berhormat bagi Larut mohon supaya kakitangan SPR diambil secara terbuka. Sesungguhnya sebahagian besar dari perkhidmatan itu telah pun dibuka, cuma ada beberapa segmen dalam perkhidmatan itu yang tidak dibuka. Di atas keadaan yang perlu diteliti semula, saya yakin apa yang disebutkan dalam persoalan tersebut akan dapat dipertimbangkan oleh kerajaan dan beroleh sokongan daripada jabatan-jabatan yang berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, Keningau memperlihatkan beberapa fakta dalam pertanyaan beliau dan kedua-dua nama yang disebut oleh beliau sebentar tadi. Sesungguhnya pada Rlihan Raya Kecil N13 di Likas didapati nama-nama itu tidak ada menjadi sebagai pemilih. Saya tidak tahu bagaimana Yang Berhormat dapat data-data tersebut tetapi dari segi ulasan Jabatan Pendaftaran Negara, fakta itu perlu diperbetulkan lantaran iannya tidak tertera sebagai pemilih.

Permatang Pauh menyatakan bahawa pindaan ini tidaklah membenarkan cabaran....

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Keningau bangun, Yang Berhormat. Hendak beri jalan atau tidak?

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kepada Menteri. Apabila diperiksa perkara mengenai dengan nama yang diperkatakan tadi, bolehkah saya bertanya kepada Menteri sama ada kes yang telah dilaporkan dalam *Daily Express* itu adalah betul dan sama ada di dalam bukti bahawa orang yang berkeñaan Filipina berumur 50 tahun telah pun cuba mengundi dan oleh sebab itu dia telah ditangkap.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, Balkis Tahir yang dinyatakan ditangkap oleh polis sebagai melakukan perkara-perkara seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat bagi Keningau sesungguhnya telah menjadi kes, cuma yang hendak dinyatakan di Dewan ini ialah bahawa beliau tidak mengundi. Kesnya memang menjadi dokumen am.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat bagi Batang Lupar yakni mengenai keadilan yang wujud dalam bahagian urusan pusaka di bawah hukum faraid. Beliau meminta jaminan diberi supaya tidak timbul konflik dan sebagainya. Beliau menyatakan adakah undang-undang akan diwujudkan untuk memastikan tanggungjawab ini dijalankan. Perlu dinyatakan iaitu soal agama dan juga pentadbiran undang-undang syariah adalah terkawal di bawah beberapa instruments negeri yang khusus. Oleh itu, di bawah Perkara 125(1)(a) Perlembagaan Persekutuan telah dinyatakan di situ bahawa sifat autonomi sistem syariah sudah cukup wujudnya, justeru tidak perlu lagi dipertikaikan. Misalnya, Enakmen Keluarga Islam sudah ada dan juga Enakmen Jenayah Syariah juga telah wujud, apa-apa permasalahan yang wujud dan timbul dari masa ke semasa wajarlah ditumpukan kepada peruntukan-peruntukan tersebut dan apa-apa yang telah dipinda di bawah Perkara 8(2) Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipertikaikan lagi.

Dato' Haji Fadil bin Md. Noor: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat bagi Pendang bangun Yang Berhormat. Pendang bangun ya.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan tentang sebab saya juga membangkitkan soal enakmen yang diguna pakai oleh Mahkamah-mahkamah Syariah dalam mengendalikan kes pembahagian harta pusaka iaitu mengenai dengan faraid. Kebimbangannya ialah apabila Perlembagaan ini dipinda dan memberikan kesamarataan berasaskan jantina kemungkinan akan berlaku bidang kuasa dan peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam enakmen-enakmen yang diguna pakai oleh Mahkamah-mahkamah Syariah akan dipertikaikan oleh sesiapa sahaja yang ingin mempertikaikan. Ini telah terbukti kerana Menteri yang berkecuali mengatakan perkara itu terlindung dan terjamin tetapi dari segi undang-undang saya fikir tidak kerana undang-undang Perlembagaan adalah merupakan undang-undang yang tertinggi.

Satu kes yang berlaku di Kedah di sekitar awal tahun 1970'an di mana seorang yang asalnya seorang muslim 'Sunni' yang telah menganut ajaran Qadiani, menyebarkan fahaman Qadiani di kalangan pelajar-pelajar dan juga di kalangan orang-orang Islam di Utara Kedah. Kemudian, orang itu telah didakwa di Mahkamah Syariah atas kesalahan menyebarkan ajaran salah ke atas orang-orang Islam. Kesnya mula didengar dalam Mahkamah Syariah tetapi kemudian dia telah meminta deklarasi perisytiharan daripada Mahkamah Tinggi untuk menyatakan bahawa Mahkamah Syariah tidak ada kuasa untuk membicarakan apa-apa juga kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang bukan Islam kerana Majlis Fatwa Negeri Kedah dan saya fikir ini juga fatwa seluruh dunia Islam bahawa Qadiani adalah merupakan satu aliran yang terkeluar daripada ajaran Islam dan Mahkamah Tinggi Alor Setar pada waktu itu telah membuat satu perisytiharan bahawa Mahkamah Syariah di Alor Setar tidak ada kuasa untuk membicarakan orang yang berkenaan.

Jadi, inilah kebimbangannya apabila hak kesamarataan ini dijadikan sebagai satu bahagian daripada Perlembagaan kemungkinan akan ada orang yang akan mempertikaikan kesahihan pembahagian harta pusaka mengikut kaedah ilmu faraid. Bagaimana kesannya nanti. Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kes yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Pendang itu adalah kes khusus berkaitan dengan apa yang disebutkannya sebagai libatan dengan Qadiani. Jika itu yang berlaku, maka sesungguhnya seseorang yang bersifat atau berpegang kepada fahaman Qadiani tidak seseorang yang Islam. Itu adalah pandangan yang boleh kita buat secara interpretasi. Tetapi molek dan wajar saya tegaskan iaitu di bawah Perlembagaan kita urusan Mahkamah Syariah baik di bawah Perkara 5 ataupun perkara-perkara lain yang boleh dirujuk oleh Yang Di-Pertuan Agong kepada Mahkamah Persekutuan adalah atas urusan-urusan dan prosedur yang jelas. Oleh itu, tidak perlu kita pertikaikan lagi di perenggan ini apakah sesuatu kes itu mungkin berlaku.

Saya juga boleh memberi beberapa dalil yang menunjukkan bahawa pertikaian lain berlaku. Misalnya, seseorang yang telah memeluk agama Islam tetapi hendak keluar daripadanya kes-kes yang menunjukkan bahawa seseorang itu perlulah keluar daripada agama itu dengan kesahihan Mahkamah Syariah tidak memadai dengan *deep hole* semata-mata. Itu sudah jelas.

Jadi, dalam konteks Yang Berhormat kemukakan itu saya yakin bahawa memasukkan jantina di bawah Perkara 8(2) itu sesungguhnya memberi kesamarataan kepada kaum wanita. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Yang Berhormat Menterinya sendiri telah beberapa kali membincangkan hal ini sama ada dengan pihak saya atau dengan Peguam Negara dan akhirnya kita menentukan bahawa masanya telah sampai jantina itu tidak lagi menjadi urusan yang didiskriminasikan dalam kerajaan kita. [Tepuk]. Sekiranya PAS tidak berjaya membuat perkara ini biarlah kami yang buat di Barisan Nasional dan kita akan cuba dahulu menjalankan ikhtiar-hukum, ikhtiar-undang-undang agar dapat dirasai juga oleh para wanita di sebelah sana.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya meneruskan jawapan yakni berkaitan dengan

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bangun ya. Bukit Mertajam.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Kalau begini sampai malam kita Tuan Yang di-Pertua. [Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mendapat penjelasan mengapa Perkara 8 tidak dipinda bersama-sama dengan Perkara 14 dan Perkara 15 dalam Perlembagaan kerana ini adalah berkaitan. Dan Perkara 14 dan Perkara 15 juga mendiskriminasikan

wanita atas jantinya. Kalau berbanding dengan Perkara 56, 57 dan 65 bahawa perkara-perkara yang berkaitan telah dipinda sekali gus tetapi di dalam Perkara 8(2) mengapa? Bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan, dan juga tadi saya ada menimbulkan bahawa dalam bahasa Inggeris yang dipakai ialah 'gender' tetapi dalam bahasa Malaysia ialah 'jantina' dan adakah kita akan timbangkan bahawa kedua-dua perkataan ini dimasukkan? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Ada pepatah berkata Tuan Yang di-Pertua, 'Fikiran tidak datang sekali, pandangan tidak sesaujana', oleh itu yang difikirkan penting dahulu ialah Perkara 8 oleh kerana Perkara 8 mengandungi asas kepada kesamataran sedangkan Perkara 14, 15 mengenai warganegara. Hal warganegara amat rumit dan pada masa ini tidak perlu kita sentuh dahulu oleh kerana peruntukan-peruntukan khusus di bawah Undang-undang Kewarganegaraan perlu mendapat satu penelitian yang lebih khusus sedangkan di bawah Perkara 8(2) kita hanya perlu memberi taraf sama rata kepada wanita.

Tentang tidak digunakan istilah 'gender' atau 'sex' ini telah sempat dinyatakan dalam perbincangan dua hari yang lalu. Salah satu daripadanya perkataan 'sex' itu pada orang Melayu khususnya dan kepada rakyat Malaysia amnya membawa konotasi yang agak panas, '*sexual, sensuous, sexuality, sensuality*' dan sebagainya tidak memberi ketepatan kepada jantina. Dan 'gender' juga walaupun dimasukkan dalam beberapa protokol antarabangsa didapati bahawa ketepatan istilah itu tidak wajar dimasukkan dalam Perlembagaan kita sedangkan perkataan 'jantina' diterima pakai di dalam Kamus Dewan dan juga pakar-pakar istilah bersetuju penggunaan itu lebih afdal dan sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi kepada teguran dan pandangan Yang Berhormat bagi Bagan Datok yang mencadangkan supaya jawatan Panglima Angkatan Tentera dibuka kepada lain-lain perkhidmatan yakni melibatkan tentera laut dan tentera udara semasa kita membincangkan tentang nama pangkat daripada Ketua Turus kepada Panglima. Sukacita dimaklumkan iaitu pelantikan Panglima Angkatan Tentera adalah dibuat oleh Majlis Angkatan Tentera dengan persetujuan atau perkenan Yang Di-Pertuan Agong dan kuasa ini adalah seperti yang terkandung di bawah Seksyen 168 Akta Angkatan Tentera.

Sehingga kini amalan perlantikan Panglima Angkatan Tentera yang terdiri daripada Pegawai Tentera Darat adalah diasaskan kepada bilangan anggota tentera darat yang lebih besar jika dibandingkan dengan tentera laut atau udara. Di samping itu, juga kita mengambil kira peranan tentera darat dalam menangani masalah darurat pada ketika itu. Walau bagaimanapun, cadangan itu tentulah mendapat perhatian dan mungkin beroleh pandangan khusus daripada kementerian berkenaan di perenggan yang kemudian.

Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Pilah membangkitkan hal pencen dan beliau menyatakan bahawa balu yang berkahwin lagi terhenti pencennya sedangkan duda tidak demikian. Ini juga dibahaskan dalam konteks Perkara 8(2) Perlembagaan yang dipinda. Kedudukan pencen bagi balu dan duda sama sahaja iaitu pencen akan terhenti jika mereka berkahwin lain. Bagaimanapun, kerajaan akan mengkaji saranan Yang Berhormat supaya pencen diteruskan walaupun seseorang balu atau duda berkahwin lain tetapi perkara ini adalah perkara yang spesifik dan sekiranya kes-kes yang mungkin hendak dikemukakan itu ada dalam pegangan Yang Berhormat perlulah dikemukakan kepada Bahagian Pencen yang berkenaan. Di bawah Undang-undang Pencen sekarang tiada unsur diskriminasi yang berasaskan jantina dalam peruntukan pembayaran pencen terbitan kepada balu atau duda ekoran kematian anggota pengkhidmat awam.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi mengenai cadangan supaya pangkat tertinggi Kor Agama (KAGAT) dinaikkan taraf kepada yang lebih tinggi daripada pangkat Brigadier General yang ada sekarang. Pangkat tertinggi yang ada sekarang dalam KAGAT iaitu Brigadier General sebenarnya ialah satu kenaikan taraf khas untuk penyandang yang baru dikuatkuasakan oleh kerajaan mulai dari 1 Julai 2000 yang lalu. Oleh itu, kerajaan telah pun sebenarnya mengiktiraf kepentingan kor ini dalam angkatan tentera.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat bagi Bagan Datok supaya gred kedua-dua jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat dipertingkatkan ke gred yang lebih tinggi dan peluang kenaikan pangkat kepada pegawai-pegawai yang menjawat jawatan tersebut, jabatan telah mengiktirafkan masalah-masalah yang timbul tetapi terhadap kedudukan jawatan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya perkara ini akan membawa kepada perhatian agensi pusat untuk tindakan sewajarnya. Sementara itu, jabatan telah pun mengambil perhatian dan tindakan pembetulan, teguran-teguran yang lain akan disempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Hulu Terengganu iaitu tahun ini tempat pendaftaran pemilih menurut atau ujar beliau adalah berkurangan. Tempat-tempat pendaftaran yang ditetapkan seperti tahun-tahun yang lepas dan tidak ada perubahan yang menonjol ataupun yang besar. Sambutan yang kurang mungkin kerana tempoh pendaftaran berlaku di luar musim pilihan raya.

Berkaitan dengan Pindaan 119 amnya perlu ditegaskan untuk penjelasan iaitu pindaan ini membawa dua faktor asas. Faktor pertama, masa pengiraan atau tarikh yang diambil kira bagi tujuan undang-undang ialah tarikh seseorang itu memohon sebagai pemilih.

Yang kedua, sekiranya ia memohon menukarkan tempat dia hendak mengundi itu pun diambil kira sebagai tarikh-tarikh rasmi yang menunjukkan kesahihan dan juga kedudukan sebenar berkaitan dengan dirinya sebagai pengundi. Terdahulu daripada ini hanya tarikh daftar pemilih yang diambil kira tetapi daripada teguran-teguran yang dibuat oleh berbagai pihak, nampaknya kedua-dua fakta ini tidak disebut dan kita diambil kira.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap lagi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sekejap lagi.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Perlu dinyatakan iaitu kedua-dua pindaan ini tidaklah kontroversi dan di dalam huraian yang telah pun saya umumkan supaya tidak diambil kira yakni ianya tidak merupakan satu aspek muktamad dalam pindaan ini walaupun pada suatu ketika nanti kemungkinan perlu setelah Suruhanjaya Pilihan Raya berkehendakkan pindaan di mana sifat muktamad itu dimasukkan kira dalam pindaan-pindaan sama ada di bawah Undang-undang Pilihan Raya ataupun di bawah undang-undang lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Keningau.

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Pindaan yang ada di hadapan kita ialah mengenai dengan qualifying date, dengan izin. Itu kita faham. Bagaimana dengan nama-nama orang yang telah dipindahkan begitu sahaja tanpa permintaan daripada mereka, tanpa pengetahuan mereka tetapi berlaku. Bagaimana dengan itu Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, diucapkan terima kasih di atas pandangan itu. Sebenarnya teguran seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Keningau juga dirasakan oleh ahli-ahli dari pihak pemerintah. Dan Suruhanjaya Pilihan Raya menerima banyak teguran juga bersabit dengan peristiwa yang selaras dengan apa yang disebut itu. Oleh yang demikian, proses yang paling jelas dan mudah ialah mulai berkuat kuasanya pindaan ini nanti satu urusan susulan perlu dibuat iaitu nama seseorang pemilih hendaklah dikhususkan penelitiannya dengan docket ataupun data yang ada di Jabatan Pendaftaran Negara. Sekiranya nama orang itu bersama dengan nombor kad pengenalannya tidak didapati sebagai warganegara dalam kotak ataupun daftar data Jabatan Pendaftaran maka dia tidak boleh mengundi. Dan di bawah perlembagaan juga berhak bagi seseorang menegur dan juga membuat aduan petisyen sama ada kepada SPR atau selepas sesuatu pilihan raya menjalankan tindakan undang-undang menerusi petisyen.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kepong, saya suka menyatakan telah mengambil dua aspek penting. Salah satu daripadanya ialah dari segi bahasa yang satu lagi dari segi peristilahan diskriminasi. Secara am izinkan saya menjawab bahawa pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan penggunaan bahasa yang betul dan juga cara olahan sintaksis ataupun susunan bahasa itu perlu mengikut susunan yang diterima dan tidak lagi seperti yang dikritik oleh sesetengah pihak perlu diterima dengan baik dan saya ingat atas pantun burung murai dan sebagainya itu, dalam pada demikian beliau menanyakan adakah diskriminasi yang disifatkan CEDAW itu merupakan sesuatu yang telah dikemaskinikan.

Saya maklum tentang konvensyen tersebut dan Malaysia sebagai salah satu daripada anggota konvensyen CEDAW pada tahun 1995 memang akur kepada keputusan tersebut dan memasukkan perkataan "jantina" dalam Perkara 8(2) ini adalah sedekat-dekat mungkin bagi kita memberi penjelasan dan kesempurnaan kepada tuntutan CEDAW itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pergi setapak lagi tentang tuduhan ataupun teguran, tiada wanita menjadi ketua hakim. Teguran seperti ini adalah biasa didengar tetapi perlu diambil kira iaitu hendak jadi ketua hakim bukanlah kepalang beratnya, tanggungjawabnya, pengalamannya. Sekiranya ada pada masa depan seseorang yang begitu bijak, luas pengalaman dan boleh berhujah dengan jelas

menggunakan lunas undang-undang yang benar-benar neutral dan mempunyai sifat-sifat yang positif kehakiman dan satu pandangan ikhlas serta membina daripada segi jurisprudens, saya tidak nampak halangan kenapa beliau tidak boleh sampai ke tahap itu dalam perlembagaan apatah lagi setelah dibuat pindaan di bawah Perkara 2. Tinggal lagi ...

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Sekejap lagi. Tinggal lagi pengalaman yang memakan masa 20 atau 30 tahun ini tentulah perlu diperhatikan oleh masyarakat dan semasa The Reid Commission 1957 diwujudkan oleh pihak berkuasa semasa itu diberi pandangan bahawa cara-cara melantik hakim seperti yang ada di bawah Perkara 125 itu adalah cara yang paling baik. Dan negara kita sudah pun mendapat faedah daripadanya walaupun beberapa teguran dibuat namun infrastruktur ataupun prasarana kehakimannya tetap dapat dipertanggungjawabkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya memang terima bahawa pindaan ke atas jantina ini ialah salah satu langkah untuk memenuhi tuntutan-tuntutan CEDAW, memang salah satu langkah. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan usaha untuk mengkaji semula reservasi-reservasi ini bilakah kita boleh mengumumkan apakah keputusan pihak kerajaan mengenai pertimbangan ke atas reservasi-reservasi.

Dan yang kedua, saya tidak khuatir dengan bilangan wanita di dalam bidang undang-undang termasuklah bilangan yang masuk ke kursus undang-undang IPTA sekarang, tidak lama lagilah mereka akan menjadi ketua hakim negara. Itu tidak jadi masalah.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tentang CEDAW sebentar tadi, biar saya bacakan sedikit petikan daripada The Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Women. Atau secara ringkasnya The CEDAW Convention. Dia kata di sini, "Malaysia has become a party in 1995". Keadaan sedemikian juga Artikel 2 menyatakan bahawa pihak-pihak yang berkenaan mempunyai tanggungjawab supaya menampilkan pandangan serta konsep bahawa wanita tidak didiskriminasikan. Atas tujuan itu kita telah berjaya pada hari ini dan yang Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga telah tiga kali menyebut peruntukan ini supaya kerajaan mengambil perhatian sekiranya pihak pembangkang merasa bahawa dengan keikhlasan Perdana Menteri mewujudkan kementerian ini ada faedahnya. Sekurang-kurangnya perkataan terima kasih dan penghargaan itu harus kita kemukakan kepada beliau. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, mengenai teks sah dan tidak sah ini, secara ringkaslah, izinkan saya menyatakan iaitu perjuangan Bahasa Kebangsaan sudah berjalan semenjak tahun 60-an. Kita masih ingat bagaimana Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail dan kawan-kawan cuba memperkasakan bahasa kita tetapi pada hari ini apabila Kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Dato' Seri Dr. Mahathir cuba hendak menjelmakan impian itu setapak lagi dalam bentuk pegangan kita dalam Perlembagaan, masih ada yang tidak setuju. Ini kepala apa yang kita pakai? *[Ketawa]* Pemikiran apa yang kita ajukan?

Apa salahnya dikatakan, "Baiklah, sekarang bahasa Melayu atau Bahasa Kebangsaan menjadi bahasa rasmi *in toto*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam dokumen-dokumen penting kerajaan, khusus dalam Perlembagaan kita. Tinggal lagi sekiranya satu atau dua istilah tidak kena, ini biasalah, "gading mana tidak retak", "bumi mana yang tidak ditimpa hujan", bahasa yang kita pakai sini pun yang bukan-bukan juga kadang-kadang terutama sebelah sana.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya, sila, sila, Machan g.

Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor: Terima kasih. Saya sebenarnya menyokong dengan pindaan dengan menambah Perkara 160B ini. Walau bagaimanapun, saya berkongsi bimbang dengan wakil dari Jelutong oleh kerana kalau kita silap menterjemah teks asal iaitu dalam bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu, mungkin ia akan menyebabkan secara tidak langsung pindaan kepada Perlembagaan.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut bahawa di dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Malaysia iaitu dalam Senarai Kedua, ada dinyatakan dalam bahasa Inggerisnya, "*Creation and punishment of offences by persons professing religion of Islam against precept of that religion*". Dalam bahasa Malaysianya diterjemahkan, dengan perkataan "*mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam*".

Precept of Islam diterjemahkan kepada Rukun-rukun Islam. Rukun-rukun Islam adalah satu istilah dalam agama kita iaitu ada lima rukun termasuk sembahyang, berzakat, haji dan sebagainya. Rukun dalam bahasa Inggeris selalunya dalam buku-buku bahasa Inggeris disebut '*pillars of Islam*' tetapi dalam terjemahan Perlembagaan Malaysia ini, '*precept*' iaitu ajaran diterjemahkan dengan perkataan rukun-rukun.

Jadi, mengikut undang-undang yang ada sekarang, enakmen-enakmen yang membuat hukuman terhadap khalwat dan sebagainya adalah di bawah peruntukan ini, *the precept of Islam* sebab khalwat dan sebagainya itu adalah dibuat mengikut ajaran Islam tetapi kalau hendak digunakan, kalau kita guna pakai Rukun Islam, nanti undang-undang khalwat sendiri pun tidak akan boleh dikatakan *ultra vires constitution* ertinya di luar daripada Perlembagaan sebab ia bukan sebahagian daripada Rukun Islam, bukan sebahagian daripada sembahyang, bukan sebahagian daripada zakat, bukan sebahagian daripada haji dan sebagainya.

Jadi, dalam hal ini, saya minta Menteri yang berkenaan memberi jaminan kepada Dewan ini, jika ada terdapat kesalahan-kesalahan dalam terjemahan Perlembagaan dalam bahasa Malaysia yang akan ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai teks yang sebenar dan sebagainya, apakah *remedy* ataupun apakah yang boleh kita buat untuk membetulkan keadaan itu? Inilah yang saya rasa yang perlu diterangkan kepada Dewan ini supaya apa-apa kesalahan atau kesilapan dalam teks itu, boleh diperbaiki. Itu sahaja.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Pandangan itu sesungguhnya sesuai dengan semangat Perlembagaan yang sentiasa diubahsuai dari semasa ke semasa untuk memperbaiki kerukunan hidup kita di bawah satu negara. Tadi saya nyatakan tidak ada aspek sempurna dalam mana-mana buku yang diperbuat oleh kita atau oleh manusia dan menurut pandangan Islam, tentulah yang sempurna hanya Al-Quran.

Oleh yang demikian, sekiranya dari semasa ke semasa didapati percanggahan erti, istilah atau takrif yang lain ditonjolkan perkara ini dan kita akan cuba memperbaiki. Perlu ditegaskan iaitu mahkamahlah yang akan menjadi *arbiter* terakhir ataupun pemutus timbang tara yang terakhir dalam soal sesuatu perselisihan.

Saya suka membawa satu contoh iaitu perkataan "*inkhaz*" dalam perkataan Arab, juga membawa pengertian "tahanan" ataupun *prevention*. Banyak pihak tidak setuju bahawa tidak ada konsep *prevention detention*, kata mereka dalam hal-hal yang berkenaan, sedangkan perkataan ini juga digunakan dalam banyak dokumen dan enakmen di Timur Tengah tetapi ini hanyalah salah satu daripada istilah yang relevan pada masa kita membahaskan sesuai atau tidak sesuainya sesuatu istilah itu kita kemukakan. Teguran itu kita terima.

Yang Berhormat bagi Pendang meminta supaya pandangan kerajaan diberi tentang pendaftaran sepanjang tahun. Beliau ingin tahu sama ada proses bantahan seperti yang ada sekarang akan dikekalkan. Suruhanjaya Pilihan Raya akan mengekalkan proses tuntutan bantahan dan siasatan awam yang ada sekarang bagi memastikan bahawa orang yang tidak layak dapat dikeluarkan atau tidak dimasukkan ke dalam daftar pemilih dengan bantuan maklumat yang diperolehi semasa proses itu dijalankan.

Juga beliau khawatir tentang istilah "mastautin", satu lagi perkataan Arab. Dalam konteks daftar pemilih, tempat bermastautin seseorang itu ialah tempat tinggalnya yang tetap atau lazim semasa dia memohon untuk didaftarkan sebagai pengundi atau semasa dia memohon untuk menukar bahagian pilihan rayanya.

Kedua pertanyaannya ialah berapa lama bila ia sudah berpindah, baru dia layak menjadi pemilih di tempat yang baru. Undang-undang tidak menetapkan tempoh masa untuk seseorang pemilih yang berpindah ke bahagian pilihan raya yang lain memohon pertukaran pendaftarannya itu.

Untuk makluman Yang Berhormat, tahanan reman yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang adalah orang-orang yang belum didapati bersalah atau disabitkan atas sesuatu kesalahan. Oleh yang demikian, mereka tidak dipaksa untuk menjalankan kerja selain kerja yang patut untuk menjaga dirinya dan pakaiannya agar berkeadaan sempurna dan menjaga baik semua keadaan persekitarannya. Jika mereka berbuat demikian, mereka hendaklah mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan di bawah peraturan penjara, khususnya seksyen 49, Akta Penjara 1995.

Yang Berhormat bagi Pendang juga bertanya sama ada pindaan kepada Perkara 82 akan menjejaskan pembahagian pusaka di bawah hukum faraid. Suka kita menyatakan iaitu pindaan ini tidak akan menjejaskan pembahagian pusaka di bawah hukum faraid kerana ia merupakan undang-undang diri atau *personal law* yang dikecualikan di bawah Perkara 85A, Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada perkara-perkara *substantive* yang sempat saya kemukakan dalam bentuk jawapan ini, sebahagian daripada hujah terutama dari pembangkang ialah memperkecil-kecilkan segala yang telah diperbuat oleh kerajaan ini. Saya tidaklah merasa gusar untuk mendengar ini semua tetapi yang pelik dan ganjil bagi saya setelah pada satu ketika dahulu pun berada di sana dan sekarang di sini, saya tidak malu untuk menyatakan bahawa pandangan positif dalam perjuangan apa pun, mesti diperbuat, mesti diasaskan kepada kenyataan.

Beradanya Yang Berhormat di depan anggota kerajaan ini adalah hasil daripada sistem Barisan Nasional yang memberikan peruntukan khusus bagi kebebasan untuk kita berdemokrasi. Macam-macam boleh dilakukan oleh mereka yang berkuasa semasa pilihan raya tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat merasa juga yang PAS nya 27; DAP nya 9; yang PBS nya 3; yang KeADILan nya 5; duduk di hadapan.

Apakah sistem ini tidak merupakan sistem yang dibentuk oleh Kerajaan Barisan Nasional? [Tepuk] Ini kita hendak soal seolah-olah segala yang diperbuat ini adalah salah belaka. Ini semacam menutup kepada apa yang hendak dihamburkan keluar, sebab semasa dua hari saya lihat bengis-bengis, marah-marah, benci-benci. Bila masanya untuk kita meredakan keadaan ini? Jadi, atas pandangan jauh pucuk pemimpin Barisan Nasional, Perdana Menteri kita telah diarah supaya mencari jalan bagaimana supaya sistem pilihan raya kita dijalankan dengan aman dan damai.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ada yang..

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Usaha ini dapat dijalankan sepenuhnya tetapi kita akan berusaha ke arah itu dan apabila pindaan-pindaan itu dikemukakan nanti, saya berharap bila patut berterima kasih sebutlah syukur alhamdulillah. Bila patut kritik, boleh dikritik; tetapi *positivism*, izinkan saya menggunakan perkataan ini, harus kita lampirkan bersama.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: [Bangun]

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri jalankah? Ataupun Yang Berhormat memang sudah habis.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: sebab dua orang berdiri, Tuan Yang di-Pertua, tidak tahulah apa sebab mereka berdiri, saya fikir hak saya sudah siap.

Tuan Yang di-Pertua: [Ketawa]. Lagi sudah tidak ada.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya fikirkan kalau hendak dibenarkan penutupan itulah yang disampaikan dan saya diucapkan berbilang-banyak terima kasih. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis sudah Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. Mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2001 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5) saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, penghitung-penghitung undi sila ambil tempat masing-masing.

Pengundian dijalankan sekarang.

- Kumpulan A – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting;
- Kumpulan B – Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting;

- Kumpulan C – Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail;
- Kumpulan D – Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis;
- Kumpulan E – Dato' Mohd. Zain bin Omar; dan
- Kumpulan F – Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, keputusannya ialah; Ahli-ahli yang bersetuju ialah 172; [*Tepuk*] Yang tidak bersetuju tidak ada [*Tepuk*], dan yang tidak mengundi tidak ada.

YANG BERSETUJU:

172

YANG TIDAK BERSETUJU

- *Tiada* -

YANG TIDAK MENGUNDI

- *Tiada* -

[Nama Ahli-ahli Dewan yang bersetuju, yang tidak bersetuju dan yang tidak mengundi akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Tuan Yang di-Pertua: Oleh yang demikian, rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 dan 2 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 3 -

Tuan Kerk Kim Hock: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka sekejap ya Yang Berhormat. Oleh sebab saya tidak nampak siapa yang membangkang tadi jadi makna kata ia telah pun dipersetujui termasuk Yang Berhormat juga.

Tuan Kerk Kim Hock: Ya, saya setuju tetapi saya...

Tuan Pengerusi: Tetapi kalau sekiranya Yang Berhormat telah bersetuju maka tidaklah boleh dipindahkan lagi [*Ketawa*]

Tuan Kerk Kim Hock: Boleh pinda. Maksud saya, saya tidak ada peluang untuk meminda. Pada masa itu, itu secara am sahaja, tidak boleh pinda pada masa itu. Selalunya pindaan cuma boleh dibuat di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Tan Kok Wai: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi: Cheras bangun ya. Cheras hendak kata apa?

Tuan Tan Kok Wai: Yang Berhormat bagi Kota Melaka termasuk kita di sini menyokong secara am tetapi sekarang kami datang ke peringkat Jawatankuasa, ini secara khusus.

Tuan Kerk Kim Hock: Kita tidak boleh pinda pada peringkat tadi.

Tuan Tan Kok Wai: Ada perbezaannya Tun. *[Disampuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Pindaan cuma boleh dibuat di peringkat Jawatankuasa. Mereka semua senyum sahaja tengok, mereka hendak dengar ucapan kita *[Ketawa] good mood today, everybody's have a good mood today.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kota Melaka, sila duduk ya. Pada fikiran saya, sudah kita bersetuju di atas dasarnya maka tidak boleh, bermakna kita bersetuju di atas kesemuanya. Jadi yang demikian tidak boleh dipinda lagi.

Tuan Kerk Kim Hock : *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka, jikalau sekiranya dipinda, katalah dipinda, ada orang yang tadi bersetuju dengan tidak dipinda, jadi dia menjadi masalah besar. Jadi, yang demikian Yang Berhormat, keputusan saya dan ruling saya, cadangan pindaan Yang Berhormat itu tidak boleh diterima sekarang. *[Dewan gamat seketika] [Tepuk]*

Tuan Kerk Kim Hock: Kalau tidak boleh, saya ambil bahagian hendak bangun.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Kerk Kim Hock: Yang Berhormat.....tidak payah bangunkah?

Tuan Pengerusi: Ya,ya, betul.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Jikalau hendak buat komen apa-apa, boleh. Tetapi, jika hendak buat pindaan, tidak boleh, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Perbahasankah ini?

Tuan Pengerusi: Ya, baiklah jika Yang Berhormat hendak buat pindaan, bagaimana pula ini? Tidak boleh Yang Berhormat. Jika sekiranya yang menggunakan perkataan "dipinda" tidak bolehlah, ya.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk] [Dewan gamat seketika]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kota Melaka, cukuplah, cukuplah. Ya, ya, baiklah.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini menggunakan taktik kotorlah Tuan Pengerusi. *[Dewan gamat seketika]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, cukuplah. *[Dewan gamat seketika]* Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah. Yang Berhormat hendak bagi komen apa-apa, boleh. Tetapi, Yang Berhormat tidak boleh mengatakan yang ini patut dipinda dan sebagainya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, silakan.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Ketawa]* Saya memang tidak bersetujulah dengan penafsiran yang telah dibuat oleh Tuan Pengerusi. *[Dewan gamat seketika]*. Sebab saya tidak tahu di mana satu peraturan yang telah digunakan oleh Tuan Pengerusi untuk menolak cadangan saya, oleh kerana selama ini saya tidak tahu ada penafsiran sedemikian. *[Dewan gamat seketika]*. Walau bagaimanapun, keputusan belah bahagian tadi telah menunjukkan kesanggupan dan pembangkang untuk menyokong apa yang baik untuk negara walaupun sememangnya kita mempunyai resolusi yang kita telah mengutarakan termasuk apabila saya berucap tadi, saya telah menanyakan satu soalan, apakah sebabnya menteri tidak membentangkan kertas putih dalam Parlimen ini dan menteri mengganggu kepala tetapi bila menjawab pun, dia tidak jawab langsung soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal-fasal ini, *sorry*, minta maaf Tuan Pengerusi, oleh kerana cadangan saya telah ditolak, nampaknya sukarlah bagi saya untuk mengutarakan pendapat saya.

[Dewan gamat seketika] Tetapi, itu tidak bermakna bahawa saya menerima keputusan Tuan Pengerusi. Tetapi, Parlimen yang kita ada sekarang ini, memang tidak tahulah seperti pernah dikatakan Tuan Pengerusi, *challenge pun with the time*. Itulah yang memang menyakitkan hati kita pada hari ini. Tadi saya ada berucap berkenaan dengan cara kerajaan harus menunjukkan komitmennya supaya kesaksamaan wanita itu boleh dilaksanakan secara menyeluruh. *[Sorak]*

Tetapi, walaupun saya sokong dengan hati yang ikhlas, Menteri langsung tidak sebut nama saya. *[Ketawa]* *[Dewan gamat seketika]*. Pandangan baik itu, dia tidak sebut. Dia kata seolah-olah kita ini semua bengis sahaja. Jadi, saya harap kerajaan sendiri perlu membuang sifat prejudis terhadap pembangkang. Kita bangkang, tidak benci walaupun rakyat ada ketidakpuasan hati, mereka tidak benci kerajaan. Jadi, saya harap sekarang, Menteri yang bertanggungjawab boleh menjawab hujah-hujah saya tadi. *[Dewan gamat seketika]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Pihak menteri.....*[Dewan gamat seketika]* Nanti sekejap, ada seorang lagi ini bangun.

Tuan Bung Moktar bin Radin: Pantun, pantun. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak pantun pula? *[Ketawa]* Bagaimana bunyi gendang, begitulah tarinya.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Saya ada pernah dengar ucapan Yang Amat Berhormat yang mengatakan dia pun tidak mahu pak-pak turut sahaja.

Beberapa Ahli: Betul, betul.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya tidak akan membuang banyak masa, cuma cukup kita.....*[Disampuk]*

Tuan Pengerusi: Fasal 3, ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Ya? Fasal 3? Ya. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Fasal 3? Saya ada baca. Jangan bisung dululah. *[Ketawa]*.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]*.

Dr. Tan Seng Giaw: Jadi, tidak ubah langsung, kita hendak ubah. Saya lihat di dalam Perhimpunan UMNO..... *[Disampuk]* *[Diganggu]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, ya, Fasal 3 itulah. Fasal 3 itulah. Ya, memang Tuan Pengerusi, dengan ringkasnya di bawah Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan, tidak boleh ada diskriminasi terhadap warganegara atas alasan agama, ras, keturunan, tempat lahir dan sekarang jantina. Tetapi, saya hendak tekankan sekali lagi definisinya kerana diskriminasi jantina ini, dia tidak serupa dengan diskriminasi yang lain jenis. Walaupun Yang Berhormat bagi Rompin tidak faham bahasa itu, itu masalah dia. *[Dewan gamat seketika]* Tetapi, definisi 'diskriminasi' mesti kita mengambil perhatian, menelaah bagaimana kita boleh.....*[Diganggu]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti ikut peraturan Yang Berhormat Rompin. Jangan kita buat suka hati sahaja, ikut peraturan.

Tuan Pengerusi: Hmmm.....apa dia peraturan yang ketiga itu?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw: Kita mesti ikut peraturan Yang Berhormat Rompin. Jangan kita buat suka hati sahaja, ikut peraturan.

Tuan Pengerusi: Hmmm.....apa dia peraturan yang ketiga itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Ya, di situ juga gendang berbunyi. Tidak ubah langsung, tidak boleh, kita mesti ubah, ikut peraturan yang tertentu. Mengenai definisi, untuk diskriminasi jantina, memang penting, bukan satu perkara yang kita boleh menganggap ringan kerana kita sama-sama hendak menangani masalah diskriminasi jantina ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mertajam ya.

6.01 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, saya hanya ada satu pertanyaan, selepas pindaan Perkara 8 ini kerana tadi katakan Perkara 14 dan 15 ia perlu lebih masa untuk meneliti. Bagaimana dengan undang-undang yang lain, yang mendiskriminasikan wanita seperti yang saya hendak tujukan ialah Akta Imigresen 1963, Akta Keselamatan Sosial Pekerja-Pekerja 1969 (SOCISO), Akta Pampasan Pekerja 1952 (Semakan 1982), Akta Pekerjaan 1955 yang Akta Pencen 1980 dan juga Undang-undang Rogol di dalam Kanun Keseksaan, semua ini adalah di dalam buku Malaysian Women and The Law, Chapter Three dan semua ini telah disediakan oleh NGO-NGO. Adakah kerajaan mempunyai rancangan, mempunyai satu jadual bilakah undang-undang ini akan dipindahkan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, minta Menteri, silalah puji mereka itu sedikit. Ya, ada lagi, ada seorang lagi.

6.03 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa untuk membahaskan pindaan bagi Perkara 8 iaitu kita telah pun

Tuan Pengerusi: Perkara 3 Yang Berhormat. Kita bincang Perkara 3. Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Perkara 3, minta maaf. Ya, Perkara 3. Iaitu dengan menambahkan 'jantina' selepas 'keturunan, tempat lahir' dan teks asal fasal ini ialah berkaitan dengan tidak ada perbezaan ataupun diskriminasi terhadap warga negara dalam mana-mana undang-undang atau dalam pelantikan.

Terlebih dahulu saya merujuk kepada kedudukan wanita dan dalam hal ini secara spesifik kepada wanita Islam.

Apabila seseorang isteri diceraikan oleh suami mereka, mereka kadang-kadang pergi kepada Mahkamah Syariah untuk mendapatkan perintah bagi mendapatkan nafkah di atas perceraian tersebut. Dalam beberapa kes tertentu, apabila Mahkamah Syariah telah pun mengarahkan umpamanya, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, ataupun Tabung Angkatan Tentera, di mana suami mereka menjadi pencarum, untuk memberikan nafkah tersebut, perintah Mahkamah Syariah telah tidak dihiraukan oleh badan-badan ini.

Saya berharap ini menjadi satu daripada perkara yang dapat disemak dengan segera oleh kementerian ini, oleh pihak yang berwajib. Walau bagaimanapun, selain daripada itu diskriminasi terhadap warga negara juga, berlaku dalam aspek-aspek yang lain, sebelum kita pergi untuk menonjolkan kerajaan kita benar-benar tidak mengamalkan diskriminasi termasuk dalam jantina, kita ada lelaki, kita ada wanita, kita tidak mahu diskriminasi antara lelaki dan wanita.

Dalam dunia yang sebenar, dalam negara kita bukan sahaja wujud perbezaan jantina, kita juga wujud perbezaan-perbezaan yang lain. Dan perbezaan-perbezaan yang lain ini seharusnya tidak menjadi asas bagi diskriminasi dalam pekerjaan mereka. Yang terakhir, yang terbaru ialah cadangan untuk membolehkan pensyarah-pensyarah dan pelajar-pelajar menandatangani satu perjanjian dengan kerajaan pada hemat saya adalah melanggar fasal ini iaitu diskriminasi berasaskan pekerjaan.

Lebih daripada itu, Tuan Pengerusi, yang paling terang sekali diskriminasi berlaku seperti kata Menteri, kita ada pilihan raya yang bebas. Masalah kita sekarang demokrasi bukan sahaja pilihan raya, demokrasi ialah apa yang akan berlaku selepas pemilihan dibuat oleh rakyat. Mereka menerima kesan deraan, dan juga diskriminasi selepas daripada kebebasan mereka memilih. Ini yang terang-terang berlaku yang urgent yang kita kena lihat. Royalti minyak umpamanya, adalah satu contoh diskriminasi yang paling terang sekali dalam sejarah politik negara kita. Apabila rakyat Terengganu telah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat kita di dalam Jawatankuasa sekarang.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: Saya beri satu contoh, saya akan berbalik kepada

Tuan Pengerusi: Tidak boleh bercakap berkenaan dengan dasar, ya. Sekarang Jawatankuasa berkenaan dengan perkataan-perkataan sahaja ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya akan berbalik kepada pindaan yang khusus Tuan Pengerusi, saya telah beri contoh wanita, Menteri wanita bersetuju dengan saya.

Tuan Pengerusi: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, saya boleh sambung lagi.

Tuan Pengerusi: Jangan berucap di atas dasar itu ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, ya saya faham. Saya faham, saya akan balik kepada wanita. Jika hasrat kerajaan benar-benar tidak mahu ada diskriminasi dalam hal wanita, dalam hal lelaki kerana kita ada dua jantina, ada lelaki ada perempuan, kita tidak hendak diskriminasi. Jangan ada diskriminasi yang lain dan dalam hal wanita ini pun seperti yang telah saya sebutkan, wanita-wanita yang diceritakan mereka tidak mendapat hak dan

Tuan Pengerusi: Sudahlah, ya, ya, Yang Berhormat yang itu telah pun diucapkan tadi pada masa dasar.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tidak, ini Mahkamah Syariah tidak ada sesiapa sebut, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Cukuplah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya ada kes yang spesifik, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rompin. Sudah cukup dah, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali, saya rasa diskriminasi royalti minyak dan sebagainya, diskriminasi ceramah, diskriminasi media, tidak boleh ceramah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah. Ya, Yang Berhormat Menteri.

6.05 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Gelagat sahabat-sahabat Ahli Yang Berhormat sebelah sana ini nampaknya macam kita menembak itik tetapi yang kena ayam.

Oleh kerana kita membincangkan hal-hal yang spesifik. Jadi, yang tidak spesifik masih dibawa tetapi oleh kerana keluhuran Tuan Pengerusi, barangkali diberi peluang itu.

Saya mulakan dengan Kota Melaka. Tuan Pengerusi, sebenarnya, maaflah kalau saya tidak menyebut nama wakil dari Kota Melaka tadi, saya ada catat misalnya dikatakan tentang polisi, pengetahuan tentang kualiti, bahasa ibunda yang dipertikaikan penggunaannya dari segi kaum Cina, kerajaan tidak toleran, boleh saya jawab ini semua, tetapi lantaran kita telah menyentuh perkara-perkara ini dalam aspek lain, saya harapkan tadi kita tidak perlu lagi menyentuh fasal itu.

Mengenai Kertas Putih, kalau kita lihat pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah memadai sama ada berkaitan dengan insiden di beberapa kawasan yang ditonjolkan sebagai masalah tahanan ISA ataupun di lain-lain tempat.

Sebab itu maka Kertas Putih tidak perlu dikemukakan lagi oleh kerana perbuatan-perbuatan yang telah menyalahi peruntukan sama ada di bawah Perkara 149 di bawah mana ISA itu diwujudkan, atau Seksyen 73(1) ataupun Seksyen 8 semua ini telah dihurai dengan panjang lebar, sebab itu tidak perlu Kertas Putih tersebut.

Tetapi sekiranya apa-apa hal yang didapati oleh Yang Berhormat tidak memuaskan, saya percaya Jabatan Perdana Menteri boleh menjadi salurannya untuk memberi jawapan yang lebih tepat dan perasaan yang tidak puas itu dapat kita selingkan dengan perasaan yang puas hati akhirnya.

Yang Berhormat dari Kepong saya akui bahawa diskriminasi ini akan terus menjadi masalah. Di Amerika, *the fifth amendment* atau *the first amendment*, dengan izin, Tuan Pengerusi, masih merupakan masalah diskriminasi, walaupun dari segi idealismenya telah diwujudkan 100 tahun lebih dan kuat kuasa undang-undang mereka sedemikian rupa.

Pada hari ini, berita telah dikeluarkan oleh CNN iaitu 394 kes rompakan bank misalnya di Amerika berlaku, apakah undang-undang mereka tidak cukup? Sebenarnya undang-undang mereka

cukup, tetapi oleh kerana pemilikan senjata dan *lobbies* pemilik senjata lebih kuat daripada *lobbies* yang lain, maka keadaan rompakan itu berleluasa.

Mereka menggunakan kuat kuasa *the first amendment* dan *the fifth amendment*. Di bawa ke negara kita Perkara 8 (2) itulah merupakan satu permulaan bagi kita, sebagai sebuah negara yang baru muncul dari segi sistem demokrasi yang kita anuti.

Mengenai demokrasi, pil demokrasi ini harus kita telan sedikit-sedikit. Kita tidak boleh telan sekali gus. Jiran kita sudah mengalami masalah kerana overdose demokrasi, saya tidak sebut siapa tetapi tercekik. Oleh kerana masa kita untuk menelan dan memakai idea-idea ini tidak *proportionate*, dengan izin, dengan kebolehan kita merobah sistem nilai kita.

Tinggal lagi kalau kita lihat, pohon dan kayu di belantara tidak semuanya sama tinggi, itu pun alam dan kita perlu melihat alam sebagai guru. Seperti mana dikatakan oleh rangkap lama yang kita sentiasa lihat dan dengar dan rangkap lama ini adalah rangkap yang boleh kita pegang untuk kita pakai.

Pisau raut si bongkok hulu

Bentang tilam tengah halaman

Pasir dan laut jadi guru

Alam terbentang jadi pedoman. [Tepuk]

Kita mesti tahu apa sejarah kita, bagaimana kita hendak menjalankan sesuatu, sebab itu pindaan ini kita ansur sedikit demi sedikit. Sedikit pil itu kita telan, sekiranya baik kita akan baik.

Tadi saya sebut kementerian berkenaan yakni Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga telah bertungkus-lumus berusaha supaya implementasi dari segi kejantinaan dan sebagainya dijalankan. Sabar, dan Yang Berhormat Menteri berkenaan, saya percaya akan menjalankan tugas dengan penuh dedikasi.

Akhir sekali Kubang Kerian, beliau menyebut tentang....

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada minta penjelasan pula, ini Bukit Mertajam.

Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Saya fikir saya habiskan ini, Tuan Pengerusi, minta maaf.

Tuan Pengerusi: Dia hendak habiskan dulu, ya.

Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tentang undang-undang Islam, undang-undang Islam.....*[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat ada katakana pil demokrasi perlu ditelan sedikit demi sedikit, saya pun bersetuju dengan pindaan Perkara 8 ini. Kita yang hendak pinda bukan sahaja dari segi undang-undang, ada kata sistem nilai itulah yang saya katakan tadi sistem nilai ataupun soal yang timbul oleh Yang Berhormat bagi Sepang tidak dijawab oleh Yang Berhormat iaitu tentang kita perlu mengadakan kursus kesedaran gender di dalam sekolah untuk mengubah nilai-nilai yang mendiskriminasikan wanita dan ini tidak dijawab dan ini perlu dipandang berat juga, bukan dari segi undang-undang sahaja tetapi dari segi amalan budaya dan juga amalan agama kerana itu merupakan diskriminasi yang sangat teruk juga. Terima kasih.

Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, terima kasih. Untuk jawapannya, dalam pindaan Perlembagaan seperti ini tidaklah boleh dan tidaklah wajar diletakkan semua garis panduan atau detail. Biarkanlah perkara ini dilaksanakan oleh kementerian berkenaan dan setelah berjalan program-program, induksi, bimbingan dan juga kursus-kursus yang dimaksudkan itu, pada masa itu Yang Berhormat bolehlah membuat penegurannya. Saya yakin ini akan dapat dipertingkatkan dan menjadi satu kenyataan dalam tempoh perjuangan nation building, dengan izin.

Tuan Pengerusi, perjanjian yang dikuatirkan itu sesungguhnya tidak bercanggah dengan undang-undang. Perdana Menteri menyatakan mana-mana pihak pelajar, mahasiswa, mahasiswi ataupun yang melibatkan pensyarah yang tidak menjalankan tugas, yang tidak membuat pencapaian akademik sedangkan mereka dipanggil akademik, tidak salah kalau mereka dikenakan syarat-syarat

supaya semua tanggungjawab mereka dijalankan. Sedangkan kita sebagai Ahli Parlimen pun angkat sumpah tetapi mereka di sana mereka tidak ada angkat sumpah, tidak ada buat komitmen.

Oleh itu, apabila Perdana Menteri mengatakan sebagai ketua eksekutif bahawa perjanjian itu harus diperbuat, tidak ada salahnya dari segi undang-undang, dan saya tidak tahulah undang-undang mana yang hendak digunakan sebagai salah. Ada juga perkataan falsafah lama, undang-undang kadang-kadang mahir tetapi bila bicara kalah. Dalam hal ini kita mahu berjaya dalam segi undang-undangnya dan dari segi perbicaraannya.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Pengerusi, saya fikir oleh kerana hari sudah 6.15 tidak ada keputusannya...

Tuan Pengerusi: Tidak beri jalan ya?

Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: ...apa-apa teguran dari Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya akan nukilkan dan cuba barangkali sempat nanti berhujah dengan beliau dan jika tidak puas juga, saya akan sampaikan kepada beliau apa-apa yang hendak kita jalankan dalam bentuk kerajaan dan tindakan kolektif. Terima kasih.

Fasal 3 diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Fasal 4 hingga 14 -

Tuan Abd. Rahman bin Yusof [Kemaman]: Terima kasih saya hendak minta penjelasan mengenai takrif pengundi tidak hadir. Menurut laporan pemantau pilihan raya rakyat Malaysia di kawasan Kubang Pasu, terdapat 3,000 pengundi yang mempunyai kad pengenalan yang nombornya berturut-turut iaitu dari 1600001 hingga 1603000. Berdasarkan daripada IC ini, pengundi-pengundi ini berumur di antara 90 hingga 100 tahun. Apabila Perdana Menteri ditanya oleh wartawan asing yang disiarkan secara langsung dalam TV3 pada 30 November 1999 pada pukul 2.30 pagi, dengan izin, "What have you to say regarding 3,000 phantom voters voting for you during the election?". Ahli Parlimen bagi Kubang Pasu yang juga Perdana Menteri tidak sedikit pun menafikan kewujudan pengundi hantu yang memilih beliau dalam pilihan raya baru-baru ini *[Sorak]* tetapi hanya memberi jawapan berikut, "Well, even PAS is doing the same". *[Tepuk][Sorak]*

Yang hairannya PAS tidak mempunyai apa-apa kuasa....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya?

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: ...pengundi..

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini jauh dasar Tuan Pengerusi, ini kena spesifik kepada perkara apa tetapi ini jauh ni, ini sepatutnya dibahaskan semasa dasar kerana spesifik pada ayat itu...

Seorang Ahli: Biarlah dia cakap.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Pengundi tidak hadir.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mhd. Jarjis: Ini bukan spesifik kepada ayat dalam itu, Tuan Pengerusi.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini sudah dasar, kalau tidak bawa pindaan.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Pengundi tidak hadir.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tidak, ini dasar Tuan Pengerusi. Ini mesti spesifik kepada perkara di sini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Yang Berhormat-Yang Berhormat, saya bersetuju kata ini adalah dasar. Ya, dasar dan....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ini jawatankuasa, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Jawatankuasa berlainan, Yang Berhormat. Dalam jawatankuasa masa membahaskan berkenaan dengan pindaan undang-undang, hanya yang boleh dituturkan atau diucapkan ialah berkenaan dengan perkataan-perkataan yang silap, yang tidak betul, hendak membetulkan dan sebagainya. Yang itu sahaja, yang lain tidak boleh.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Kita minta Yang Berhormat bagi Kemaman bagikan kita tape sebenar berkenaan tuduhan beliau.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Ya, okay. Laporan pemantau ada.

Tuan Pengerusi: Cukup, cukuplah Yang Berhormat bagi Kemaman. Cukuplah ucapan Yang Berhormat itu, cukuplah oleh kerana pada fikiran saya ucapan Yang Berhormat itu menyentuh dasar.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, baiklah. Siapalah.. Kalau Yang Berhormat berucap saya tidak benarkan...berkenaan dengan dasar. Jika sekiranya berkenaan dengan jawatankuasa ataupun hanya di atas perkara....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, berkenaan dengan dasar Yang Berhormat cakap itu. Patut diucapkan dalam masa tadi.

Beberapa Ahli Pembangkang: *[Menyampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: ...semasa pengundi yang tidak hadir. Jadi, dikeluarkan....

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Cuba teruskan ya.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Okay. Terdapat 64,701 pendaftar pengundi yang dikesan tidak...*[Sorak]*

Tuan Pengerusi: Dasar itu, itu dasar itu.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, cubalah...cukuplah...

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Kemaman, saya mintalah kalau sekiranya Yang Berhormat hendak sambung ucapan itu saya tidak benarkan. Siapa yang lain hendak berucap? Ya, Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan dan implikasi pindaan yang dicadangkan di bawah 4(b) – tarikh kelayakan di mana mengikut pengertian penjelasan di sini, tarikh kelayakan adalah pada masa sipengundi itu mendaftarkan diri sebagai pengundi ataupun pada tarikh dia memindahkan tempat pengundiannya.

Dalam soal ini Tuan Pengerusi, memang ini satu pindaan yang seterusnya memberi penjelasan yang begitu luas. Pada dahulunya pengertian kita dalam soal tarikh kelayakan itu adalah pada tarikh apabila daftar itu disemak dan para peguam kita biasa berbincang dan bertentangan pandangan dengan pihak SPR. Atas dasar inilah sebenarnya pihak SPR mengatakan tidak boleh bantah senarai A oleh kerana dia mengatakan bahawa senarai itu adalah senarai yang tarikh kelayakannya pada masa dia mendaftarkan diri dan pihak kita mengatakan tidak kerana ini adalah semakan, kita mempunyai hak untuk mempersoalkan atau membantah pengundi dalam senarai A, yang satu, hilang kelayakan; kedua, misalnya telah dijatuhkan hukuman jenayah; dan ketiga, kelayakannya itu dibuktikan dengan secara rasmi.

Namun demikian, pihak SPR pada waktu itu dikatakan mengeluarkan surat arahan kepada Pegawai Penyemak, tidak boleh diterima Senarai 'A' dan dalam soal ini Tuan Pengerusi, nampaknya ini telah diperjelas bahawa tarikh kelayakan ini adalah pada masa dia memohon pada pertamanya ataupun

pada tarikh dia memindahkan. Soalnya di sini saya minta penjelasan daripada pihak Menteri ialah implikasi yang ada tersirat dengan satu penjelasan, huraian yang tidak 'terpugas' ataupun tidak dibuka daripada rang undang-undang ini iaitu yang mengatakan jika daftar pemilih bagi Bahagian Pilihan Raya itu disiarkan dalam warta kemasukan seseorang dalam daftar pemilih itu akan menjadi keterangan muktamad bahawa dia didaftarkan dan sepatutnya di dalam daftar itu. Yang Berhormat mengatakan bahawa pada masa dia memohon ataupun pada masa dia meminda.

Tuan Pengerusi, soal yang ingin ditanya ialah kita sedia maklum 'memang ada undang di sebalik batu' ini ada pindaan seterusnya yang akan ada kaitan dengannya dan saya ingin bertanya kepada pihak Menteri untuk memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini adakah pihak kerajaan akan melakukan pindaan seterusnya di mana apabila nama itu tersiar dalam warta seterusnya, maka cadangan pihak kerajaan awalnya seperti yang dikemukakan oleh Menteri yang berkenaan bahawa tidak ada dengan izin, judicial review lagi kepada kes itu apabila disiarkan dalam warta. Ini ada kaitan dengan soal tarikh kelayakannya.

Saya minta pihak Menteri bolehkah memberi jaminan bahawa perubahan ini tidak ada consequential effect, dengan izin, kepada tujuan seterusnya untuk melakukan satu pindaan pada bulan Oktober nanti supaya apabila nama itu tersiar dalam warta dan tarikh kelayakannya seperti yang didefinisikan di sini, maka dia tidak subjek kepada judicial review. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Bachok, lepas itu Menteri menjawab.

6.22 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof [Bachok]: Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Fasal 7, satu kekeliruan dan mungkin suatu penjelasan yang tidak nampak daripada jawapan Menteri tadi.

Berhubung dengan mengganti umur 55 tahun kepada suatu umur persaraan paksa bagi anggota perkhidmatan. Kekeliruan timbul daripada huraian di bawah Perenggan 6 telah memberi suatu maksud yang lain iaitu Fasal 7 rang undang-undang ini supaya sebutan tentang umur 55 tahun dalam Fasal 2, Perkara 65 diubah supaya mereka tidak lagi memegang jawatan apabila mereka mencapai umur persaraan wajib. Perkataan 'wajib' ini diterjemahkan daripada Bahasa Inggerisnya 'compulsory', dengan izin, dan dalam teks Bahasa Malaysia pada Fasal 7 ini digunakan umur persaraan paksa, ini suatu kekeliruan daripada sudut fahaman dan pemakaian. Saya ingin mendapat penjelasan yang sebenar.

Kemudian merujuk kepada Fasal 8 di bawah rasionaliti, saya ingin mendapat suatu penjelasan rasionaliti keanggotaan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) daripada tiga ditambah lima, adakah ia semata-mata kerana tuntutan daripada keperluan pihak negeri Sabah dan Sarawak ataupun keperluan dari sudut gerak kerja SPR, dari sudut masa depan pengurusan pilihan raya sendiri kerana dua orang yang ditambah itu sudah pasti melibatkan kos dan juga pengurusan-pengurusan dari sudut belanjawan.

Kemudian, merujuk kepada Fasal 9 di bawah

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam dasar telah pun bersetuju kata ditambahkan kepada

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: ...saya ingin mendapat penjelasan Tuan Yang di-Pertua, penjelasan sebenar sebab daripada penggulangan Menteri tidak diberi penjelasan apa yang dikelirukan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Dan akhir sekali Fasal 9 ini merujuk kepada kemasukan perenggan baru mengenai dengan pendaftaran pemilih dalam bahagian pilihan raya yang dia bermastautin pada tarikh kelayakan.

Apakah yang menjadi suatu kekeliruan ialah dari sudut had sebenar tempoh untuk mendaftar pemilih, adakah pada suatu tarikh sepenuhnya untuk satu tahun. Yang kedua, dalam tahun kelima penggal pilihan raya adakah had ini untuk mendaftar secara terbuka dari sudut maksud pendaftaran pemilih secara terbuka?

Yang ketiga, kemungkinan-kemungkinan dari sudut perlindungan perundangan kerana kemungkinan untuk penipuan di sebalik taraf pemastautin itu boleh dibuat dengan mendaftar kad pengenalan dan diubah. Yang sebenarnya sebagaimana maksud daripada komen Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada suatu masa, saya mendengar sendiri

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Point of order, Tuan Pengerusi. Saya hendak kemukakan Point of order, saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya baca Peraturan Mesyuarat 57(1) Aturan Dalam Jawatankuasa Sesebuah Majlis Yang Menimbang Rang Undang-undang. *“Setiausaha hendaklah menyebutkan nombor tiap-tiap fasal ataupun fasal dalam rang undang-undang itu selepas satu fasal-satu fasal. Jika tidak ada pindaan dicadangkan pada satu fasal atau setelah selesai segala pindaan dicadangkan, maka Pengerusi hendaklah mengemukakan kepada mesyuarat masalah iaitu fasal ini (seperti yang telah dipinda jadi sebahagian daripada rang undang-undang ini).”*

Jadi, itu sahaja yang saya fahamkan Jawatankuasa mengikut aturan ini. Jadi, saya minta ruling daripada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya, saya sudah buat ruling tadi jikalau sekiranya sudah setuju di atas dasarnya, maka tidak bolehlah siapa-siapa membuat bantahan. Saya hanya membenarkan siapa-siapa yang hendak membuat komen ataupun hendak bertanya sedikit sebanyak itu boleh dibenarkan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Saya sambung sedikit lagi Tuan Pengerusi, maksud saya untuk mengakhiri maksud. *[Disampuk]* Sedikit lagi minta maaf ya.

Di bawah Fasal 9 tadi kemungkinan penipuan di sebalik amalan perundangan kerana dari sudut kad pengenalan tadi, dari sudut jaminan perubahan alamat mengikut di mana dia akan mendaftar dia boleh dibuat dengan urusan pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Menteri menjawab.

6.27 ptg.

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ringkaskanlah jawapan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan dari sudut teknikal sesungguhnya tetapi dalam untuk yang juga ber asas kepada perkara am yang tidak sepatutnya berlaku.

Walau bagaimanapun, mengenai pengundi tidak hadir konotasi dan maknanya ialah mereka yang tidak secara fizikal dapat melaksanakan perbuatan memilih pada masa yang ditetapkan adanya satu pilihan raya.

Mengenai pandangan Yang Berhormat bagi Bandau tarikh kelayakan tadi tidak ada permasalahan. Saya telah menghuraikan ini dalam jawapan sebentar tadi yakni dua tarikh penting untuk diambil sebagai fakta yang rasmi iaitu tarikh seseorang memohon sebagai pemilih. Yang kedua, tarikh jika dia berpindah kawasan ini akan menjadi bukti menunjukkan bahawa beliau itu adalah pemilih dalam constituency atau kawasan berkenaan. Sekiranya tidak puas hati tentang kedudukan perkara-perkara itu seseorang itu boleh membuat petisyen atau terus melakukan pertanyaan kepada SPR.

Mengenai pandangan Yang Berhormat bagi Bachok, umur bersara paksa wajib sebenarnya huraian itu bukan sebahagian daripada undang-undang atau peruntukan rasmi. Ianya digunakan dalam bentuk bahasa yang lebih mudah, misalnya bersara wajib ada pihak yang menggunakan bersara paksa dalam beberapa dokumen tetapi kalau menurut Akta Pentakrifan tahun 1948 sekiranya dua perkataan itu boleh dimengertikan membawa satu pengertian am, maka biasanya mahkamah memberi pengertian am itu untuk penggunaan biasa.

Tuan Pengerusi, bilangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu dinaikkan dari angka 5 kepada 7 setelah rayuan dibuat oleh SPR dan dipertimbangkan oleh kerajaan sebagai manfaat kepada SPR buat masa hadapan yang tanggungjawabnya dan perkara-perkara yang ditokok dari masa ke semasa dalam pemikulan tanggungjawab tadi perlu mendapat bilangan yang lebih di samping perwakilan daripada wilayah-wilayah mungkin dapat dilaksanakan dengan pembesaran angka tersebut.

Fasal 4 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan dipersetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang. Dan oleh sebab mengikut peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) (No. 2) 2001 ini memerlukan sokongan kepada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini, maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(5) saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang. Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

[Loceng dibunyikan]

[Dewan berbelah bahagi an]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, penghitung-penghitung undi sila ambil tempat masing-masing di hadapan Blok Yang Berhormat. Oleh sebab Blok F penghitung undinya tidak ada, saya mintalah Rantau Panjang sila jadi penghitung.

Undian dijalankan sekarang.

- | | | |
|------------|---|--|
| Kumpulan A | – | Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Dato' Seri Ong Ka Ting; |
| Kumpulan B | – | Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Dato' Kerk Choo Ting; |
| Kumpulan C | – | Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Tuan Hashim bin Ismail; |
| Kumpulan D | – | Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis; |
| Kumpulan E | – | Dato' Mohd. Zain bin Omar; |
| Kumpulan F | – | Tuan Haji Abdul Fatah bin Haron. |

[Pengundian dijalankan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menanti kiraan dibuat oleh Setiausaha, saya ada satu pengumuman iaitu saya telah mendapat perutusan daripada Ketua Majlis iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa kerajaan telah memutuskan supaya mesyuarat Dewan Rakyat yang sedang bersidang sekarang ditambah empat hari lagi iaitu mulai hari Isnin 6 Ogos sehingga hari Khamis, 9 Ogos minggu hadapan. Tambahan ini diperlukan bagi membolehkan rang undang-undang yang telah dibuat bacaan kali yang pertama dapat diluluskan. Dan pengumuman ini yang selaras dengan Peraturan Mesyuarat 11(2) Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, ini adalah keputusannya. Ahli-ahli yang bersetuju ialah 154 orang; yang tidak bersetuju ialah 0 orang; yang tidak mengundi ialah 0. *[Tepuk]*

YANG BERSETUJU:

154

YANG TIDAK BERSETUJU:

– tiada –

YANG TIDAK MENGUNDI:

– tiada –

[Nama-nama Ahli-ahli Dewan yang bersetuju, yang tidak bersetuju dan yang tidak mengundi akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH
PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Terima kasih.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ucapan Penangguhan ya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

UCAPAN PENANGGUHAN

**Pembayaran Baki Wang Tabung Amanah JE
Kepada Penternak Babi Oleh Kementerian Pertanian**

6.41 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, ekoran berlakunya wabak Nipah pada tahun 1999, MCA telah menubuhkan satu tabung amanah manakala kerajaan juga telah menubuhkan satu akaun amanah JE untuk memungut sumbangan wang daripada orang ramai. Tujuan tabung amanah JE yang ditubuhkan oleh MCA adalah bertujuan untuk memberi pelbagai bantuan kepada penternak khinzir yang terpaksa pindah keluar dari rumah mereka, menerima rawatan hospital dan sebagainya. DAP telah membongkar di Dewan ini penyelewengan yang telah berlaku dalam pengagihan tabung ini dan saya tidak bercadang mengulang isu ini.

Saya merasa gembira bahawa MCA akhirnya telah tunduk kepada kebenaran dan mereka yang mengadu kepada saya telah mendapat bayaran khas sebanyak RM25,000 seorang baru-baru ini. Mengikut satu jawapan bertulis yang telah diberikan oleh Menteri Pertanian, jumlah wang sumbangan yang telah dipungut oleh akaun amanah JE yang ditubuhkan oleh kerajaan setakat 31 Mac tahun ini berjumlah RM155,745,961.80.

Menteri Pertanian juga berkata jumlah pampasan yang telah dibayar kepada seramai 9,063 penternak di lapan buah negeri ekoran pemusnahan babi yang telah dijalankan adalah RM134,137,917.00. Jumlah bilangan ternakan dituntut ialah lebih daripada satu juta. Ini bermakna bahawa terdapat baki RM21,608,049.80.

Semasa Pilihan Raya Kecil Telok Kemang dijalankan pada tahun lalu, Menteri Kesihatan telah mengumumkan bahawa baki wang tabung ini akan dibahagikan kepada penternak khinzir mengikut bilangan ternakan yang dituntut. Oleh yang demikian, kerajaan harus menjelaskan apakah sebabnya janji pilihan raya itu belum dapat dikotai dan bilakah baki wang akan dibayar kepada penternak khinzir yang terlibat.

Sekiranya terdapat lagi kes rayuan, berapakah kes yang masih belum diselesaikan dan bilakah kes akan selesai? Memandangkan segala wang sumbangan tabung ini adalah sumbangan wang orang

ramai untuk membantu penternak khinzir yang telah banyak menderita ekoran berlakunya wabak Nipah, kerajaan tidak boleh menyimpan wang ini untuk tujuan lain atau melambatkan pembayaran kepada mereka.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, dalam kes wabak Nipah ini, jelas sekali bahawa orang ramai telah menderma untuk membantu penternak khinzir manakala kerajaan dan MCA hanya memainkan peranan ejen memungut wang. Majoriti penternak khinzir yang terjejas adalah dari Bukit Pelandok, Negeri Sembilan. Ekoran berlakunya wabak Nipah, semua aktiviti menternak khinzir di Negeri Sembilan telah dilarang, akan tetapi Barisan Nasional juga telah berjanji akan membenarkan aktiviti menternak khinzir di Jimah Pig Farming Area.

Oleh yang demikian, kerajaan harus memberitahu Dewan ini bilakah janji ini akan dikotai? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kementerian Pertanian.

6.45 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka yang telah membangkitkan isu ini.

Pertamanya, jumlah bantuan kewangan yang telah dibayar kepada para penternak mengikut negeri sehingga 10 Julai 2001 adalah sebanyak RM136,181,937.00. Maklumat terperinci saya akan berikan kemudian.

Jumlah sumbangan yang telah diterima sehingga ini ialah RM155,745,961.84. Bilangan penternak dan jumlah bayaran yang masih diproses adalah seperti berikut:

(i)	Negeri Sembilan -	9 orang
	Jumlah tuntutan -	RM897,000.00
(ii)	Negeri Selangor -	10 orang
	Jumlah tuntutan -	RM644,040.00

Dengan demikian, jumlah bayaran bantuan kewangan adalah sebanyak RM137,722,977. Jumlah bayaran ini telah pun melebihi anggaran awal sebanyak RM113 juta yang diluluskan oleh kerajaan. Baki akaun amanah JE setelah diambil kira bayaran yang belum diproses adalah sebanyak RM18,022,984.84.

Untuk makluman, Kementerian Kewangan terpaksa mengeluarkan lebih banyak lesen untuk *special draw* kepada Syarikat-syarikat Ramalan Berlesen untuk menampung jumlah yang diperlukan apabila kerajaan menaikkan kadar bayaran setiap ekor babi yang dimusnahkan daripada RM50 seekor kepada kadar RM120 seekor bagi 2,000 ekor pertama dan RM85 seekor bagi bilangan ternakan yang melebihi 2,000 ekor. Dengan bayaran di atas, kerajaan telah menunaikan janji dan tanggungjawab kepada penternak terlibat.

Berdasarkan tindakan-tindakan yang telah diambil seperti yang dinyatakan, kerajaan berpendapat bahawa bantuan yang telah diberikan kepada penternak babi yang terlibat adalah lebih daripada mencukupi untuk mengatasi kesulitan-kesulitan yang telah mereka hadapi. Oleh yang demikian, kerajaan tidak bercadang untuk membahagikan baki peruntukan yang ada kepada penternak babi berkenaan. Sebaliknya kerajaan berpendapat adalah lebih berfaedah sekiranya baki peruntukan ini digunakan sebagai tabung bantuan untuk menampung perbelanjaan pampasan jika berlaku wabak penyakit merbahaya seperti Nipah ini pada masa akan datang.

Berikutan berlakunya wabak Nipah pada tahun 1999, kerajaan telah merancang untuk menyusun semula industri babi dengan menggubal konsep kawasan penternakan babi (PFA) dengan kriteria baru yang perlu dipatuhi oleh setiap PFA. Kriteria-kriterianya....

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat...

Dato' Abu Bakar bin Taib:adalah untuk ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Melaka terdiri Yang Berhormat, hendak minta penjelasan. Ha, sila.

Tuan Kerk Kim Hock: Terima kasih. Pendapat kerajaan ialah bahawa jumlah pampasan itu memang mencukupi tetapi kalau kerajaan tanya para penternak-penternak khinzir, mereka memang sekarang menderita. Jadi, saya tidak nampak bagaimana kerajaan boleh simpan wang baki itu yang seharusnya diberikan kepada mereka. Jadi, saya harap kerajaan boleh kaji semula keputusan itu. Kalau tidak pasti sama ada mereka betul-betul menderita, adakan satu dialog di tempat-tempat itu dan berdialog dengan mereka.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah pendapat kerajaan. Kriteria-kriteria ini adalah untuk menjamin supaya penternakan babi dijalankan secara teratur dengan mengambil kira masalah kesihatan, pencemaran dan lain-lain isu sosial. PFA di Jimah, Bukit Pelanduk masih tidak dapat memenuhi segala kriteria yang telah ditetapkan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Projek Pangsapuri Widuri, Lorong Cempa,
Butterworth SPU Terbangkalai**

6.48 ptg.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, terbangkalainya Projek Pangsapuri Widuri, Lorong Cempa, Butterworth SPU oleh pemaju, Diamond Crest Sendirian Berhad. Projek tersebut mengandungi satu blok 12 tingkat rumah pangsa kos rendah 230 unit, tiga blok 14 dan 15 tingkat rumah pangsa kos sederhana, 740 unit dan kedai pejabat 13 unit. Jumlah semua sekali ialah 983 unit.

Projek tersebut telah mula pembinaannya pada Jun 1997 dan perlu siap pada Jun 2000 tetapi ia telah terbangkalai sejak satu tahun lebih dahulu. Status kemajuan kerja adalah 65% dan 70% dari unit-unit tersebut telah dijual. Setinggalan-setinggalan di tapak tersebut telah dijanji pembayaran sewa rumah sebanyak RM400 sebulan sehingga rumah pangsa siap dibina tetapi sewa ini telah diberhentikan 6 hingga 7 bulan yang lepas.

Kini pembeli rumah pangsa kena membayar bayaran ansuran bulanan kepada bank dan juga membayar sewa rumah bulanan. Ini sangat menyusahkan para pembeli dan setinggalan. Saya meminta pihak kementerian memberitahu apa usaha-usaha yang telah dijalankan untuk menyelamatkan projek terbangkalai ini. Sama ada pihak kementerian bercadang mengambil alih projek ini melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad yang diwujudkan oleh kerajaan, apa jaminan pihak kerajaan kepada para pembeli dan setinggalan supaya projek ini tidak dilelong oleh pihak bank dan pelaburan pembeli tidak terjejas. Sekian sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila Kementerian Perumahan.

6.51 ptg.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bagan yang telah membuat ucapan penangguhan pada hari ini di mana pada keseluruhannya menyentuh berkaitan dengan sebuah projek perumahan swasta di Butterworth, Seberang Prai Utara, Pulau Pinang yang telah terbangkalai.

Sebagaimana yang sering kali diumumkan di Dewan yang mulia ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa memberi perhatian terhadap projek-projek perumahan yang bermasalah di seluruh negara dan memantau perkembangannya dari masa ke semasa bagi membantu pertumbuhan industri perumahan khususnya dalam tempoh kegawatan ekonomi dan juga menjamin kepentingan pembeli-pembeli rumah.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pemaju projek pangsapuri Widuri Butterworth yang telah terbangkalai ialah Syarikat Diamond Crest Sendirian Berhad yang telah diberikan lesen pemajuan perumahan berkuat kuasa mulai 26 Ogos 1997 hingga 25 Ogos 2002. Projek tersebut telah dibangunkan di atas sekeping tanah pegangan bebas, dengan izin, freehold dengan keluasan 9.6 ekar yang terdiri daripada tiga blok 14 dan 15 tingkat rumah pangsa kos sederhana mengandungi 740 unit dan satu blok 12 tingkat rumah pangsa kos rendah mengandungi 230 unit. Keseluruhan projek ini mengandungi 983 unit termasuk 13 unit rumah kedai dan pejabat.

Rumah pangsa kos sederhana telah dijual dengan harga di antara RM79,800 hingga RM104,800 seunit dan rumah pangsa kos rendah dengan harga RM25,000 seunit. Sebanyak 526 unit rumah pangsa kos sederhana bersamaan dengan 71% dan 204 unit rumah pangsa kos rendah bersamaan 88% telah dijual.

Kerja-kerja pembinaan projek ini telah dimulakan pada bulan Ogos 1997. Kemajuan projek mulai lembap pada awal tahun 1999 dan terus terhenti mulai akhir tahun 1999. Kemajuan fizikal rumah pangsa kos sederhana pada masa ini ialah antara 60% hingga 70% dan rumah pangsa kos rendah ialah 30%.

Dimaklumkan bahawa sebelum projek tersebut dimulakan, terdapat setinggan menduduki kawasan tapak projek. Pemaju telah membuat urusan dengan setinggan supaya mengosongkan tapak projek dengan persetujuan keluarga setinggan diberi ganjaran sewa rumah sebanyak RM400.00 sebulan sehingga rumah pangsa siap dibina. Persetujuan atau persefahaman antara pemaju dan setinggan ini adalah di luar pengetahuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Difahamkan juga setinggan yang berkenaan telah ditawarkan untuk membeli rumah kos rendah di atas tapak projek yang sama. Secara terperinci kementerian tidak mempunyai maklumat mengenai kegagalan pemaju untuk meneruskan bayaran ganjaran sewa rumah kepada setinggan yang berkenaan. Bagaimanapun kementerian turut bersimpati ke atas bebanan sewa rumah yang terpaksa ditanggung oleh pembeli-pembeli setinggan bagi projek rumah pangsa berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek perumahan yang terbengkalai ini pegawai-pegawai kementerian telah membuat lawatan kepada 21 April 2000 ke pejabat pemaju dan tapak projek. Pemaju telah diminta menyediakan kertas kerja, dengan izin, projected cash flow bagi tujuan menyiapkan projek tersebut dan laporan akaun pemajuan perumahan tahun 1999 yang telah disahkan oleh Juruaudit bertauliah. Walau bagaimanapun, pemaju gagal menyediakan dokumen-dokumen yang dikehendaki sehingga Pengarah-pengarah syarikat pemaju meletak jawatan.

Pertukaran Pengarah-pengarah syarikat pemaju berlaku lagi buat kali kedua menyebabkan kementerian sukar memperolehi laporan lengkap dalam masa yang singkat. Adalah difahamkan pemaju sedang berusaha untuk mendapatkan bantuan pinjaman bagi pemulihan projek.

Pada 13hb. April 2001 kementerian telah mengarahkan pihak pengurusan baru syarikat pemaju perumahan untuk hadir ke kementerian bagi mengetahui mengenai langkah-langkah pemaju untuk menyiapkan projek-projek tersebut. Sementara menunggu cadangan yang konkrit daripada pihak pemaju di atas urusan pemulihan yang terbengkalai ini, pada 16hb. Julai 2001 kementerian telah menerima satu kertas kerja daripada sebuah syarikat yang ingin bertindak sebagai pengurus projek, juru perunding dan pembiayaan untuk memulakan projek tersebut.

Difahamkan penyediaan kertas kerja pemulihan projek berkenaan adalah di dalam pengetahuan pihak pemaju yang pada masa ini. Kementerian sedang mendapatkan kepastiannya. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan urusan pemulihan projek terbengkalai ini masih lagi berterusan dalam tempoh persidangan Dewan yang mulia ini, kementerian tidak dapat menjangka mengenai kemajuan pemulihan projek terbengkalai ini.

Namun demikian sebagaimana yang telah saya terangkan sebentar tadi, jelaslah menunjukkan kementerian telah mengambil langkah-langkah yang diperlukan bagi menyelesaikan permasalahan pelaksanaan projek perumahan ini.

Sebenarnya kementerian juga telah menjadualkan untuk mengadakan beberapa sesi perbincangan di atas urusan pemulihan projek dengan pemaju, pihak pembeli institusi kewangan yang berkaitan dan lain-lain pihak termasuk jabatan-jabatan teknikal sekiranya diperlukan. Difikirkan kaedah penyelesaian secara perundingan merupakan cara yang terbaik buat masa ini, termasuk langkah-langkah untuk menimbangkan cadangan pemaju atau melibatkan syarikat-syarikat perumahan negara. Kementerian menyedari tindakan di bawah penguatkuasaan undang-undang boleh diperbuat pada masa yang sama, tetapi mengikut pengalaman yang sedia, penyelesaian yang terbaik adalah melalui penyalarsan kementerian melalui meja rundingan.

Sekiranya berlaku kegagalan melalui meja perundingan, kementerian akan menimbangkan tindakan-tindakan yang sewajarnya di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada. Saya percaya langkah-langkah kementerian ini menjurus kepada langkah-langkah untuk mengelakkan institusi-institusi kewangan mengambil tindakan-tindakan yang lebih agresif seperti lelongan atas sebab-sebab kegagalan pemaju menyelesaikan masalah pembiayaan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping beberapa urusan yang sedang diuruskan oleh kementerian, pihak kerajaan negeri juga mengambil langkah-langkah yang pro-aktif bagi membantu menyelesaikan

masalah pelaksanaan projek ini dengan mengadakan perundingan dengan pihak-pihak yang berkaitan, lebih-lebih lagi ianya membabitkan masalah setinggan. Mengikut laporan awal kementerian, pemaju terpaksa membelanjakan sebanyak lebih kurang RM39,000 sebulan untuk membayar ganjaran sewa rumah kepada setinggan tapak projek tetapi telah tidak dapat diteruskan. Saya percaya pihak kerajaan negeri Pulau Pinang mengambil kira permasalahan setinggan ini kerana ianya juga merupakan masalah negeri. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam

Julai 2001

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ **Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)**
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)

- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parli men Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)

	“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
	“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
	”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
	”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
	“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
Yang		Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
Berhormat	“	Datuk Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
	“	Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
	“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
	“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
	“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
	“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
	“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
	“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
	“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
	“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
	“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
	“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
	“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
	“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
	“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
	“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
	“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
	“	Tuan Bung Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
	“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
	“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
	“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
	“	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
	”	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
	“	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
	“	Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
Yang		Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
Berhormat	”	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
	”	Tuan Goh Kheng Huat (Ni bong Tebal)
	”	Dato Goh Siow Huat (Rasah)

- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- Yang Berhormat Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)

- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Datuk Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- Yang Berhormat Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ **Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)

- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- ” Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- ” Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- Yang Berhormat Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- ” Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- ” Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- ” Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGASCAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KETIGA

MESYUARAT KEDUA

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 21)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2001	(Halaman 22)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 112)
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 152)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Pembayaran Baki Wang Tabung Amanah JE Kepada Penternak Oleh Kementerian Pertanian – <i>Y.B. Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]</i>	(Halaman 152)
Projek Pangsapuri Widuri, Lorong Cempa, Butterworth SPU Terbengkalai – <i>Y.B. Tuan Lim Hock Seng [Bagan]</i>	(Halaman 155)